


NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

13 NOV 1989

89-2751

Serangkai Warisan Sejarah

NASKHAH CONTOH
SAMPLE COPY



Serangkai Warisan Sejarah

DISELENGGARAKAN OLEH

A. SAMAD AHMAD

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1989

KK 809 - 4131 5101
ISBN 983-62-0895-X

Cetakan Pertama 1989
© Hakcipta A. Samad Ahmad 1989

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhurf oleh Grafikaprin Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks : Times Roman
Saiz Taip Teks : 10/12 poin

M

959.503
SER

521191
APB

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka,
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS,
Ampang/Hulu Kelang,
Selangor Darul Ehsan.
\$8.00

19 DEC 1989
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

| | |
|---------------|-----|
| Sekapur Sirih | vii |
| Pendahuluan | ix |

TAWARIKH RAJA-RAJA MELAKA DAN PAHANG

| | |
|--|----|
| | 1 |
| Petikan Ringkas daripada Sulalatus Salatin | 1 |
| Raja yang Turun dari Bukit Siguntang | 6 |
| Raja-raja Melaka | 7 |
| Putera Raja Melaka yang Pertama Merajai Pahang | 9 |
| Sesudah Melaka Jatuh ke Tangan Peringgi | 10 |
| Acheh Menyerang Johor | 11 |
| Kisah Raja-raja Pahang | 11 |
| Anak Raja Siak Datang ke Pahang | 13 |
| Hubungan Siak dengan Melaka | 14 |
| Sejarah Raja-raja Acheh Darul-Salam | 15 |
| Kedatangan Ulama-ulama Islam ke Acheh | 16 |
| Zaman Kerajaan Sultan Iskandar Muda | 19 |
| Iskandar Thani Diambil Jadi Menantu | 21 |
| Persiapan untuk Perkahwinan Diraja | 23 |
| Istiadat Persiraman Dalam Mimpi | 26 |
| Sultan Iskandar Thani Merajai Acheh | 27 |
| Peristiwa Percubaan Meracun Raja | 29 |

SALASILAH RAJA-RAJA TERENGGANU DAN TIMUR

| | |
|------------------------|----|
| | 32 |
| Ke Johor Memohon Tanah | 40 |
| Sultan Kota Tauhid | 41 |
| Dato' Padang Saujana | 42 |

| | |
|--|----|
| Sultan Mahmud Mangkat Dijulang | 43 |
| Raja Kecil | 45 |
| Sultan Zainal Abidin | 46 |
| Tarikh-tarikh Kemangkatan | 47 |
| Anak Raja Diculik | 49 |
| Asalnya Pohon Kayu Emas Sebagai Hadiah | 50 |

HUKUM KANUN

| | |
|---|----|
| Mukadimah Hukum Kanun Melaka | 52 |
| Hukum Kanun, Adat Negeri dan Tafahus Kelantan | 53 |
| Lanjutan dari Hukum Kanun Melaka | 76 |

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR

| | |
|--------------------------------------|-----|
| Makna-makna bagi Perkataan-perkataan | 90 |
| Undang-undang | 91 |
| Raja dan Kerajaan | 92 |
| Jemaah Menteri | 92 |
| Mesyuarat Kerajaan | 105 |
| Berbagai-bagai Ingatan | 110 |
| | 113 |

SEKAPUR SIRIH

Alhamdulillah! Sesudah mengucapkan segala puji bagi Allah, dan mengucapkan beribu-ribu syukur kehadiran Allah subhanahu wa taala atas segala rahmat-Nya, maka dengan sepenuh-penuh ikhlas saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Lembaga Pengelola, dan Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, kerana memberi izin dan persetujuan kepada saya sebagai seorang penulis tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka, menyempurnakan projek menyelenggarakan buku *Serangkai Warisan Sejarah* ini.

Sesungguhnya buku ini tidaklah dapat dihasilkan seperti keadaannya yang ada ini, jika tidak dengan adanya kerjasama dari beberapa orang budiman, rakan taulan saya, terutama sekali para pegawai dan kakitangan yang bertugas di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka; demikian juga kerjasama dari beberapa orang rakan taulan saya yang ahli dalam Bahasa Arab, yang berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Begitu juga, ucapan ribuan terima kasih saya, umumnya kepada sekalian budiman kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada kaitan tugasnya dalam usaha penerbitan buku ini, atas apa jua sumbangan kerjasama yang telah mereka berikan.

A. Samad Ahmad



PENDAHULUAN

Buku ini mengandungi empat daripada sembilan perkara atau bab, yang dipilih dan diturunkan dari sebuah manuskrip yang ada di dalam milik Dewan Bahasa dan Pustaka; angka pengenalannya – DBP M.S. 88 – Manuskrip tersebut tiada mempunyai judul; mungkin lembaran judulnya sudah hilang. Bagaimanapun, di dalam *Katalog Manuskrip Koleksi Perpustakaan DBP*, manuskrip ini disebut namanya "Kitab Sembilan Perkara".

Menurut keterangan yang tercatat di dalam katalog tersebut, di antara lain-lain: "Keadaan manuskrip ini kurang memuaskan. Beberapa muka surat didapati berlubang dimakan serangga. Dakwat hitam yang mengandungi asid telah meresap masuk ke dalam kertas. Ini menyebabkan tulisan semakin kabur dan koyak, dan sukar untuk dibaca Dibeli daripada Ali bin Embong pada 19.11.1959".

Seterusnya di dalam katalog itu menyebut: "Kitab ini mengandungi sembilan perkara yang diperbincangkan:

- (a) Keturunan Raja-raja Melaka, Pahang dan Johor pada Tahun 1021 Hijrah.
- (b) Kebijaksanaan Perempuan Membicarakan Suami di Atas Jalan Berkasih-kasih – Cerita Dipetik daripada Hikayat Isma Yatim.
- (c) Hikayat Nur Nabi Muhamamd s.a.w.
- (d) Hikayat Salasilah Peraturan Raja-raja Terengganu dengan Raja-raja di Sebelah Timur.
- (e) Kanun Adat Negeri dan Tafahus.
- (f) Hukum Undang-undang.
- (g) Adat Istiadat Mengatur Majlis Pengantin Raja-raja yang Besar.

- (h) Fasal Nikah dan Perkara-perkara yang Berhubung Dengannya.
- (i) Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

Demikian keterangan di dalam katalog tersebut mengenai "Kitab Sembilan Perkara" itu.

Maksud saya memilih empat "Perkara", iaitu (a), (d), (e) dan (i) daripada sembilan "Perkara" seperti yang tersebut di dalam senarai manuskrip di atas itu, ialah dua daripadanya - (a) dan (d), kerana menilik kepada nilai sejarahnya mengisahkan peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di kalangan bangsa Melayu, terutamanya dalam hubungan antara sebuah negeri dengan sebuah negeri Melayu yang lain di sekitar zaman-zaman tertentu.

Mengenai "Perkara" (e), ialah sebagai membuktikan kesanggupan para negarawan dan cendekiawan Melayu pada zaman kira-kira lima abad atau lebih dahulu, menyusun dan mencipta Hukum Kanun, yang tentunya sesuai dengan zamannya, untuk menjadi pegangan dan panduan di pihak kerajaan dan untuk ditaati dan dipatuhi oleh rakyat seisi negeri.

Akhir sekali. "Perkara" (i), ialah memandang kepada ketinggian nilainya; kerana "Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor" itu, bentuknya ternyata yang termoden di antara jenis seumpamanya bagi negeri-negeri yang beraja di Malaysia.

Berikut ialah serba sedikit pandangan secara ringkas, mengenai ehwal di sekitar "Perkara-perkara" tertentu yang diturunkan di dalam buku ini:

* * *

TAWARIKH RAJA-RAJA MELAKA DAN PAHANG

Dengan mengkaji dan meneliti segala sesuatu yang terkandung di dalam *Tawarikh* ini, walaupun terdapat ada beberapa kelemahan dari segi pensejarahannya, terutama dalam susunan aliran sejarahnya tidak begitu rapi dan banyak yang berulang-ulang; namun begitu tidaklah boleh disangkal sama sekali, bahawa adalah ianya merupakan satu sumber yang tidak kurang pentingnya dalam memaparkan peristiwa-peristiwa mengenai aliran sejarah bangsa Melayu di Nusantara. Satu perkara yang ternyata pentingnya, ialah mengenai sejarah kerajaan Aceh, mulai dari pemerintahan rajanya yang pertama, Sultan Ali Mughayat Syah, seterusnya kepada kisah perhubungan keluarga diraja di antara Aceh dan Pahang. Satu keistimewaan dalam mengisahkan sejarah kerajaan Aceh ini, ialah pada beberapa hal atau peristiwa tertentu, ada disertakan sekali catatan tahun Hijrahnya.¹

Di dalam kata permulaan "Perkara", yang selepas ini disebut *Tawarikh* - ada menyebut demikian: "Maka inilah hikayat pada menyatakan *Tawarikh* raja-raja yang kerajaan di Melaka dan Pahang". Sekalipun seperti yang dimaksudkan itu hanya tertentu kepada raja-raja kedua buah negeri tersebut, tetapi daripada kisah-kisah yang diriwayatkan, ternyata banyak berkaitan dengan raja-raja Johor, Siak dan terutama sekali mengenai sejarah raja-raja kerajaan negeri Aceh Darul-Salam.

Mengenai hubungan di antara raja Aceh dengan raja Pahang, ternyata kisahnya ditumpukan kepada peristiwa tatkala raja Aceh Darul-Salam, menakluki negeri Pahang pada Hijrah 1026 tahun (T.M.

¹Segala tahun Hijrah itu dipadankan dengan tahun Masihi, dengan merujuk kepada buku -G.S.P. Freeman/Gisenville, 1963. *The Muslim and Christian Calendars*. New York: New York Toronto.

1617). Baginda telah membawa balik ke negeri Aceh putera raja Pahang bernama Raja Iskandar Thani, yang ketika itu masih berumur tujuh tahun, lalu diangkat anak oleh baginda. Kemudian Raja Iskandar Thani dikahwinkan dengan puteri baginda yang bernama Puteri Seri Alam Permaisuri.

Setelah Sultan Iskandar Muda Johan Berdaulat mangkat pada Hijrah 1046 tahun (T.M.1636), maka kerana mematuhi wasiat almarhum itu semasa hayat baginda, maka Raja Iskandar Thani telah diangkat oleh orang besar-besar negeri Aceh menjadi raja negeri Aceh, dengan gelaran Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat Zilullah Fil 'Alam ibni Sultan Ahmad Syah.

Sebahagian besar daripada bahagian permulaan *Tawarikh* ini, mulai daripada kisah Sultan Iskandar Zulkarnain dan raja-raja keturunannya, hingga kepada raja-raja Melaka, adalah merupakan sebagai sedutan atau saduran secara ringkas yang berasal daripada *Sulalatus Salatin* karya Tun Seri Lanang. Ini terbukti daripada suatu ayat pada bahagian permulaannya yang menyebut "Kata Bendahara Paduka Raja (Tun Seri Lanang) yang mengarang *Sulalatus Salatin*, ia mendengar daripada bapanya, ia mendengar daripada neneknya tatkala Hijrah Nabi salallahu alaihi wassalam 1021 tahun"

Dengan meneliti dan membandingkan kandungan *Tawarikh* ini dengan *Sulalatus Salatin* pada bahagian yang tersebut di atas itu, maka terdapat beberapa perbezaan di antara keduanya dalam beberapa hal. Satu perbezaan yang ketara sekali, ialah mengenai hubungan di antara Sang Nila Utama dengan raja perempuan Bintan. Di dalam *Sulalatus Salatin*, Sang Nila Utama bergelar Seri Tri Buana menjadi anak angkat kepada raja perempuan Bintan²; tetapi di dalam *Tawarikh* ini pula disebut demikian: "Sang Nila Utama diambil Demang Lebar Daun dijadikan rajanya di negeri Palembang. Beberapa lamanya dalam kerajaan, maka ia pun bergelar Seri Purba Buana, lalu ia kahwin dengan raja Bintan."³

Satu lagi perbezaan besar terdapat di antara kedua sumber sejarah tersebut ialah mengenai kisah kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah II, Sultan Johor yang pertama (putera Sultan Mahmud Syah dengan Tun Fatimah). Di dalam *Sulalatus Salatin* disebut demikian:

²A.Samad Ahmad, 1984. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi ketiga, hlm 34).

³Lihat manuskrip tulis tangan "Kitab Sembilan Perkara" Dewan Bahasa dan Pustaka, muka surat 88 (hlm 12).

"Hatta datanglah peredaran dunia, maka Sultan Alauddin pun mangkatlah, *kalu inna lillahi wa inna ilaihi raji'un*. Maka ditanamkan oranglah betapa istiadat yang termasyhur perintah segala raja-raja Melayu mangkat. Demikianlah diperbuat Bendahara dengan segala orang besar-besar; itulah yang disebut orang 'Marhum Johor Lama'. Maka anakanda baginda Raja Muzaffarlah kerajaan menggantikan ayahanda baginda, bergelar Sultan Muzaffar Syah. Baginda kerajaan itu umur baginda baru sembilan belas tahun.⁴

Di dalam *Tawarikh* ini pula menyebut demikian: "Kata yang empunya cetera ini, bahawa Sultan Alauddin Syah itu banyak beranak perempuan dengan gundiknya yang banyak itu, seorang jua laki-laki; maka dinamai baginda akan anaknya itu Raden Bahar.

"Maka tatkala itu, diperlakukan Allah subhanahu wa taala di atas segala hambanya perintah. Maka orang Aceh pun datang menyerang Johor, lalu dialahkan. Maka Sultan Alauddin Syah serta dengan anak isterinya pun dibawa mereka itulah ke Aceh, lalu mangkatlah ia di Aceh. Tatkala itu kerajaan di Aceh Sultan Ali Mughayat Syah.

"Setelah itu, maka Raden Bahar pun diambil oleh Sultan Ali Mughayat Syah akan menantunya, lalu disuruhkan ia kembali ke Johor akan menggantikan ayahnya.

"Hatta maka Raden Bahar pun kembalilah ke Johor. Dengan takdir Allah subhanahu wa taala, tiada berapa lamanya, maka ia pun diberi orang makan racun, lalu mangkatlah ia. Kemudian dari itu, maka putuslah anak cucu raja Melaka di dalam Johor".⁵

Di sini bukanlah maksud saya hendak membincangkan mana satukah yang sahnya di antara kedua sumber seperti tersebut di atas itu, yang berbeza keterangannya mengenai ketertuan di mana mangkatnya Sultan Alauddin Riayat Syah II itu – di Johor atau di Aceh?

Sebagai satu sumber rujukan jua dalam perkara perbezaan ini, maka berikut di bawah ini saya turunkan terjemahan satu petikan daripada tulisan Sir R.O. Winstedt dalam karya beliau – "A History of Johore".

"... Di bahagian penghujung *Sejarah Melayu* menumpukan isi halaman-halamannya kepada perkahwinan-perkahwinan diraja dan tidak

⁴ A. Samad Ahmad, 1984. *Sulalatus Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (Edisi ketiga hlm 303).

⁵ Lihat manuskrip tulis tangan "*Kitab Sembilan Perkara*", Dewan Bahasa dan Pustaka, muka surat 88 (hlm 7).

sedikit pun menyebut hal kemenangan-kemenangan di laut menentang Portugis; tidak menyebut apa-apa mengenai perjuangan-perjuangan dengan Portugis dan dengan Aceh. Ia mendakwa bahawa Sultan Johor yang pertama, Alauddin Riayat Syah, telah mangkat di Johor Lama. Couto mengatakan baginda telah ditawan dan dibawa ke Aceh dan mangkat di sana. *Bustanus Salatin* menyebut baginda telah dibawa dengan seisi keluarga baginda ke Aceh, yang rajanya pada masa itu Sultan Ali Riayat Syah (1568-1575) telah mengahwinkan puterinya dengan Raden Bahar, putera Sultan Alauddin yang tertawan itu dengan gundik baginda, dan menghantarkannya balik ke Johor bagi menggantikan ayahandanya. *Sejarah Melayu* tiada menyebut Raden Bahar, tetapi menyebut bahawa Sultan Alauddin mempunyai dua orang anak, yang tuanya Raja Muzaffar (yang juga bergelar Raja Muda Perdana), yang mudanya Raja Fatimah. Walaupun demikian, semua pihak yang berwibawa kecuali *Bustanus Salatin* mengatakan pengganti Sultan Alauddin ialah Muzaffar Syah yang disebut Couto "Malafaxa".⁶

Sayang sekali penulis asal *Tawarikh* ini tiada menyatakan sumber yang menjadi panduannya. Bagaimanapun, dengan meriwayatkan bahawa Sultan Alauddin Riayat Syah II telah ditawan, dibawa ke Aceh dan mangkat di Aceh; putera baginda yang bernama Raden Bahar itu telah dikahwinkan oleh Sultan Aceh dengan puteri baginda, dan kemudian disuruh balik ke Johor menggantikan ayahandanya itu, adalah menunjukkan kemungkinan bahawa sumbernya ialah *Bustanus Salatin* karya Syeikh Nuruddin al-Raniri, iaitu seperti yang tersebut di dalam tulisan Sir R.O. Winstedt itu.

Periwayatan yang berbeza di antara kedua sumber, *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*) dengan *Bustanus Salatin* mengenai di manakah mangkatnya Sultan Alauddin Riayat Syah II itu, adalah menjadi satu tanda tanya pula; kerana memandang kepada hakikat bahawa Tun Seri Lanang; pengarang *Sulalatus Salatin*, dan Syeikh Nuruddin al-Raniri, pengarang *Bustanus Salatin* itu hidup sezaman di Aceh. Tatkala Aceh melanggar dan mengalahkan Johor dalam T.M. 1613, Sultan Abdullah (Raja Seberang) dan Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang, serta segala orang besar-besar Johor telah dibawa ke Aceh. Pada masa itu Syeikh Nuruddin al-Raniri ada di Aceh dan rapat dengan kalangan istana dan dikatakan berhubung mesra dengan Tun Seri Lanang. Tetapi

⁶Lihat, R.O. Winstedt K.B.E., C.M.G., D. Litt (Oxon), 1979. "History of Johore (1365-1895)", dalam M.B.R.A.S. Reprint No. 6, Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd., September 1979, hlm 21.

adalah menghairankan jua, mengapa boleh terjadi perbezaan periwayatan dalam karya antara keduanya itu mengenai perkara tersebut?

Berbalik semula pada memperkatakan *Tawarikh* ini, sekalipun seperti yang terdahulu telah disebutkan, bahawa sebahagian besar pada bahagian permulaannya merupakan sebagai sedutan atau saduran ringkas dari kandungan *Sulalatus Salatin*, tetapi butir-butir mengenai ehwal raja-raja Pahang, ternyata lebih banyak diriwayatkan di dalamnya.

Kandungan *Tawarikh* ini, yang terbanyaknya ialah mengenai ehwal raja-raja dan kerajaan Aceh Darul-Salam. Di antaranya meriwayatkan peri keagungan kerajaan Aceh pada peringkat permulaan kedatangan agama Islam ke negeri itu. Diikuti pula dengan kisah kedatangan beberapa orang ulama besar Islam pada zaman itu, mengajar pelbagai bidang ilmu agama, dan mengadakan perbahasan di antara mereka itu sama sendiri atas masalah tertentu dalam sesuatu bidang ilmu agama Islam. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan raja Aceh telah membuat hubungan dengan raja Rom (Byzantium) di Istanbul, dengan tujuan mengukuhkan agama Islam. Manakala raja Rom pula telah menghantar ke negeri Aceh beberapa orang utas dan pandai yang ahli dalam perkara menuang bedil, lalu dituang meriam-meriam besar di Aceh.

Kisah di sekitar temasya dan istiadat perkahwinan diraja di antara puteri raja Aceh, Puteri Seri Alam Permaisuri, dengan Raja Iskandar Thani, dihuraikan satu persatunya dengan panjang lebar.

Pada bahagian penghujung *Tawarikh* ini, terdapat suatu kisah mengenai percubaan hendak meracun Sultan Iskandar Thani, tetapi niat khianat secara kejam itu tiada berjaya.

Sebagaimana kebanyakan hasil-hasil sastera lama Melayu bertulis tangan, selain daripada berkeadaan uzur, tulisannya banyak yang kabur dan dakwatnya sudah kembang sukar dibaca, terdapat pula beberapa salah khilaf, terutama sekali tentang ejaan, perkataan tertinggal dan sebagainya. Segalanya itu berlaku, terutama sekali disebabkan kelemahan, kecuaiian dan kurang teliti penyalinnya. Hal yang demikian itu tiada terkecuali juga dengan kandungan *Tawarikh* ini, bahkan ejaan nama-nama orang pun ada yang mengelirukan. Misalnya nama seorang di antara putera-putera sultan Aceh ditulis namanya *ايغت دتثكف*. Nama putera sultan itu sebenarnya ialah Abangta Di Tungkup.

Selain dari itu, ada beberapa lagi nama dan gelaran yang ejaannya mengelirukan, kerana tiada jelas tulisannya. Dalam perkara ini saya dengan ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Teuku Alibasjah, Sekretaris, Lembaga Adat dan Kebudayaan

Acheh, atas kesudian beliau menjelaskan apa yang sebenarnya nama-nama dan gelaran, yang ejaannya mengelirukan itu.

Terdapat juga di dalam "Tawarikh" ini satu perkara yang agak janggal kepada resam kelaziman orang Melayu kini, iaitu mengenai sebutan atau panggilan kepada putera-putera sultan kerajaan. Di dalam "Tawarikh" ini, setengah-setengah di antara putera sultan itu disebut "sultan" juga, bukan "tengku" atau "tunku", seperti sebutan yang lazim dipakai sekarang.

* * *

SALASILAH RAJA-RAJA TERENGGANU DAN TIMUR

Bersesuaian dengan pengertian *Salasilah*, iaitu mengenai susur-galur atau asal usul keturunan seseorang atau sesuatu keluarga, maka "Perkara" ini banyak menghuraikan susunan keturunan keluarga diraja dan orang besar-besar Terengganu dan Timur - yang dimaksudkan Johor.

Sebagaimana lazimnya, adalah salasilah itu dan segala kisah yang berkaitannya, berasal dari cerita-cerita dari mulut ke mulut yakni riwayat yang dituturkan oleh orang tua-tua turun-temurun. Segala salasilah dan kisah dari cerita-cerita mulut beberapa orang tua-tua itu, kemudiannya dikumpul pula oleh seseorang, ditulis dan diabadikan, untuk pengetahuan atau sekurang-kurangnya untuk jadi kenang-kenangan anak cucu yang terkemudian kelak.

Kerana sifatnya sebagai cerita orang tua-tua turun-temurun dari mulut ke mulut itu, maka dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan sejarah, ternyata *Salasilah* ini banyak kelemahannya, dan kesahihannya sukar hendak dipertahankan; tidak seperti *Sulalatus Salatin* atau lain-lain buku seumpamanya yang bercorak sejarah.

Satu contoh yang jelas sekali betapa perihalnya "cerita orang tua-tua" itu, ada terdapat di dalam kisah pada penghujung *salasilah* ini. Cerita ini ialah mengenai bagaimana asalnya pokok emas dan pokok perak yang kemudiannya disebut "ufti", dihantar oleh negeri Terengganu dan beberapa buah lagi negeri-negeri Melayu ke negeri Siam pada zaman yang telah lalu. Kisahnya ialah mengenai peristiwa seorang anak raja Johor, pergi bermain-main perahu layar ke Singapura. Kerana angin terlalu kencang, perahu itu tiada dapat berbalik lagi, hanya mengikut angin sahaja, hingga sampai ke suatu tempat bernama "Cahaya" di negeri Siam. Anak raja Johor itu kemudiannya dikahwinkan oleh raja Siam dengan puteri baginda. Hasil dari perkahwinan itu dapat seorang anak perempuan. Berita itu kedengaranlah kepada raja Johor, lalu

baginda menghantar pohon kayu emas dan pohon kayu perak untuk permainan cucunda baginda itu. Kemudian orang Terengganu pula perbuat "ganti" seperti orang Johor, dari kerana banyak "perbalasan" orang Siam itu.

Dalam ehwal yang ada hubungannya dengan sejarah, *Salasilah* ini ada menyatakan beberapa sumber yang jadi panduannya. Selain daripada mengatakan "Dari cerita orang tua-tua", sumber-sumbernya lagi, ternyata di dalam sebutan-sebutan, "Salasilah Engku Tuan Yusuf, daripada keturunan raja-raja Timur dengan Terengganu"; "Cetera daripada Tuan Sulaiman"; "Pendengaran mata-mata Muhammad bin mata-mata Musa, daripada cerita Tuan Sulaiman juga"; "Dari perkataan Encik Lebar anak Sulaiman, yang didengarnya daripada "Salasilah raja-raja"; "Perkataan Kadi Abdullah bin Kinduk". Pada tentang-tentang di mana terdapat ada sesuatu sumber yang berbeza fakta sejarahnya dengan yang dikisahkan terlebih dahulu, maka dinyatakan dengan sebutan: "Pada satu riwayat pula mengatakan ... " atau "Kata setengah-setengah orang ... ", dan sebagainya.

Berkenaan dengan susunan keturunan di dalam *Salasilah* ini, sebahagian besar dari bahagian permulaannya berupa catatan susur-galur kerabat diraja dan orang besar-besar Terengganu dan kerabat diraja dan orang besar-besar Johor, dan hubungan di antara kedua pihak itu, yang diturunkan dari cerita orang tua-tua.

Sebagaimana lazimnya pada kebanyakan hasil-hasil persuratan lama Melayu mempunyai banyak kelemahan-kelemahan, maka demikianlah juga dengan kandungan *Salasilah* ini terdapat banyak kelemahan-kelemahannya. Hal ini tentunya berpunca dari kelemahan si penyalin, ataupun sudah sedemikian keadaannya dari naskah pencipta asalnya.

Kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam *Salasilah* ini antara lain-lain, susunannya tiada begitu rapi; pada beberapa tempat keadaannya berculang-caling; tambahan pula tiada mempunyai tanda-tanda baca, dan terlalu banyak menggunakan perkataan "dan". Segalanya ini menyebabkan pada beberapa tempat menimbulkan kerumitan dan kekeliruan dalam hal menentukan hubungan mengenai susunan keturunan seseorang yang tertentu. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat ada tersalah khilaf dalam galur keturunan seseorang yang berkenaan, maka adalah ianya sebagai perkara yang tiada dapat dielakkan.

* * *

HUKUM KANUN

Sepanjang yang dapat dikesan oleh para sejarawan, mungkin kesultanan Melakalah yang mula-mula sekali di antara kerajaan-kerajaan Melayu mengadakan hukum kanun, iaitu untuk menjadi panduan dan perpegangan kalangan pihak-pihak yang berkuasa pada zamannya, dalam segala hal yang mengenai peraturan dan undang-undang; begitu juga untuk ditaati dan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat seisi negeri.

Dalam milik Dewan Bahasa dan Pustaka ada sebuah naskhah salinan Hukum Kanun Melaka dalam bentuk *photo print* (di dalam Katalog Manuskrip Perpustakaan DBP, diberi pengenalan – DBP M.S. 208). Pada halaman permulaannya menyebut: "Ini suatu risalah pada menyatakan kanun, iaitu pada segala negeri yang besar-besar yang memakai hukum kanun"

Kemudian dinyatakan pula, bahawa ini turun menurun daripada Sultan Iskandar Zulkarnain memerintahkan manusia, datang kepada Sultan Iskandar Syah, dan seterusnya kepada sultan-sultan zuriat baginda yang terkemudian, hingga kepada Sultan Mahmud Syah – "Ialah yang mempunyai adat, hukum dan perintah, datang sekarang ini".

Pada bahagian yang terkemudian di dalam naskhah itu menyebut: "Bermula menitahkan hamba sekaliannya, Sultan *al adil kamil* Sultan Muzaffar Syah *mulkahu wa sultan wa gadi ala al barri, ya'adlahu wa insanahu ya lahu*, mengikut perintah ayahanda baginda, Sri Sultan Mahmud, *Khalifatul Mukminin Zilullah fil'alam*, melakukan hukum Allah, *ta'zim liamrillah wa syafa'at ala khaliqi* demikianlah *amar bil ma'ruf wa naha 'anil munkar*.

Pada halaman hampir ke penamat naskhah itu pula, ada menyatakan nama penyalin atau penyelenggara Hukum Kanun Melaka itu: "Bermula yang menjunjungkan ini, Hang Sidi Ahmad namanya, anak Inang; pada zaman Duli Yang Dipertuan Sultan Mahmud Syah Ghaza Bintan, tatkala memerangi kafir laknatullah, menghadap baginda itu; titah menghukumkan segala orang tertawan"

Daripada keterangan-keterangan seperti tersebut di atas itu, dapat diduga bahawa Hukum Kanun Melaka itu telah disusun pada zaman Sultan Mahmud Syah merajai Melaka. Kemudian, tatkala berada di Bintan, setelah Melaka jatuh ke tangan Peringgi, penyusunan Hukum Kanun itu diusahakan lagi dengan titah Sultan Muzaffar Syah, mengikut perintah ayahanda baginda Sultan Mahmud Syah.

Dapat juga diduga bahawa butir-butir kandungan hukum kanun itu tidaklah tersusun lengkap seperti yang terdapat di dalam naskhah yang

ada itu, melainkan sesudah dikumpul dan dihimpunkan segala butir-butir susunan tertib adat istiadat diraja dalam serba hal, sejak dari zaman raja-raja kerajaan Melaka yang terdahulu. Misalnya, pada zaman kerajaan Raja Kecil Besar, raja Melaka yang keempat, telah tersusun tertib adat istiadat diraja; tugas orang besar-besar dalam sesuatu istiadat diraja menetapkan "Kekuningan Larangan", dan lain-lain larangan lagi.⁷

Satu perkara lagi, menurut buku *Sulalatus Salatin*, Raja Kecil Besarlah juga, raja Melaka yang mula-mula sekali menganut agama Islam berserta dengan orang besar-besar dan rakyat seisi negeri Melaka. Setelah baginda menerima Islam, baginda memakai nama Sultan Muhammad Syah. Dengan hal yang demikian, sudah pastilah sejak dari zaman itu lagi, unsur-unsur ajaran Islam dalam pelbagai bidang telah diajarkan kepada sekalian mereka; terutama sekali dalam hal mengenai hubungan sama sendiri dalam masyarakat penganut-penganut agama Islam, seperti dalam hal nikah kahwin dan hukum-hukum dalam berbagai-bagai bidang perkara, mengikut ajaran Islam. Di antara perkara-perkara tersebut ada juga menjadi bahan di dalam hukum kanun itu, di samping undang-undang mengenai perkara-perkara jenayah; awam; jual-beli; undang-undang berkenaan dengan abdi; sawah ladang; binatang-binatang ternakan; hutang-piutang; tuduh-menuduh; amanah dalam hal wakil-mewakil, dan lain-lain perkara, menurut kelaziman berlaku di kalangan masyarakat pada zamannya.

Menurut Sir Richard Winstedt, sedemikian luas terkenalnya Hukum Kanun Melaka itu, naskhah-naskhah salinannya telah diperolehi di Riau dan Pahang; Pontianak dan Brunei; naskhah dari Brunei itu bertarikh 1709.⁸

Dengan terjumpanya sebuah naskhah "Kitab Sembilan Perkara" itu, maka ternyata pula bahawa naskhah Hukum Kanun Melaka itu sudah ada yang sampai di Kelantan, dan kandungannya disalin, dijadikan sebagai satu daripada "perkara" di antara "sembilan perkara" di dalam naskhah itu.

Walaupun pada kata permulaannya menyebut: "Ini Kanun Adat Negeri dan Tafahus", namun kandungannya ternyata berupa salinan daripada Hukum Kanun Melaka, hanya pada beberapa tempat diadakan sedikit-sedikit tokok-tambah sebagai menerangkan dengan lebih jelas mengenai sesuatu perkara itu.

⁷Butir-butir sepenuhnya, sila lihat A. Samad Ahmad, 1984. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi ketiga, hlm 74-80).

⁸Lihat, R.O. Winstedt K.B.E., C.M.G., D. Litt. (Oxon), 1940. "A. History of Malay Literature", dalam M.B.R.A.S., Vol. XVII Part III, Januari 1940, hlm 113.

Penyalin asal naskhah itu tiada pula menyatakan namanya, tetapi di bahagian hampir ke penghujung naskhah itu ada menyatakan bila zamannya naskhah itu disalin, iaitu pada masa Alung Saidul Rahman, anak Alung Pandak, anak Dato' Guna menjadi raja Kelantan, pada 30 haribulan Rejab T.H. 1168. Ia selesai menyalin naskhah itu tatkala Sultan Abdul Rahman memerintah Kelantan selama tujuh tahun. Bagaimanapun, penyalin yang kemudian ada menyatakan namanya, Umar bin Muhammad Ali, dan tarikh selesai ia menyalin pada 8 haribulan Safar, sanah Hijrah 1317.

Seperti terlebih dahulu telah dikatakan, bahawa Hukum Kanun Adat Negeri dan Tafahus Kelantan itu ternyata disalin daripada naskhah Hukum Kanun Melaka, tetapi salinannya itu tiada pula lengkap sepenuhnya. Selepas sahaja dua baris kata permulaannya, terus dimulai dengan menyatakan kuasa dan tugas-tugas syahbandar. Ini mungkin disebabkan halaman pertama naskhah salinan asal yang disalin itu telah hilang halaman pertamanya. Selain dari itu, keseluruhan kandungan Hukum Kanun Adat Negeri dan Tafahus itu hanya mengandungi 25 fasal, iaitu kira-kira separuh bahagian sahaja daripada Hukum Kanun Melaka yang mengandungi 44 fasal itu.

Dengan tujuan supaya menjadi lengkap kandungan Hukum Kanun Melaka itu, maka disertakan juga pada tempat-tempat tertentu, yang tiada disalin oleh penyalin Hukum Kanun Adat Negeri dan Tafahus itu, iaitu kata-kata permulaannya, dan dari fasal 26 hingga ke akhir fasal 44 Kanun Melaka itu.

* * *

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR

Salinan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 yang terkandung di dalam "Kitab Sembilan Perkara" itu, ialah salinan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dalam bentuk asalnya, iaitu sebelum beberapa pindaan dibuat atasnya beberapa kali, di sepanjang masa yang terkemudian. Ia merupakan Undang-undang Tubuh Kerajaan bertulis yang pertama sekali diadakan di antara negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor itu telah siap tersusun dalam masa pemerintahan al Marhum Sultan Abu Bakar dan telah diumumkan dengan rasminya tiada lama sebelum baginda mangkat di London dalam bulan Jun 1895. Ia mengadakan pelbagai penentuan yang meliputi di antaranya menentukan taraf raja sebagai raja

berperlembagaan dengan syarat-syaratnya; menentukan waris-waris yang bakal menaiki kerajaan; peraturan dan syarat-syarat bagi ketetapan dan ketentuan pemerintahan dan tadbir kerajaan; menjelaskan kedudukan menteri-menteri, jemaah pangkuan negeri, mesyuarat kerajaan, dalam hubungan dengan raja; menentukan elaun-elaun raja, bekas raja, kerabat raja dan lain-lain perkara lagi.

Satu di antara syarat undang-undang yang mengenai raja, di antara lain-lain menyebut – Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan, atau berbuat sebarang perjanjian, atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri, atau sesuatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu, kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah, atau sebarang lain kerajaan atau bangsa (kerana sesuatu sebab yang tertentu). Kemudian dinyatakan pula – jikalau dilalui atau cuba dilalui larangan dan tegahan ini, jikalau raja sendiri, disifatkan ia berdosa, memecahkan amanah yang diletakkan Tuhan atasnya, dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri menunjukkan setia lagi kepadanya.⁹

Sesungguhnya dengan berpegang kepada kehendak-kehendak seperti yang terkandung di dalam perkara 15 di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor itulah, telah menerbitkan satu peristiwa bersejarah, peristiwa yang terkenal kepada orang Melayu sebagai "Peristiwa Treaty MacMichael", yang bertujuan hendak mewujudkan sebuah kerajaan *Malayan Union*, dengan merangkumi semua negeri-negeri Melayu di bumi Semenanjung ini, termasuk Pulau Pinang dan Melaka.

Al Marhum Sultan Ibrahim, telah menandatangani *treaty* mengenai penubuhan Kerajaan *Malayan Union*, yang dibawa oleh Sir Harold MacMichael, sebagai wakil baginda *king* Inggeris itu, pada 20 Oktober 1945. Dengan menandatangani *treaty* itu, bererti bahawa al Marhum Sultan Ibrahim bersetuju menyerahkan kuasa penuh dan bidang kuasa di dalam negeri dan daerah takluk Johor kepada baginda *king* Inggeris.

Peristiwa ini telah menyebabkan segolongan orang Melayu Johor mengadakan gerakan bertujuan hendak menurunkan raja mereka itu. Bagaimanapun, hal ini tidak berlaku; kedudukan al Marhum Sultan Ibrahim tetap terus sebagai sultan Johor.

Selepas berjaya dalam usaha pertamanya memperolehi tandatangan sultan Johor itu, maka Sir Harold MacMichael telah mengunjungi pula sultan-sultan dan raja di setiap buah negeri Melayu, dan berjaya

⁹Butir-butir sepenuhnya sila lihat (Perkara 15, Muka Surat 165-166 typescript).

mendorong sekaliannya menandatangani *treaty* itu. Maka daripada peristiwa itulah juga yang telah membangkitkan rasa kesedaran kebangsaan dan rasa bertanggungjawab orang Melayu terhadap nasib bangsa dan tanahair mereka daripada terus terjajah. Mereka telah bangkit bersatu menepati erti kata bersatu yang sebenarnya, meliputi segenap peringkat dari golongan raja-raja membawa kepada rakyat jelata dalam menentang angkara penjajah. Perhimpunan-perhimpunan raksasa diadakan di setiap negeri dan bandar serentak dengan kunjungan Sir Harold MacMichael ke negeri-negeri itu sebagai menunjuk perasaan membantah dan menentang tujuan kedatangannya itu. Tindakan-tindakan penentangan mereka itu akhirnya berjaya menumbangkan *Malayan Union*, dan menggantikannya dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dan seterusnya ke taraf merdeka.

Kuala Lumpur
31.3.1987

A. Samad Ahmad

TAWARIKH RAJA-RAJA MELAKA DAN PAHANG

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim. Dengan nama Allah, Tuhan yang Maha Besar, Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani; maka inilah hikayat pada menyatakan *tawarikh* raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka dan Pahang.

Petikan Ringkas daripada Sulalatus Salatin

Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang *Sulalatus Salatin* ia mendengar daripada bapanya, ia mendengar daripada neneknya, tatkala Hijrah nabi salallahu alaihi wassalam 1021 tahun (T.M. 1612), pada bulan Rabiulawal, hari Ahad. Ia mengarang hikayat pada menyatakan peraturan segala raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka dan Johor dan Pahang, dan mengatakan bangsa mereka itu daripada Iskandar Zulkarnain.

Kata yang empunya tarikh, tatkala itu Sultan Iskandar Zulkarnain menjalani masyrik dan maghrib, maka ia pun sampai ke negeri Hindustan, lalu ia kahwin dengan anak Raja Kida Hindi; beranak seorang anak laki-laki bernama Sultan Aristun Syah. Ialah yang kerajaan di benua Hindustan, tiga ratus lima puluh tahun umurnya. Kemudian dari itu, maka jadi raja anaknya yang bernama Sultan Sabur. Kemudian dari itu, maka jadi raja anaknya yang bernama Sultan Ambatus. Kemudian dari itu, maka jadi raja anaknya yang bernama Kudar Zukuhun. Kemudian dari itu, maka jadi raja anaknya yang bernama Ardis Mikan; ialah yang berkahwin dengan anak Raja Nusyirwan Adil. Kemudian dari itu, maka jadi raja anaknya bernama Sultan Syah Tarsi. Kemudian dari itu maka jadi raja anaknya bernama Sultan Zuhrad. Kemudian dari itu, maka jadi raja anaknya bernama

Tarsi Barderas, ialah yang kahwin dengan anak raja Harlan di negeri Ida Negara.

Maka Raja Tarsi Barderas itu beranak tiga orang laki-laki; yang pertama bernama Sultan Hiran, adalah kerajaannya di negeri Hindustan; yang kedua bernama Sultan Suran, ialah yang menggantikan kerajaan ayahandanya; yang ketiga bernama Sultan Pandin, ialah kerajaan di negeri Turkistan. Maka adalah Raja Suran itu terlalu besar kerajaannya, terlebih pula daripada neneknya, sekalian raja-raja Hindustan takluk kepadanya, melainkan negeri China sahaja yang tiada takluk kepadanya. Maka ia pun berangkatlah hendak pergi ke negeri China; beberapa raja-raja yang mengiringkan dia.

Hatta, beberapa masa berjalan itu, maka segala negeri dilaluinya, yang belum takluk kepadanya itu pun sekalian dialahkannya jua; hingga sampailah ia ke sebuah negeri, Gangga Negara namanya, Gangga Syah Johan nama rajanya. Negeri itu pun dialahkannya, dan raja itu pun mati. Sekarang ini ada lagi kota raja itu di barat Pulau Dinding, hampir negeri Perak.

Setelah itu, maka Raja Suran pun berangkatlah hingga sampai ke sebuah negeri Langgiu namanya. Rajanya terlalu besar kerajaannya, kotanya daripada batu hitam, sekarang ini pun ada lagi di hulu negeri Johor. Maka negeri itu pun dialahkannya, dan rajanya mati, tinggalkan seorang anak perempuan, Puteri Onangkiu namanya. Maka diambil oleh Raja Suran akan isterinya. Kata yang empunya cetera ini, bahawa Raja Suran tiada sampai ke negeri China, hingga Temasik jua.

Hatta, maka khabar Raja Suran hendak menyerang negeri China itu pun dipersembahkan oranglah kepada raja China. Demi didengarnya khabar itu, maka sabda raja China kepada segala menteri dan wazirnya, "Apa bicara kamu sekalian pada masalah kerja bala ini? Jikalau sampai raja Keling itu ke mari, nescaya binasalah benua China ini".

Maka sembah segala menteri, "Ya tuanku syah alam, diperhambalah membicarakan akan dia". Maka titah raja China, "Bicarakanlah olehmu". Maka perdana menteri pun menyuruh hulubalang melengkapi sebuah pilu¹, maka diisinya jarum *san-san* yang berkarat. Maka diambilnya pohon kesembak dan pohon bidara dan segala buahnya yang sudah berbuah, ditanamnya di atas pilu itu, dan dimuatnya segala orang tua-tua yang tanggal gigi, semuanya dimuat di atas pilu itu. Maka

¹Pilu atau pilau - wangkang

disuruhnya akan sekalian mereka itu belayar ke Temasik, serta dipesannya.

Setelah sampailah pilu itu ke Temasik, maka dipersembahkan oranglah kepada Raja Suran, "Ya tuanku syah alam, ada sebuah pilu datang dari negeri China". Maka sabda Raja Suran kepada seorang khadamnya, "Pergi engkau tanya pada Cina itu, berapa ada lagi jauhnya negeri China itu dari sini?"

Maka khadam itu pun pergilah, hingga sampailah ia. Maka ditanya oleh khadam itu seperti sabda Raja Suran kepada Cina di pilu itu. Maka sahut mereka itu, "Tatkala kami keluar dari benua China, sekalian kami lagi muda, dua belas tahun umur kami; dan segala pohon kayu ini pun biji-bijinya jua kami tanam akan dia. Sekarang kami pun sudah terlalu tua, gigi kami pun habis tanggal, dan segala pohon kayu yang kami tanam itu pun berbuah; sekarang baharulah kami sampai ke mari". Maka diambilnya beberapa bilah jarum, ditunjukkan kepada khadam itu serta katanya, "Bahawa besi ini pun tatkala kami di negeri China, seperti lengan besarnya, sekarang habislah haus. Demikianlah peri lamanya kami di jalan, tiadalah kami tahu bilangan tahunnya".

Demi didengar khadam itu perihal sekalian itu, maka dipersembhakkannya kepada Raja Suran. Demi didengar Raja Suran sembah khadam itu demikian, maka ia pun bersabda, "Jikalau seperti kata Cina ini, terlalu jauh sekali benua China itu manakala kita sampai ke sana? Baik kita kembali". Maka sembah sekalian menterinya, "Sebenarnya seperti titah yang maha mulia itu".

Kalakian, maka Raja Suran pun berfikir di dalam hatinya, "Bahawa isi darat ini sudahlah ku ketahui, akan isi laut jua belumku lihat. Jika demikian baiklah aku masuk ke dalam laut, supaya ku ketahui betapa halnya". Setelah sudah ia berfikir demikian, maka ia pun menyuruh menghimpunkan segala pandai dan utas²nya. Maka dititahkan sekalian mereka itu berbuat sebuah peti kaca, berkunci dan berjentera dari dalamnya. Maka diperbuat atasnyalah sebuah peti kaca, serta dianugerahinya akan mereka itu, tiada terkira-kira banyaknya.

Maka Raja Suran pun masuk ke dalam peti itu. Maka sekalian yang di luar peti itu sekaliannya habis kelihatan kepadanya. Maka dikuncikan Raja Suran pintu peti itu dari dalam. Maka dihulurkan oranglah ke dalam laut, maka peti itu pun tenggelamlah. Maka Raja Suran pun terlalu hairan melihat dari dalam peti itu, pelbagai kekayaan

²Tukang

Allah subhanahu wa taala yang Maha Kuasa. Maka peti itu pun jatuh ke dalam bumi yang bernama Dika. Maka Raja Suran pun keluarlah dari dalam peti itu, lalu ia berjalan-jalan melihat segala yang indah-indah. Maka bertemulah ia dengan sebuah negeri, terlalu amat besar lagi dengan teguh kukuhnya. Maka Raja Suran pun masuklah ke dalam negeri itu. Maka dilihatnya suatu kaum "Bursam" namanya, terlalu amat banyak, tiada siapa mengetahui bilangannya, melainkan Allah subhanahu wa taala jua yang tahu; tetapi mereka itu setengah kafir dan setengah Islam.

Demi dilihat oleh sekalian orang di dalam negeri itu akan Raja Suran, maka sekalian mereka itu pun hairanlah, lalu dibawa kepada rajanya yang bernama Raja Aqtabul Ardh. Demi dilihat oleh raja itu akan rupa Raja Suran, maka ia pun bersabda kepada orang yang membawa Raja Suran itu, "Dari mana datang orang ini?" Maka sembah orang itu, "Ya tuanku syah alam, orang ini baharu datang, tiada diperhamba mengetahui dari mana datangnya". Maka Raja Aqtabul Ardh pun bersabda kepada Raja Suran, "Dari mana kamu datang ke mari ini?" Maka sahut Raja Suran, "Bahawa hamba datang dari dalam dunia, hambalah raja segala manusia, dan nama hamba Raja Suran".

Maka Raja Aqtabul Ardh pun terlalu hairan daripada mendengar kata Raja Suran itu, serta ia bersabda, "Adakah dunia lain daripada dunia kami ini?" Maka sahut Raja Suran, "Bahawa alam dunia ini terlalu banyak, pelbagai jenis di dalamnya". Demi didengar Raja Aqtabul Ardh kata Raja Suran demikian itu, maka ia pun hairan serta mengucap *subhanallah al Malikul Jabar*. Maka Raja Suran pun dititahkan oleh Raja Aqtabul Ardh naik duduk bersama dengan dia di atas takhta kerajaan.

Kata yang empunya cetera ini, bahawa Raja Aqtabul Ardh itu ada beranak seorang perempuan bernama Puteri Muhtabul Bahri, terlalu elok parasnya. Maka diambil oleh Raja Aqtabul Ardh akan Raja Suran itu, didudukkan dengan anaknya. Hingga tiga tahun lamanya Raja Suran duduk dengan Puteri Muhtabul Bahri itu. Maka ia beranak tiga orang laki-laki. Setelah Raja Suran melihat ketiga orang anaknya itu, maka ia pun terlalu masghul, serta berbicara di dalam hatinya, "Apa kesudahan anakku di sini, dan apa dayaku membawa dia keluar!"

Kalakian, maka Raja Suran pun pergi mengadap Raja Aqtabul Ardh, serta ia berdatang sembah, "Ya tuanku syah alam, jikalau ada kurnia, diperhamba mohon anak diperhamba jika ia besar hendaklah tuanku hantarkan ke dunia, supaya milik kerajaan Iskandar Zulkarnain,

jangan berputusan selama-lamanya". Maka sabda Raja Aqtabul Ardh, "Bahkan!"

Hatta, maka Raja Suran pun bermohonlah kepada Raja Aqtabul Ardh, hendak kembali. Diberi Raja Aqtabul Ardh izin akan dia. Maka ia pun kembalilah ke rumahnya bertangis-tangisan dengan isterinya. Setelah itu, maka Raja Aqtabul Ardh pun menitahkan mengambil kuda semberani jantan Farizul Yahuman namanya, diberikan kepada Raja Suran. Maka Raja Suran pun naiklah ke atas kuda itu berkenderaan. Maka dibawa kuda itu akan dia keluar dari dalam laut, lalu terbang keluar. Maka kuda itu pun berjalan ke atas laut.

Demi dilihat oleh segala bala tentera Raja Suran, bahawa di atas kuda semberani itu ialah rajanya, maka perdana menteri Raja Suran pun segera mengambil seekor kuda betina yang baik rupanya, lalu dibawanya ke Pantai Batus. Demi dilihat oleh kuda semberani itu kuda betina, maka ia pun naiklah ke darat mengikut kuda betina itu. Maka Raja Suran pun turunlah dari atasnya. Maka kuda semberani itu pun kembalilah ke dalam laut. Maka sabda Raja Suran pada segala hakim dan utas, "Hendaklah kamu sekalian buat akan daku suatu alamat, tanda kita masuk ke dalam laut. Kehendakku perbuatannya kekal hingga hari kiamat, dan kamu suratkan segala hikayat kita, supaya didengarkan kepada segala anak cucu kita yang kemudian".

Hatta, maka segala hakim dan utas pun mengambil suatu batu; maka disuratnya pada batu itu dengan Bahasa Hindustan. Setelah sudah, maka disuruh Raja Suran masukkan ke dalam batu itu beberapa emas dan perak dan permata dan beberapa maknikam. Maka sabda Raja Suran, "Pada akhir zaman, lagi jadi seorang raja daripada anak cucuku, ialah yang bernama Aradaban, dan ialah yang menaklukkan segala negeri di bawah angin".

Hatta, Raja Suran pun kembalilah ke benua Keling. Setelah sampailah ia ke benua Keling, maka diperbuatnya sebuah negeri terlalu besar, kotanya daripada batu hitam, tujuh depa tebalnya, sembilan depa tingginya; beberapa daripada pandai dan utas berbuat dia; tiada kelihatan rupa rapatnya, dan pintunya daripada besi melela³ bertatahkan emas berpermata, dan adalah luas kota itu tujuh buah gunung di dalamnya. Pada sama tengah negeri itu ada sebuah tasik, terlalu luas, seperti laut rupanya. Jikalau gajah berdiri di seberangnya tiada kelihatan; sekalian jenis ikan ada di dalamnya. Maka di tengah tasik itu ada sebuah pulau

³Besi yang tiada berpamor

terlalu tingginya, sentiasa berasap, seperti sagang rupanya. Maka di atas pulau itu ditanamnya pelbagai daripada tanaman dan bunga-bunga. Apabila Raja Suran hendak bersuka-sukaan ke sanalah ia pergi bermain-main. Maka di tengah tasik itu diperbuat suatu hutan terlalu besar, maka dilepaskan segala binatang yang liar-liar ke dalamnya. Setelah sudahlah negeri itu, maka dinamai Raja Suran, Bijaya Negara, sekarang pun ada lagi negeri itu di benua Keling.

Hatta, beberapa lamanya Raja Suran diam dalam negeri itu, maka ia pun beranak dengan Puteri Onangkiu seorang anak perempuan terlalu elok parasnya. Maka dinamai Raja Suran anaknya itu Puteri Cendani Wasis. Kemudian dari itu, beranak Raja Suran tiga orang laki-laki seorang namanya Najitram; seorang bernama Paladumani; dan seorang lagi Nila Manam namanya. Maka Puteri Candani Wasis dipinang oleh Raja Jabran, didudukkan dengan anaknya yang bernama Raja Culan. Maka anak Raja Suran yang bernama Paladumani itu dirajakannya di negeri Amdan Negara. Maka Nila Manam dirajakannya di negeri Bijaya Negara akan menggantikan kerajaannya. Maka Najitram dirajakannya di negeri Candakani.

Kalakian, maka Najitram pun berfikir di dalam hatinya; katanya, "Aku anak yang tua, mengapa maka aku dirajakan pada negeri kecil. Baiklah aku membuang diriku". Maka Najitram pun pergilah membuang dirinya dengan sebuah kapal, serta dibawanya alat kerajaannya.

Raja yang Turun dari Bukit Siguntang

Kata yang empunya cetera, bahawa raja yang turun dari Bukit Siguntang itu tiga orang, yang tua bernama Sang Sipurba Hindi, memakai suatu mahkota di kepalanya, dan sebilah pedang dibawanya Semandang Kini namanya, dan suatu cap kayu bernama Gesik dibawanya; dan yang tengah bernama Sang Maniaka, suatu mahkota di kepalanya; dan yang bongsu bernama Sang Nila Utama, itu pun suatu mahkota di kepalanya. Ketiganya memakai kerajaan.

Syahadan, anak raja-raja itulah yang mengatakan dirinya daripada anak cucu Raja Iskandar, dan ialah yang menceterakan Raja Iskandar tatkala kahwin dengan anak Raja Kida Hindi hingga datang kepada hikayat Raja Suran masuk ke dalam laut. Maka tanah yang dijejakinya tatkala turun ke dalam laut itu warna emas rupanya datang sekarang; dan padi yang di atas bukit itu pun berbuah emas dan berdaunkan perak, berbatangkan suasa; hingga pada masa ini pun ada padi itu setangkai ditaruh Maha Indera Bijaya dan Sang Buana. Keduanyalah daripada anak

cucu orang yang menyambut raja itu.

Hatta maka Sang Sipurba Hindi pun diambil orang Minangkabau, dijadikannya raja, dan Sang Maniaka diambil orang Tanjung Pura dijadikannya raja, dan Sang Nila Utama diambil Demang Lebar Daun dijadikan rajanya di negeri Palembang. Beberapa lamanya dalam kerajaan, maka ia pun bergelar Seri Purba Buana, lalu ia kahwin dengan raja Bintan. Kemudian dari itu maka diperbuatnya sebuah negeri di Temasik dinamainya Singapura.

Hatta, maka ia pun diamlah di sana beranak dua orang laki-laki, seorang bernama Raja Kecil Besar; seorang bernama Raja Kecil Muda. Maka Raja Kecil Besar beristerikan anak raja Keling, dan Raja Kecil Muda beristerikan cucu Demang Lebar Daun. Kemudian dari itu, maka Seri Purba Buana pun mangkatlah. Maka Raja Kecil Besarlah kerajaan bergelar Paduka Seri Pikrama Diraja. Raja Kecil Muda jadi Bendahara. Maka Paduka Seri Pikrama Diraja beranak dengan puteri anak raja Keling itu seorang laki-laki bernama Iskandar Syah. Kemudian dari itu, maka Paduka Seri Pikrama Diraja mangkatlah. Maka Raja Iskandarlah kerajaan, bergelar Seri Ratna Pikrama. Maka raja itu beristerikan anak Perpatih Permuka Berjajar, beranak seorang laki-laki dan seorang perempuan, yang laki-laki itu bernama Raja Ahmad, timang-timangan orang Raja Besar Muda.

Raja-raja Melaka

Syahadan, Raja Iskandar Syah itulah yang pertama-tama membuka negeri Melaka; adalah ia dalam kerajaan 32 tahun. Kemudian dari itu ia pun mangkatlah, maka anaknya Raja Besar Mudalah jadi kerajaan. Adapun bendahara Tun Perpatih Permuka Berjajar itu beranak seorang laki-laki bergelar Seri Maharaja Indera Purba. Maka Maharaja Indera Purba pun beranak dua orang, seorang laki-laki dan seorang perempuan, dan yang perempuan itu dikahwini Raja Besar Muda; maka beranak tiga orang laki-laki, seorang bernama Raden Bagus, seorang bernama Raden Tengah, dan seorang bernama Raden Inu.

Adapun anak Seri Maharaja Purba yang laki-laki itu, Tun Perpatih Tulus Gelarannya. Ia pun jadi Bendahara, beranak tiga orang perempuan. Ketiga-tiganya diperisterikan oleh anak raja tiga orang itu jua. Setelah Tun Perpatih Tulus sudah mati, Raden Baguslah jadi Bendahara, bergelar Tun Perpatih Permuka Berjajar. Kemudian dari itu, maka Raja Besar Muda pun mangkatlah, maka anaknya, Raja Tengahlah kerajaan. Maka ia pun beranak seorang laki-laki bernama Raja Kecil

Besar. Setelah itu, maka Raja Tengah pun mangkatlah. Maka anaknya, Raja Kecil Besarlah kerajaan. Ialah yang pertama masuk Islam, bergelar Sultan Muhammad Syah. Maka Tun Perpatih Permuka Berjajar bergelar Seri Dewa Raja. Maka Sultan Muhammad Syah beristeri dua orang, seorang anak Seri Nara Diraja, cucu bendahara, beranak seorang laki-laki bernama Raja Kassim, dan seorang lagi isteri baginda, saudara Raja Rekan beranak seorang laki-laki bernama Raja Hitam.

Setelah itu maka Sultan Muhammad Syah pun mangkatlah. Kemudian dari itu, maka Raja Kassimlah kerajaan di negeri Melaka bergelar Sultan Muzaffar Syah, lalu baginda kahwin dengan anak Bendahara Seri Wak Raja, beranak seorang laki-laki bernama Raja Abdullah.

Hatta beberapa lamanya maka Sultan Muzaffar Syah pun mangkatlah. Kemudian dari itu, maka Raja Abdullah kerajaan di negeri Melaka, bergelar Sultan Mansur Syah; ialah terlalu berani, lagi bijaksana dan terlalu besar kerajaannya. Ialah mengalahkan negeri Kampar, Siak, Inderagiri, Lingga dan beberapa negeri lagi yang takluk kepadanya. Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun menitahkan orang menyerang Pahang. Tatkala itu kerajaan di negeri Pahang, Puteri Onang Seri namanya, bergelar Puteri Lela Wangsa. Maka puteri itu pun dinikahi oleh Sultan Mansur Syah.

Syahadan, adalah Sultan Mansur Shah itu lima orang isterinya. Pertama, anak raja Pahang; kedua, anak raja Majapahit; ketiga, anak raja benua China; keempat, anak bendahara; dan yang kelima, anak Seri Nara Diraja, itulah isteri baginda yang tua.

Hatta, beberapa lamanya maka Sultan Mansur Syah pun beranak dengan Puteri Lela Wangsa itu dua orang laki-laki, seorang bernama Raja Ahmad Muhammad Syah, dan yang mudanya bernama Raja Muhammad; dan beranak baginda dengan puteri anak raja benua China itu, seorang laki-laki bernama Paduka Mimat; dan beranak baginda dengan anak raja Majapahit itu seorang anak laki-laki bernama Raden Kelang; dan beranak baginda dengan anak Seri Nara Diraja itu dua orang perempuan; dan beranak baginda dengan anak bendahara itu seorang anak laki-laki bernama Raja Hussin.

Syahadan, adalah Sultan Mansur Syah itu lima orang isterinya. Raja Ahmad Muhammad Syah itulah yang dikasihi baginda, dan diwasiatkan kerajaan akan dia.

Putera Raja Melaka yang Pertama Merajai Pahang

Hatta, beberapa lamanya maka Raja Ahmad Muhammad Syah pun membunuh anak bendahara yang bernama Tun Besar. Maka Sultan Mansur Syah pun murka, lalu ia dirajakan di negeri Pahang, bergelar Sultan Muhammad Syah, kerajaan negeri Pahang. Maka diwasiatkan kerajaan oleh Sultan Mansur Syah akan anaknya yang bernama Raden Kelang.

Hatta, beberapa lamanya maka Raden Kelang pun mangkat, mengembari⁴ orang mengamuk. Setelah itu, maka diwasiatkan oleh Sultan Mansur Syah akan ganti, anaknya yang bernama Raja Hussin. Beberapa lamanya Sultan Mansur Syah pun mangkatlah. Kemudian dari itu, maka Raja Hussinlah kerajaan di negeri Melaka, bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah, ialah terlalu berani lagi perkasa.

Kalakian, maka Raja Muhammad, saudara Sultan Ahmad Syah, yang kerajaan di negeri Pahang itu pun, minta diri daripada adinda baginda Sultan Alauddin Riayat Syah, hendak mendapat kekanda baginda ke negeri Pahang. Maka dititahkan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah orang menghantarkan dia ke negeri Pahang.

Hatta, beberapa lamanya maka Sultan Alauddin Riayat Syah pun beranak dua orang anak laki-laki, yang tuanya bernama Raja Munawir Syah, dan yang mudanya bernama Raja Zainal, terlalu elok rupa parasnya. Setelah itu, maka beranak Sultan Alauddin Riayat Syah dengan Tun Teja, anak Seri Nara Diraja, saudara Tun Mutahir yang bergelar Bendahara Seri Maharaja, tiga orang anak, seorang perempuan bernama Puteri Hitam, itulah yang tua; dan yang tengah laki-laki bernama Raja Mahmud, dan yang bongsu bernama Puteri Fatimah. Maka tatkala besarlah Puteri Fatimah itu, maka dikahwinkan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah ia dengan Raja Abdullah anak Sultan Ibrahim, raja negeri Siak.

Kata yang empunya cetera, bahawa Raja Abdullah itu pun, bondanya anak Sultan Mansur Syah, raja Melaka itu jua; dan akan Puteri Hitam itu dikahwinkan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah dengan Sultan Mansur, anak Sultan Ahmad, cucu Sultan Ahmad Muhammad Syah yang kerajaan di negeri Pahang itu. Setelah itu, maka Sultan Alauddin Riayat Syah merajakan anaknya yang bernama Raja Munawir Syah ke negeri Kampar, serta dianugerahinya dengan alat kerajaan. Maka Raja Munawir Syah pun kerajaanlah di negeri Kampar, lalu ia

⁴Melawan; menentang

beranak laki-laki bernama Raja Abdullah.

Hatta, beberapa lamanya maka Sultan Alauddin Riayat Syah pun mangkatlah. Kemudian dari itu, maka Raja Mahmudlah kerajaan di negeri Melaka, bergelar Sultan Mahmud Syah, lalu baginda kahwin dengan puteri, anak Sultan Ahmad Muhammad Syah kerajaan di negeri Pahang itu, beranak lima orang, tiga orang perempuan dan dua orang laki-laki. Raja Ahmad ialah diwasiatkan oleh Sultan Mahmud Syah akan ganti kerajaannya.

Sesudah Melaka Jatuh ke Tangan Peringgi

Syahadan, pada zaman Sultan Mahmud Syahlah negeri Melaka diambil Peringgi. Maka Sultan Mahmud Syah pun undur ke Hujung Tanah, lalu diperbuatnya sebuah negeri, maka dinamakannya negeri itu Johor. Setelah itu, maka Sultan Mahmud Syah pun beristeri pula dengan raja Kelantan yang bernama Puteri Onang Kemuning; beranak tiga orang, seorang laki-laki, dua orang perempuan; yang tua bernama Puteri Mah, yang muda bernama Puteri Dewi, dan yang bongsu bernama Raja Muzaffar.

Maka tatkala besarlah Puteri Mah itu, maka dikahwinkan oleh Sultan Mahmud Syah ia dengan Raja Abdul, bondanya Puteri Hitam, anak Sultan Alauddin Riayat Syah jua. Beberapa lamanya puteri itu pun beranak tujuh orang, empat orang laki-laki, tiga orang perempuan; yang laki-laki itu, pertama bernama Raja Jamal; kedua Raja Biajid; ketiga Raja Isak; keempat Raja Dolah. Dan yang perempuan itu, pertama Puteri Putih namanya; kedua Puteri Bulan; ketiga Puteri Dewi. Setelah itu, maka Sultan Mahmud Syah kahwin dengan anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah, beranak seorang laki-laki bernama Raja Raden. Adalah Sultan Mahmud Syah itu beranak banyak laki-laki dan perempuan dengan gundiknya. Maka anaknya bernama Puteri Dewi itu bondanya Puteri Onang Kemuning itu pun dikahwinkan baginda dengan anak Sultan Mansur Syah raja negeri Pahang, bernama Sultan Zainal Abidin Syah.

Hatta, beberapa lamanya Sultan Zainal Abidin Syah pun beranak dengan Puteri Dewi itu empat orang, dua orang laki-laki dan dua orang perempuan; dan yang laki-laki itu bernama Raja Mansur, yang seorang lagi Raja Jamal namanya; dan yang perempuan itu, seorang bernama Puteri Kalijah dan seorang bernama Puteri Bongsu.

Hatta, beberapa lamanya Sultan Mahmud Syah pun mangkat. Kemudian dari itu, maka Raja Radenlah kerajaan, bergelar Sultan

Alauddin Syah; kerana bondanya, Tun Fatimah itu sangat dikasihi Sultan Mahmud Syah, sebab itulah ia beroleh kerajaan.

Hatta, maka Sultan Alauddin Syah pun kahwin dengan anak Sultan Mahmud Syah, saudara Sultan Zainal Abidin Syah yang kerajaan di negeri Pahang itu, beranak dua orang; seorang laki-laki bernama Raja Mahmud, timang-timangan orang Raja Kecil Besar; dan seorang perempuan bernama Puteri Fatimah. Beberapa lamanya, maka Puteri Fatimah pun dikahwinkan oleh Sultan Alauddin Syah dengan anak Sultan Zainal Abidin Syah yang di negeri Pahang, bernama Sultan Mansur Syah.

Hatta, beberapa lamanya Sultan Mansur Syah pun beranak dengan Puteri Fatimah dua orang, seorang laki-laki dan seorang perempuan. Maka yang perempuan itu bernama Puteri Putih, timang-timangan orang Puteri Kecil Besar; dan yang laki-laki itu bernama Natar Raja Syah. Setelah itu, maka Raja Mahmud, anak Sultan Alauddin Syah itu pun kahwin dengan Puteri Kalijah, anak Sultan Zainal Abidin Syah Pahang, lalu mangkat ia di sana.

Acheh Menyerang Johor

Kata yang empunya cetera ini, bahawa Sultan Alauddin Syah itu banyak beranak perempuan dengan gundiknya yang banyak itu, seorang jua laki-laki, maka dinamai baginda akan anaknya itu Raden Bahar.

Maka tatkala itu, diperlakukan Allah subhanahu wa taala di atas segala hambanya perintah. Maka orang Acheh pun datang menyerang Johor, lalu dialahkan. Maka Sultan Alauddin Syah serta dengan anak isterinya pun dibawa mereka itulah ke Acheh, lalu mangkatlah ia di Acheh; tatkala itu kerajaan di Acheh Sultan Ali Mughayat Syah.

Setelah itu, maka Raden Bahar pun diambil oleh Sultan Ali Mughayat Syah akan menantunya, lalu disuruhkan ia kembali ke Johor akan menggantikan kerajaan ayahnya.

Hatta maka Raden Bahar pun kembalilah ke Johor. Dengan takdir Allah subhanahu wa taala, tiada berapa lamanya, maka ia pun diberi orang makan racun, lalu mangkatlah ia. Kemudian dari itu, maka putuslah anak cucu raja Melaka di dalam Johor.

Kisah Raja-raja Pahang

Syahadan, kembalilah kami kepada hikayat Sultan Ahmad Muhammad Syah yang kerajaan di negeri Pahang itu kahwin dengan

cucu Sultan Iskandar Syah, raja di negeri Kelantan, bernama Puteri Mengendera.

Hatta, beberapa lamanya, maka baginda itu beranak tiga orang laki-laki; pertama Raja Ahmad; kedua bernama Raja Jamal, dan yang ketiganya bernama Raja Mahmud. Maka Sultan Ahmad Muhammad Syah pun mangkat. Kemudian dari itu maka Sultan Ahmad kerajaan di negeri Pahang, lalu baginda beranak dengan gundiknya, seorang anak laki-laki bernama Raja Mansur, lalu dirajakan oleh Sultan Ahmad anaknya itu. Maka ia pun pergi bersyeikh ke hulu sungai. Ialah yang bergelar "Syeikh". Kemudian dari itu, maka Sultan Mansurlah kerajaan di negeri Pahang, lalu ia kahwin dengan Puteri Fatimah, anak Sultan Alauddin Riayat Syah yang kerajaan di negeri Melaka itu, tetapi baginda tiada beranak.

Hatta, beberapa lamanya, maka Sultan Mansur Syah pun mangkatlah, dibunuh oleh segala hulubalangnya. Maka dirajakan oleh mereka itu Raja Jamal, anak Sultan Ahmad Syah. Maka Raja Jamallah kerajaan dalam negeri Pahang, bergelar Sultan Abdul Jamal Syah. Beberapa lamanya ia dalam kerajaan, maka ia pun mangkat. Ialah yang bergelar "Marhum di Baruh". Kemudian dari itu, maka Raja Mahmudlah kerajaan, bergelar Sultan Mahmud Syah.

Kata yang empunya cetera ini, bahawa Raja Ahmad, anak Sultan Mansur Syah, yang kerajaan di negeri Melaka itu, ada beranak seorang perempuan, terlalu elok parasnya bernama Puteri Umbut. Maka puteri itulah dikahwini Sultan Mahmud Syah, beranak dua orang laki-laki; yang tua bernama Muzaffar dan yang muda bernama Raja Zainal.

Hatta, beberapa lamanya, maka Sultan Mahmud Syah pun mangkat, ialah yang digelar "Marhum di Hilir". Kemudian dari itu, maka Raja Muzaffar Syah kerajaan. Beberapa lama ia di atas takhta kerajaan, ia pun mangkat. Ialah yang bergelar "Marhum di Tengah". Kemudian dari itu, maka Raja Zainal kerajaan bergelar Sultan Zainal Abidin Syah, lalu baginda kahwin dengan Puteri Di, anak Sultan Mahmud Syah, "Marhum di Kampar", beranak empat orang, dua orang perempuan. Maka yang laki-laki itu, seorang bernama Raja Mansur dan seorang bernama Raja Jamal; dan yang perempuan itu seorang bernama Puteri Kalijah, dan seorang bernama Puteri Bongsu. Setelah itu, maka Sultan Zainal Abidin pun kahwin dengan anak Bendahara Seri Buana, beranak seorang laki-laki bernama Raja Kadir.

Syahadan, Sultan Zainal Abidin itu banyak beranak dengan gundiknya, kira-kira delapan belas orang laki-laki dan perempuan.

Hatta, beberapa lamanya, maka Sultan Zainal Abidin pun

mangkat; ialah yang bergelar "Marhum di Bukit". Kemudian dari itu, Raja Mansurlah kerajaan, bergelar Sultan Mansur Syah, lalu baginda kahwin dengan Puteri Fatimah, anak Sultan Alauddin Syah, raja Hujung Tanah, yang mangkat di negeri Aceh itu. Beberapa lamanya, maka Sultan Mansur Syah pun beranak dengan Puteri Fatimah itu dua orang, yang tua perempuan bernama Puteri Putih, timang-timangan orang Puteri Kecil Besar, ialah yang sangat dikasihi ayahnya; dan yang seorang lagi itu laki-laki bernama Raja Subuh.

Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun kahwin pula dengan Puteri Bakal, anak raja Terengganu, beranak empat orang, dua orang laki-laki, dan dua orang perempuan; yang laki-laki itu, seorang bernama Raja Jamal, dan seorang bernama Raja Jalil; dan yang perempuan itu, seorang bernama Puteri Tengah, dan seorang bernama Puteri Dewi. Maka oleh Sultan Mansur Syah, saudaranya yang bernama Raja Kadir itu diangkat akan anak, terlalu sangat dikasihinya.

Hatta, beberapa lamanya, Sultan Mansur Syah pun syahid, berperang dengan Jawa kafir. Ialah yang bergelar "Marhum Syahid". Kemudian dari itu, maka Raja Jamallah kerajaan, bergelar Sultan Abdul Jamal Syah, lalu baginda beranak dengan gundiknya dua orang; seorang perempuan bernama Puteri Siti, dan seorang lagi perempuan juga.

Anak Raja Siak Datang ke Pahang

Kalakuan, maka Raja Biajid dan Raja Isak, anak Sultan Khoja Ahmad itu pun datang dari negeri Siak ke Pahang. Maka dikahwinkan oleh Sultan Abdul Jamal Syah akan Raja Isak itu dengan Puteri Putih, timang-timangannya Puteri Kecil Besar. Beberapa masanya, maka Raja Isak pun beranak dengan Puteri Kecil Besar enam orang; seorang laki-laki bernama Raja Ahmad, dan lima perempuan, seorang bernama Puteri Cendera; kedua bernama Puteri Manisuri; ketiga bernama Puteri Bangkit; keempat bernama Puteri Minang, dan yang kelima bernama Puteri Bongsu Cendera Dewi.

Hatta, beberapa lamanya, maka Sultan Abdul Jamal Syah pun mangkat terbunuh, kemudian dari itu, maka Raja Kadirlah kerajaan, bergelar Sultan Abdul Kadir Mahyuddin Syah. Maka baginda beranak tiga orang laki-laki; yang tua bernama Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Syah; yang tengah bernama Sultan Bighambir; dan yang bongsu bernama Sultan Ahmad Syah. Kemudian dari itu, maka Sultan Ahmad Syahlah kerajaan, hingga setahun lamanya maka baginda pun turun dari atas takhta kerajaan, kerana baginda lagi kecil, tiada dapat

menyelenggara kerajaan; lagi pun saudara baginda yang tua ada lagi hayat. Kemudian dari itu, maka Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Syahlah kerajaan. Baginda beranak dua belas orang dengan gundik, tujuh orang perempuan, lima orang laki-laki.

Hatta, beberapa lamanya, maka Sultan Ahmad pun besarlah, terlalu sangat berkasih-kasih dua bersaudara. Maka anak Raja Isak bernama Puteri Bongsu Cendera Dewi itu pun diangkat Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Syah akan anak, terlalu sangat dikasihi baginda, lalu dikahwinkan oleh Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Syah Puteri Bongsu Cendera Dewi dengan Sultan Ahmad Syah.

Hatta, beberapa lamanya, maka Sultan Ahmad Syah pun beranak dengan Puteri Bongsu Cendera Dewi itu seorang laki-laki bernama Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat Zilullah Fil'Alam, yang menjunjungkan kurnia Allah subhanahu wa taala, kerajaan di negeri Aceh Darul - Salam.

Hubungan Siak dengan Melaka

Kata yang empunya cetera ini, negeri Siak itu dahulu kala negeri besar, dan yang pertama kerajaan di dalam negeri itu Maharaja Parameswara, raja itulah daripada salasilah Sang Sipurba, turun dari Bukit Siguntang. Maka dititahkan oleh Sultan Mansur Syah, raja Melaka, orang pergi menyerang negeri Siak itu, kerana raja negeri itu tiada mahu takluk kepadanya. Maka negeri Siak itu pun didatangi oranglah, lalu dialahkan mereka itu, dan Maharaja Parameswara itu pun mati di dalam peperangan. Maka anak raja Parameswara yang bernama Megat Kuda itu pun tertawanlah, lalu dibawa mereka itu kembali ke Melaka.

Hatta, maka Megat Kuda itu pun dihormat oleh Sultan Mansur Syah, lalu diambil baginda akan menantu. Setelah itu, maka dirajakan baginda di negeri Siak, bergelar Sultan Ibrahim. Beberapa lamanya, maka Sultan Ibrahim pun beranak seorang laki-laki bernama Raja Abdul, duduk dengan Sultan Mansur Syah.

Hatta, maka Sultan Mansur Syah pun mangkat. Kemudian dari itu, maka Sultan Alauddin Riayat Syahlah kerajaan negeri Melaka. Maka Raja Abdul, anak Sultan Ibrahim itu pun dikahwinkan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah dengan anak baginda bernama Puteri Hitam. Beberapa lamanya, maka Raja Abdul beranak dengan Puteri Hitam, tiga orang laki-laki; yang tua bernama Sultan Khoja Ahmad; yang muda bernama Biajid dan yang bongsu bernama Raja Muzaffar.

Hatta, beberapa lamanya, maka Sultan Alauddin Riayat Syah pun mangkat. Kemudian dari itu, Sultan Mahmud Syahlah kerajaan di negeri Melaka. Maka Sultan Khoja Ahmad, anak Raja Abdul itu pun dikahwinkan Sultan Mahmud Syah dengan anak baginda Puteri Mah, bondanya anak raja Kelantan yang bernama Puteri Onang Kemuning.

Hatta, beberapa lamanya Sultan Khoja Ahmad pun beranak dengan Puteri Mah itu tujuh orang, empat orang laki-laki, tiga orang perempuan. Maka yang laki-laki itu bernama Raja Jamal; kedua Raja Biajid; ketiga Raja Isak; keempat Raja Dolah; dan yang perempuannya, pertama Puteri Putih; kedua Puteri Bunut; ketiga Puteri Dewi. Setelah itu, maka Raja Isak, anak Sultan Khoja Ahmad itu pun pergi ke Pahang, lalu baginda kahwin dengan Puteri Putih, timang-timangnya Puteri Kecil Besar, anak Sultan Mansur Syah, "Marhum Syahid" yang kerajaan di negeri Pahang.

Hatta, beberapa lamanya, Raja Isak pun beranak dengan Puteri Putih enam orang; seorang laki-laki bernama Raja Ahmad; dan yang lima perempuan, pertama Puteri Cendera Dewi; kedua Puteri Manisuri; ketiga Puteri Bungkit; keempat Puteri Minang; kelima Puteri Bongsu Cendera Dewi.

Sejarah Raja-raja Aceh Darul-Salam

Syhadan, maka Puteri Bongsu Cendera Dewi itulah beranakan Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat Zilallah Fil'Alam, yang menjunjung kurnia Allah subhanahu wa taala di negeri Aceh Darul-Salam. Insyaa-Allah taala lagi akan tersebut segala hikayat kerajaan baginda pada akhir fasal tarikh segala raja-raja yang kerajaan di negeri Aceh Darul-Salam.

Fasal pada menyatakan tarikh segala raja-raja kerajaan di negeri Aceh Darul-Salam itu. Sultan Ali Mughayat Syah adalah ia kerajaan pada hari Ahad, sehari bulan Jamadilawal, Hijrah 913 tahun (T.M. 1507). Ialah yang pertama masuk agama Islam, dan menegaskan agama Nabi Muhammad salallahu alaihi wassalam; dan ialah terlalu perkasa, mengalahkan negeri Pidir dan Samudera dan beberapa negeri yang lain daripada segala negeri yang kecil-kecil.

Syhadan, maka adalah lama ia dalam kerajaan empat belas tahun tujuh bulan. Setelah itu, maka sultan itu pun hilang⁵ pada Hijrah 928 tahun (T.M. 1521). Adapun dahulu daripada kerajaan sultan itu, dalam

⁵Mangkat

negeri Aceh Darul-Salam tiada ada raja melainkan meurah⁶ jua, masing-masing ketua kepada tempat. Kemudian dari itu, maka kerajaan Sultan Salahuddin Syah ibni Sultan Ali Mughayat Syah, pada hari Sabtu lima belas haribulan Rejab. Adalah ia dalam kerajaan tujuh belas tahun sebelas bulan. Setelah itu, maka sultan itu pun dima'zulkan⁷ oleh saudaranya, kerana ia tiada tahu memerintahkan kerajaan pada Hijrah 946 tahun (T.M. 1539). Adalah ia hidup kemudian dari itu sembilan tahun; setelah itu ia pun hilang.

Kemudian dari itu, maka kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah ibni Sultan Ali Mughayat Syah, pada hari Isnin waktu Dhuha, dua puluh haribulan Zulkaedah, ialah yang mengadakan segala istiadat Kerajaan Aceh Darul-Salam, dan menyuruh utusan kepada sultan Rom, ke negeri Istanbul, kerana meneguhkan agama Islam. Dikirim sultan Rom daripada jenis utas dan pandai yang tahu menuang bedil. Maka pada zaman sultan itulah dituang orang meriam yang besar-besar, dan ialah yang pertama membuat kota di negeri Aceh Darul-Salam; dan ialah yang pertama ghaza⁸ dengan segala kafir, hingga sendirinya berangkat menyerang Melaka; dan ialah keras pada segala hukumnya, dan amat hebat segala kelakuannya; kerana itulah disebut orang akan dia "Marhum Qahar". Tetapi adalah sultan itu memberi nasihat akan segala rakyatnya, lagi sepakat akan segala hamba Allah taala. Bahawa adalah baginya lima orang anak laki-laki; yang pertama, Sultan Abdullah; kedua Sultan Hussin; ketiga Sultan Moghul; keempat Sultan Abangta Di Tangkup; kelima Sultan Abdul Jalil. Maka Sultan Abdullah itu dirajakan ke negeri Ghuri, iaitu Haru; kerana itu disebut orang akan dia Sultan Ghuri. Akan Sultan Moghul itu dirajakan ke negeri Periaman, dan sultan Abangta Di Tangkup itu dibunuh ayahnya, dari kerana sangat kuatnya terlebih daripada saudara-saudaranya. Pada masa itu seorang pun tiada lawannya. Maka Sultan Hussin dan Sultan Abdul Jalil itu bersama-sama dengan ayahnya. Adalah ia dalam kerajaan delapan belas tahun sebelas bulan. Setelah itu, maka Sultan itu pun hilang pada Hijrah 975 tahun (T.M. 1567).

Kedatangan Ulama-ulama Islam ke Aceh

Kemudian dari itu, maka kerajaan Sultan Hussin ibni Sultan Alauddin, bergelar Sultan Ali Riayat Syah, pada hari Ahad sehari bulan

⁶Merah - ketua daerah atau negeri (merah Silu dsb.)

⁷Diturunkan dari takhta kerajaan

⁸Dimaksudkan - jaya berperang

Safar. Ialah yang sangat alim perangnya, dan pengasih akan segala rakyatnya dan akan segala ulama, lagi sepakat akan segala fakir dan miskin. Maka pada zamannyalah datang seorang pendeta dari Mekah, bernama Muhammad Azhari, bergelar Syeikh Nuruddin, Arab bangsanya, Mesir negerinya, Syafi'i mazhabnya. Syeikh itu mengajar ilmu *Ma'qulat* dalam negeri Aceh Darul-Salam.

Hatta beberapa lamanya, maka Syeikh itu pun wafat dalam negeri Aceh Darul - Salam jua. Maka adalah lama sultan itu di dalam kerajaan tujuh tahun satu bulan lima belas hari. Setelah itu, maka sultan itu pun hilang pada Hijrah 983 tahun (T.M. 1575). Kemudian dari itu, maka kerajaan Sultan Muda ibni Sultan Ali Riayat Syah pada hari Ahad, lima belas haribulan Jamadilakhir. Sultan itu lagi kanak-kanak, baharu umurnya empat tahun. Adalah ia dalam kerajaan tujuh bulan Setelah itu maka sultan itu pun hilang pada Hijrah 984 tahun (T.M. 1576). Kemudian dari itu, maka kerajaan abangnya raja Periaman, bergelar Raja Seri Alam, pada hari Ahad sepuluh hari bulan Muharam. Adalah perangai raja itu sangat amarah, tiada memerintah kerajaan; pada tiap-tiap pekerjaan tiada dengan periksanya. Adalah ia dalam kerajaan dua bulan lima hari; kata setengah, lima bulan. Setelah itu, maka raja itu pun terbunuh pada Hijrah itu jua.

Kemudian dari itu, maka kerajaan Sultan Zainal Abidin ibni Sultan Abdullah ibni Sultan Alauddin Riayat Syah, pada hari Khamis, lima haribulan Rabiulawal. Adalah perangai sultan itu keras dan sangat pemarah lagi membunuh. Jika ia tiada melihat darah, santap pun ia tiada mahu. Adalah lama ia dalam kerajaan sepuluh hari; kata setengah, enam bulan. Maka sultan itu pun terbunuh pada Hijrah 985 tahun (T.M. 1577). Kemudian dari itu, maka kerajaan Sultan Alauddin Perak ibni Sultan Ahmad, pada hari Jumaat sepuluh hari bulan Muharam. Adalah sultan itu amat salih, lagi adil pada segala hukumnya, dan keras barang pertitahnyanya. Ialah yang sangat mengasihi segala ulama dan memelihara akan syari'at Nabi Muhammad salallahu alaihi wassalam, dan menyuruh segala rakyat sembahyang lima waktu dan puasa pada bulan Ramadan, dan puasa sunat dan memberi zakat.

Kalakian, maka pada Hijrah 990 tahun (T.M. 1582), datang dua orang pendeta dari Mekah; seorang namanya Syeikh Abu Khir ibni Syeikh ibni Hajar. Ialah yang mengarang kitab yang bernama *Al Saif al Qati'* pada perkataan *thabitah* dan mengajarkan ilmu fikah di dalam negeri Aceh Darul-Salam; kedua Syeikh Muhammad Yamani, ialah yang sangat tahu pada usul. Maka kedua syeikh itu pun berbahas akan

masalah *a'yan thabitah*. Maka terhentilah bahas itu, seorang pun tiada memutuskan dia.

Hatta, maka kedua syeikh itu pun belayarliah. Kemudian dari itu, maka datang pula pendeta dari benua Gujerat, bernama Syeikh Muhammad Jailani ibni Hussin ibni Muhammad; Ahmad kaumnya. Quraisy bangsanya, Ranir nama negerinya, Syafi'i Mazhabnya. Syeikh itulah yang mengajarkan ilmu mantiq, ilmu bayan dan usul, dan ilmu fiqah dalam negeri Aceh Darul-Salam. Maka segala talibul ilmu pun hendak belajar ilmu tasawuf. Maka Syeikh itu pun belayarliah ke Mekah.

Hatta, maka adalah masanya sultan itu dalam kerajaan delapan belas tahun sebelas hari. Setelah itu, maka sultan itu pun terbunuh pada hari Isnin sepuluh hari bulan Muharam waktu dhuha, pada Hijrah 993 tahun (T.M. 1585). Maka adalah sultan itu mati termadzlum.⁹ Kemudian dari itu maka kerajaan Megat Buyung, yang bergelar Sultan Ali Riayat Syah ibni Sultan Mansur Syah, pada hari Selasa, sebelas hari bulan Muharam. Adalah ia dalam kerajaannya dua tahun sebelas bulan. Setelah itu maka ia pun terbunuh pada Hijrah 996 tahun (T.M. 1587). Kemudian dari itu maka kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah ibni Sultan Firman Syah pada hari Isnin lima belas hari bulan Zulkaedah. Maka ada anak bagi sultan itu empat orang laki-laki; pertama, Maharaja al Diraja; kedua, Sultan Muda; ketiga, Sultan Hussin; keempat, Abangta Meurah Upah. Maka Maharaja al Diraja itu hilang pada masa itu jua. Maka Sultan Muda bersama dengan ayahnya. Maka Sultan Hussin itu dirajakan di negeri Pidir. Maka Sultan Meurah Upah itu hilang di Johor.

Maka pada zaman itu datang pula Syeikh Muhammad Hambiah dari benua Gujerat. Pada masa itulah syeikh itu mengajarkan ilmu tasawuf dalam negeri Aceh Darul-Salam, dan memutuskan masalah *a'yan thabitah*, yang dibahaskan Syeikh Abu'l Khir dengan Syeikh Muhammad Yamani. Maka adalah masanya sultan itu di atas takhta kerajaan lima belas tahun sepuluh bulan lima belas hari; maka ia pun *dima'azulkan* anaknya, pada Hijrah 1012 tahun (T.M. 1603), sebab terlanjur hukumnya ke atas hamba Allah. Maka adalah ia hidup kemudian daripada *ma'azulnya* kira-kira setahun, ialah yang bergelar "Marhum Saidul Mukamil". Kemudian dari itu, maka kerajaan anaknya Sultan Muda, yang bergelar Sultan Ali Riayat Syah ibni Sultan

⁹Teraniaya

Alauddin Riayat Syah, pada hari Isnin, lima belas hari bulan Zulkaedah. Pada masa itulah negeri pun terlalu *gath*. Segala manusia banyak mati. Adalah masanya sultan itu di atas takhta kerajaan dua tahun sebelas bulan. Setelah itu, maka sultan itu pun hilang pada hari Rabu, ketika tengah hari, pada Hijrah 1015 tahun (T.M. 1606).

Zaman Kerajaan Sultan Iskandar Muda

Kemudian dari itu, maka kerajaan Sultan Iskandar Muda Johan Berdaulat, pada hari Rabu, enam hari bulan Zulhijah. Ialah yang pahlawan lagi perkasa, dan bijaksana barang perkataan, hemat segala kelakuan dan terlalu elok sikapnya. Ialah yang termasyhur namanya pada segala negeri, dan beberapa negeri ditaklukkannya. Pertama negeri Deli, pada tatkala Hijrah 1021 tahun (T.M. 1612). Kemudian dari itu, dialahkan Johor pada Hijrah 1022 tahun (T.M. 1613). Kemudian dari itu, berangkat ke Bintan, pada tatkala Hijrah 1023 tahun (T.M. 1614). Pada ketika itulah tertawannya anak menantu Wazurai (Viceroy), dan beberapa kapal dan ghurab dan ghalias, terlalu banyak Peringgi mati terbunuh dan tertawan tatkala perang di Bintan itu. Kemudian dari itu, maka ia menaklukkan negeri Pahang, pada tatkala Hijrah 1026 tahun (T.M. 1617). Adapun dengan menaklukkan negeri Pahang itu, ada dalamnya hikmat Allah taala yang terlalu ajaib. Kemudian dari itu, maka mengalahkan negeri Kedah, pada tatkala Hijrah 1029 tahun (T.M. 1619). Kemudian dari itu alah negeri Nias, pada tatkala Hijrah 1034 tahun (T.M. 1624). Kemudian dari itu, maka dititahkannya Orang Kaya Maharaja Seri Maharaja dan Orang Kaya Laksamana pergi menyerang Melaka, pada tatkala Hijrah 1038 tahun (T.M. 1628); tetapi Melaka tiada alah, kerana berbantah antara dua orang panglima itu. Pada ketika itulah orang Islam banyak mati syahid.

Syahadan, pada ketika itulah wafat Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani pada malam Isnin dua hari bulan Rejab, pada Hijrah 1039 tahun (T.M. 1629). Maka adalah syeikh itu alim pada segala ilmu, dan ialah yang termasyhur alimnya pada ilmu tasawuf, dan beberapa kitab dituliskannya. Kemudian dari itu, maka wafat pula Syeikh Ibrahim ibni Syeikh Abdullah al-Syami al-Syafi'i, pada hari Rabu waktu asar, dua belas hari bulan Muharam, pada Hijrah 1040 tahun (T.M. 1630). Maka adalah syeikh itu alim pada segala ilmu, dan ialah yang termasyhur alim pada ilmu fikah. Kemudian dari itu, maka dialahkan pula lagi negeri Pahang, pada tatkala Hijrah 1045 tahun (T.M. 1635). Adalah pada masa itu yang mendiami negeri Pahang raja Johor, dan beberapa yang

lain daripada negeri yang kecil-kecil. Maka ialah yang berbuat Masjid Baitul Rahman dan beberapa masjid pada *ma'azul*; dan ialah yang mengeraskan agama Islam dan menyuruhkan segala rakyat sembahyang lima waktu, dan puasa Ramadan dan puasa sunat, dan menegahkan sekalian mereka itu meminum arak dan berjudi, dan ialah yang mempakkan baitulmal di seluruh negeri Aceh Darul-Salam, dan cukai pekan, dan ialah yang sangat murah kurnianya akan segala rakyat, dan mengurniai sedekah akan segala fakir dan miskin; pada tiap-tiap hari Jumaat berangkat sembahyang Jumaat.

Syahadan, bahawa Seri Sultan Iskandar Muda Johan Berdaulat menaklukkan negeri Pahang, pada Hijrah 1026 tahun (T.M. 1617) itu, adalah dalamnya hikmat Allah yang terlalu ajaib, dan kudrat-Nya yang amat gharib pada melakukan iradat-Nya atas seorang hamba-Nya yang pilihan. Seperti Allah subhanahu wa taala hendak mengurniai kerajaan benua Mesir akan Nabi Allah Yusuf alaihissalam, maka didatangkan-Nya qadak yang amat memberi mudarat, maka diperolehnyalah kerajaan benua Mesir. Demikian lagi kudrat Allah subhanahu wa taala dalam hal menaklukkan negeri Pahang itu, kerana hendak mengurniai kerajaan negeri Aceh Darul-Salam akan Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat Zilullah Fil' Alam. Maka adalah hakikat pekerjaan Raja Iskandar Muda menaklukkan negeri Pahang itu, kerana menyambut Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat, supaya akan menggantikan kerajaan Aceh Darul-Salam. Maka pada masa yang berbahagia, dan pada ketika yang mulia, maka Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Mughayat Syah pun datanglah dari negeri Pahang ke negeri Aceh Darul-Salam. Tatkala itu adalah umur baginda tujuh tahun. Demi ditilik oleh Raja Iskandar Muda akan Seri Sultan Alauddin Mughayat Syah, maka kelihatanlah cahaya segala tanda bahagia pada mukanya, dan segala sifat yang tiada terperi kepujiannya. Maka diketahui Raja Iskandar dengan ilmu firasatnya, bahawasanya ialah Raja al Diraja yang turun-temurun, dan ialah yang termasyhur namanya pada segala alam, dan ialah anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, maka "seharusnya ia diambil akan anakku".

Kalakian, maka Raja Iskandar Muda yang memberi titah kepada Tun Gemala Setia demikian bunyinya, "Peliharakan olehmu anakku ini". Maka sembah Tun Gemala Setia, "Tuanku Syah Alam, diperhamba junjunglah seperti sabda yang maha mulia itu". Tatkala itu digelar Raja Iskandar Muda akan baginda "Sultan Bongsu".

Iskandar Thani Diambil Jadi Menantu

Hatta, maka dipeliharakan oleh Tun Gemala Setia akan Sultan Bongsu seperti memeliharakan anak raja-raja; hingga sampailah umur Sultan Bongsu itu sembilan tahun. Maka sabda Raja Iskandar Muda kepada Syeikh Syamsuddin, dan kepada Kadi Malikul Adil, dan kepada Perdana Menteri Orang Kaya Seri Maharaja, dan Orang Kaya Laksamana dan kepada segala hulubalang, "Insya-Allah taala bahawa aku hendak mengahwinkan anakku Puteri Seri Alam Permaisuri dengan anakku Sultan Bongsu". Maka sembah sekalian mereka itu, "Seperti sabda duli yang maha mulia itu, telah terjunjunglah di atas kepala diperhamba sekalian".

Syahadan, maka Raja Iskandar Muda pun menitahkan orang berjaga-jaga dua kali tujuh hari, seperti adat segala anak raja-raja kahwin. Setelah itu, maka mahligai yang bernama peratun sembah itu pun dihiasi orang dengan beberapa tirai dewangga yang berpakankan emas, dan daripada langit-langit berpakankan emas, dan beberapa ulas tiang daripada zarzuri dan dewangga dan khatifah dan 'ainul banat, dan beberapa daripada payung emas yang bertatahkan Ya'kut dan zamrud dan zabarjad, dan beberapa hamparan daripada permaidani yang berpakankan kasab rumi, dan beberapa bantal seraga daripada emas bertatahkan ya'kut dan zamrud dan zabarjad dan firuz dan beberapa mutiara dan pudi yang gilang-gemilang cahayanya, dan terhiaslah metal¹⁰ emas bertatahkan ratna mutu manikam berumbai-umbaikan mutiara. Setelah mustaidlah sekalian perhiasan mahligai itu, maka sabda Raja Iskandar Muda kepada Megat Dilma Jaya, "Panggil olehmu akan daku, anakku Sultan Bongsu".

Hatta maka Megat Dilma Jaya pun pergilah hingga sampailah ia, lalu di junjung sabda yang maha mulia itu. Demi didengar Sultan Bongsu sabda yang maha mulia itu, maka baginda pun datanglah menghadap serta diiringkan beberapa anak raja-raja dan segala hulubalang, dan segala muda belia dan beberapa segala anak hulubalang, hingga sampailah Sultan Bongsu kepada penghadapan. Maka Raja Iskandar Muda pun bersabda kepada nenda Raja Serba Bawa dan kepada embuai.¹¹ Tun Fuma Lela, "Kamu bawa mahkota keinderaan dan segala pakaian kerajaan". Maka segalanya itu pun dibawa oranglah. Maka dihiasilah oleh Raja Serba Bawa akan Sultan Bongsu dengan pakaian kerajaan yang indah-indah. Maka dipimpin Raja Iskandar Muda akan

¹⁰ Sejenis tilam lapik duduk

¹¹ Panggilan pada dayang istana (perempuan yang bekerja di istana)

Sultan Bongsu, lalu dibawanya ke atas metai emas. Maka sabda Raja Iskandar Muda kepada Megat Dilma Jaya, "Panggil olehmu akan daku, Syeikh Syamsuddin dan Kadi Malikul Adil dan Perdana Menteri Orang Kaya Maharaja Seri Maharaja dan Orang Kaya Lela Wangsa dan Orang Kaya Laksamana dan hulubalang yang besar-besar".

Maka Megat Dilma Jaya pun pergi menjunjungkan sabda yang maha mulia itu. Maka segala mereka itu pun datanglah menghadap. Maka sabda Raja Iskandar Muda, "Hei Kadi Malikul Adil, kamu nikahkanlah Sultan Bongsu ini dengan anakku Tuan Puteri Seri Alam Permaisuri". Maka Kadi Malikul Adil pun menikahkan di hadapan orang besar-besar yang banyak itu. Setelah sudah nikah, maka digelar Raja Iskandar Muda akan Sultan Bongsu itu "Sultan Hussin Syah".

Hatta, maka tatkala sampailah umur Sultan Hussin Syah sepuluh tahun, maka sabda Raja Iskandar Muda kepada nenda Raja Serba Bawa, dan nenda Raja Indera Bulan, dan nenda Raja Setia, dan nenda Raja Gemala Setia, "Kamu hiaskan segala istana dan mahligai yang bernama Seri Alam dan Mahligai Daulat Khana dan Mahligai Cita Keinderaan dan Seri Warna". Maka segala istana dan mahligai itu pun dihias oranglah dengan aneka perhiasan daripada tirai dewangga yang berpakaian emas, dan langit-langit daripada jenis dibaja¹² dan metai dan albanat, dan dewangga dan beberapa jenis kain ulas tiang yang indah-indah, dan suasa yang bertatahkan ratna mutu manikan dan beberapa daripada bantal emas yang berpermata lazuardi¹³ yang tersusun, dan beberapa daripada bantal suasa yang berpermata lazuardi, dan beberapa jenis kain sempayan¹⁴ mengeliling segala mahligai dan istana itu, dan beberapa payung emas bertatahkan ratna mutu manikam berbai-umbaikan mutiara, dan beberapa payung lazuardi berumbai-umbaikan mutiara, dan beberapa payung suasa, perak dan payung keemasan tujuh tingkat dan tiga tingkat; dan beberapa daripada jogan¹⁵ emas yang ber'alam keemasan, dan beberapa daripada jogan suasa yang ber'alamkan zarzuri.

Setelah sudah mustaid segala istana dan mahligai itu, maka dipasanglah beberapa daripada dian emas yang berpermata dan suasa yang bertatahkan emas berjala-jalakan mutia berumbai-umbaikan mutiara, dan beberapa daripada kandil emas yang berpermata lazuardi.

¹² Sejenis kain sutera yang halus

¹³ Permata warna biru

¹⁴ Kain tutup tiang, alang

¹⁵ Sejenis tombak bendera (sebagai tanda kebesaran raja)

Maka berbunyiilah segala bunyi-bunyian daripada Mahligai Dualat Khana, terlalu azamat bunyinya. Segala biduan pun menyanyikan dengan memalukan dap¹⁶ emas yang berpermata, dan rebana pun demikian jua. Maka segala penari pun memakailah sekalian mereka itu dengan pakaian keemasan berpermata, lalu menarilah mereka itu sekalian, masing-masing dengan ragam caranya.

Setelah itu, maka Raja Iskandar Muda pun bersabda kepada nenda Raja Serba Bawa, dan nenda Seri Derma Dewi, dan embuai Tun Temala Dewi dan kekanda Indera Dewi, "Kamu hiaslah Mahligai Raksa Merna dan Mahligai Merta Ratna". Maka kedua mahligai itu pun dihias oranglah, seperti yang telah tersebut itu. Setelah itu, maka berdatang sembah segala nenda dan embuai, "Ya tuanku syah alam, bahawa seperti sabda yang maha mulia akan menghiasi kedua mahligai itu, telah sudah mustaidlah dengan sempurnanya".

Kalakian maka sabda Raja Iskandar Muda kepada Megat Dilma Jaya dan Megat Dilma Syah, "Katakan olehmu kepada Perdana Menteri Orang Kaya Maharaja Seri Maharaja dan Orang Kaya Seri Lela Wangsa, dan nadim¹⁷ bentara dan segala hulubalang, bahawa aku hendak bersuka-sukaan akan pekerjaan anaku Sultan Hussin Syah dan anaku Tuan Puteri Seri Alam Permaisuri". Maka Megat Dilma Jaya dan Megat Dilma Syah pun pergilah menjunjungkan sabda yang maha mulia itu kepada nadim bentara. Demi didengar mereka itu akan titah yang maha mulia itu, maka sekalian itu pun berhimpunlah khidmat.

Persiapan untuk Perkahwinan Diraja

Setelah itu, bentara pun merantakan¹⁸ kepada segala daerah Acheh Darul-Salam, bersuka-sukaan empat puluh hari empat puluh malam. Maka sekalian manusia pun berjaga-jagalalah, bersuka-sukaan sepanjang masa itu. Maka adajah daripada makan-makanan akan segala manusia itu, tiadalah terhemat lagi banyaknya. Setelah itu maka Raja Iskandar Muda pun berangkatlah kepada mahligai yang bernama Daulat Khana, mendapatkan anakanda baginda Tuan Puteri Seri Alam Permaisuri. Lepas baginda sampai, maka dengan diiringkan segala pada puteri dan segala anak raja, dan segala anak orang besar-besar, dan segala nenda dua kali tujuh, dan embuai tuan inangda dua kali tujuh, dan kekanda dua kali

¹⁶ Sejenis gendang yang mempunyai pemukul

¹⁷ Orang kepercayaan

¹⁸ Menghebahkan; mengumumkan

tujuh, dan segala dayang-dayang, maka gendang berangkat tuan puteri naik ke atas metai suasa pun berbunyiilah. Maka inai, pakaian dan air mandi pun diarak Kadi Malikul Adil dan perdana menteri dan segala hulubalang, masing-masing mengarak; setengah mereka itu ke Mahligai Raksa Merna akan Sultan Hussin Syah, dan setengah ke Mahligai Daulat Khana. Maka hingga genaplah kerjaan itu empat puluh hari dan empat puluh malam.

Kalakian, maka sabda Raja Iskandar Muda kepada Megat Dilma Jaya dan Megat Dilma Syah, "Katakan olehmu kepada Syeikh Syamsuddin dan kepada perdana menteri dan Kadi Malikul Adil, dan kepada segala orang kaya-kaya dan kepada segala nadim bentara dan kepada segala hulubalang dan kepada segala pegawai yang berjabatan, pasangan meriam yang bergelar Seri Negeri dan segala meriam yang besar-besar, akan menghimpunkan segala rakyat, tujuh kali tujuh".

Hatta, maka meriam pun dipasang oranglah. Maka segala rakyat hina dina pun sekalian berhimpunlah, dan segala gajah yang berperhiasan pun telah mustaidlah berbaluhan¹⁹ keemasan, dan setengahnya berbaluhan suasa dan perak, dan beberapa kuda tezi jenis Arabi dan Iraqi; dan setengah daripada jenis dari Turki dan Rumi, mustaid dengan segala alat perhiasannya bertatahkan ratna mutu manikam berumbai-umbaikan mutiara. Telah mustaidlah sudah dengan segala alat, maka sabda Raja Iskandar Muda kepada Megat Dilma Jaya dan Megat Dilma Syah. "Kamu suruh araklah Singgahsana Jambangan Ratna kepilkan²⁰ ke Mahligai Peratna Sembah. Maka Megat Dilma Jaya dan Megat Dilma Syah pun khidmatlah seraya menyembah, lalu pergi menjunjungkan sabda yang maha mulia itu kepada nadim bentara. Setelah itu maka Singgahsana Jambangan Ratna pun diarak oranglah, terkepillah ke Mahligai Peratna Sembah. Maka segala hulubalang pun berdirilah.

Syahadan, maka Raja Iskandar Muda pun berangkatlah ke Mahligai Daulat Khana seraya bersabda kepada nenda Raja Gemala Setia, dan kepada nenda Raja Seri Dewi, dan kepada nenda Seri Derma Dewi, "Kamu hiaskanlah anakku kedua". Maka dihiasi mereka itulah masing-masing dengan perintahnya, perhiasan yang indah-indah; berkain zarzuri yang berpakankan emas, baju pakaian pun demikian jua; berkancing²¹ kalimah berpermata ya'kut dan zamrud berterapan intan;

¹⁹Rangka tempat duduk di atas gajah

²⁰Dampingkan; dekatkan

²¹Alat untuk menutup bagu, butang

berdokoh²² berpermata manikam merah, dan berpenyangga tempa manikam, dan berazimat delapan sebelah, dan bergelang bulat saga merah, dan bergelang bunga berumbai-umbai intan, dan bercincin manikam seruas jari, dan bercinggai²³ intan bersudi, dan bersandingan intan dikarang, berkeris yang bergelar "Raja Ular", berhulu manikam bersarung ya'kut yang merah. Maka memakai mahkota keinderaan bersurat kalimah berpermata manikam merah. Setelah sudah memakai sederhana tubuh kedua baginda itu dengan pakaian yang tiada pernah dilihat mata, dan tiada pernah didengar telinga, maka segala bunyi-bunyian daripada gendang emas berpermata, dan gendang suasa, dan medali emas berpermata, dan nagara berpermata, dan ceracap emas, dan serunai dan meranggu emas dan suasa pun berbunyiilah.

Kalakuan, maka Raja Iskandar Muda pun berangkatlah ke Mahligai Daulat Khana, menyambut paduka anakanda tuan puteri, dinaikkan ke atas Singgahsana Jambangan Ratna. Maka Sultan Hussin Syah pun dinaikkan ke atas singgahsana suasa. Setelah itu maka Raja Iskandar Muda pun memberi titah kepada nenda Raja Serba Bawa, "Kamu suruhkan palu gendang berangkat akan anakku kedua mengelilingi Masjid Baitul Rahman".

Hatta, maka beraraklah mengelilingi Masjid Baitul Rahman; beberapa gajah membawa kampil²⁴ emas dan kampil suasa dan kampil perak berisi derma sedekah daripada beras emas dan suasa, dan beras kuning emas dan suasa, dan permata, dan ya'kut dan zamrud dan mutiara, dihamburkan akan segala fakir dan miskin, hina-dina. Setelah itu maka beraraklah kedua baginda ke Mahligai Daulat Khana, lalu disambut segala anak raja-raja, dan tuan puteri diiringkan segala nenda dan embuai inangda pengasuh dan segala isi istana. Maka naiklah kedua baginda ke atas metai emas yang bertatahkan ratna mutu manikam berumbai-umbaikan mutiara; dan dihadap segala raja-raja dan para puteri dan segala isi mahligai sekalian.

Syahadan, maka Raja Iskandar Muda pun berangkatlah mendapat anakanda baginda kedua, serta mengangkat tangan ke hadirat Allah subhanahu wa taala mengucap beribu syukur, "Alhamdulillah, sekarang senanglah kehendak hatiku, dan sempurnalah kurnia Allah subhanahu wa taala akan anakku kedua". Setelah itu, maka hidangan nasi santap-santapan pun diangkat oranglah ke hadapan baginda kedua. Maka

²² Buah kalong; agok; loket

²³ Sejenis kuku hiasan, biasanya dipakai pada jari manis

²⁴ Kampil

Raja Iskandar Muda dan paduka bonda, Syah Alam pun mengucap "Bismillahir rahmanir rahim", serta salawat akan Rasulullah salallahu alaihi wassalam, lalu disuap baginda akan anakanda kedua. Setelah sudah santap, maka Raja Iskandar Muda pun berangkatlah ke Mahligai Peratna Sembah. Maka sabda paduka bonda, Syah Alam, kepada Raja Iskandar Muda, "Bahawa hamba hendak mandikan cucu hamba kedua". Maka sabda Raja Iskandar Muda, "Baiklah seperti bicara paduka bonda itu".

Istiadat Persiraman Dalam Mimpi

Kalikian, maka berdatang sembah Syeikh Syamsuddin dan Kadi Malikul Adil dan perdana menteri dan segala hulubalang, mohon hendak mengarakkan air mandi. Maka sabda Raja Iskandar Muda, "Baiklah". Maka segala mereka itu pun berjagalah hendak mengarak air mandi. Maka pada dua belas haribulan Jamadilakhir, malam Isnin, maka Raja Iskandar Muda pun bermimpi, turun sebuah mahligai daripada cahaya dengan perhiasan berisi air mandi, dibawa malaikat. Maka dimandi mereka itulah dengan kurnia Allah subhanahu wa taala akan baginda kedua. Maka pada pagi-pagi hari itu, bersabda Raja Iskandar Muda kepada nenda Raja Serba Bawa, "Katakan olehmu kepada bondaku, Paduka Syah Alam, janganlah bersusah-susah lagi hendak mandikan anakku kedua, kerana sudah ia mandi keduanya daripada air kudrat Allah subhanahu wa taala". Setelah itu, maka bersabda pula Raja Iskandar Muda kepada Megat Dilma Jaya, "Katakan olehmu kepada Syeikh Syamsuddin dan kepada Kadi Malikul Adil dan kepada Perdana Menteri Orang Kaya Maharaja Seri Maharaja dan kepada segala hulubalang, janganlah kamu sekalian bersusah lagi akan mengarakkan air mandi, kerana anakku kedua sudahlah mandi dengan air daripada kudrat Allah subhanahu wa taala". Maka Megat Dilma Jaya pun pergilah menjunjungkan sabda yang maha mulia itu kepada Kadi Malikul Adil dan perdana menteri dan hulubalang sekalian. Demi didengar mereka itu maka jadi hairanlah mereka itu sekalian dengan dahsyatnya.

Arakian, maka bersabda Raja Iskandar Muda kepada Megat Dilma Jaya, "Panggilkan olehmu akan daku, Syeikh Syamsuddin dan Kadi Malikul Adil dan perdana menteri dan segala hulubalang". Maka Megat Dilma Jaya pun khidmatlah serta menyembah. Maka ia pun pergi, sehingga sampailah ia lalu menjunjungkan seperti sabda yang maha mulia itu.

Hatta, maka sekalian mereka itu pun datanglah menghadap. Maka sabda Raja Iskandar Muda kepada Syeikh Syamsuddin dan kepada

sekalian mereka itu, "Ketahui olehmu sekalian, bahawa anakku Sultan Hussin Syah ini, aku namai akan dia Sultan Moghul. Jikalau datang masya-Allah akan daku, anakku Sultan Moghullah akan ganti kerajaanku". Demi didengar mereka itu sekalian sabda Raja Iskandar Muda demikian, maka mereka sekalian pun tunduk khidmat serta menyembah dengan sukacitanya, lalu mengucap syukur. Setelah itu maka Sultan Moghul pun dikurniakan Raja Iskandar Muda sebuah mahligai yang bernama Seri Warna, mahligai di sisi istana baginda jua. Maka Sultan Moghul pun duduklah di dalam mahligai itu dengan sukacitanya, seperti adat segala anak raja-raja.

Pada suatu hari, maka berdatang sembah perdana menteri dan segala hulubalang kepada Raja Iskandar Muda, "Ya tuanku syah alam, barang maklum kiranya, mengapa nobat itu kepada suatu penjuru jua?" Maka sabda Raja Iskandar Muda, "Mengapa kamu berkata demikian? Adakah pada sangka kamu yang lain akan gantiku? Insy Allah anakku Sultan Moghullah kamu harap, kerana aku telah sudah tua".

Syahadan, maka adalah diilhamkan Allah taala di dalam hati Raja Iskandar Muda memilih Sultan Moghul akan gantinya itu, seperti Nabi Allah Daud memilih dalam antara segala anaknya, Nabi Allah Sulaimanlah gantinya.

Hatta, beberapa lamanya, maka Raja Iskandar Muda pun geringlah, lalu dititahkan memanggil perdana menteri dan segala hulubalang yang besar-besar. Maka sekalian mereka itu datanglah menghadap. Maka sabda Raja Iskandar Muda, "Bahawa rasaku sekarang ini, hampirlah aku kembali ke rahmatullah". Demi didengar sekalian mereka itu sabda Raja Iskandar Muda demikian, maka sekalian mereka itu pun menangis dengan tangisan yang amat sangat, serta berdatang sembah, "Ya tuanku syah alam barang maklum, diperhambakan mohonkan ngiring duli hadirat syah alam". Maka sabda Raja Iskandar Muda, "Jikalau kamu bersama-sama dengan daku, anakku Sultan Moghul siapa melingkar²⁵ akan dia!" Setelah itu maka Raja Iskandar Muda pun kembali ke rahmatullahi taala pada hari Sabtu waktu zuhur, pada Hijrah 1046 tahun (T.M.1636). Adalah ia dalam kerajaan tiga puluh tujuh tahun tujuh bulan dua puluh empat hari. Ialah yang bergelar "Marhum Mahkota Alam".

Sultan Iskandar Thani Merajai Aceh

Kemudian dari itu, maka Sultan Moghullah kerajaan, bergelar

²⁵ Mengelilingi; melingkungi (Dimaksudkan "berkhidmat kepadanya").

Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat Zilullah Fil' Alam ibni Sultan Ahmad Syah, pada hari Sabtu, dua puluh sembilan haribulan Rejab, waktu zuhur. Ialah daripada anak cucu Sultan Iskandar yang menghimpunkan kerajaan dunia ini.

Ialah perkasa terlalu berani,
Turun-temurun nasab sultani,
Ialah menjunjung ghayat rahmani,
Bergelar Sultan Iskandar Thani.

Maka adalah pada ketika itu segala manusia umpama segala tumbuh-tumbuhan yang merasai panas yang amat sangat; maka tatkala itu terdirilah payung daulatnya. Maka beroleh naunglah sekalian mereka itu dibawahnya, dan beroleh rahmat mereka itu daripada limpah kurnianya; dan sukacitalah hati segala manusia, umpama segala bunga-bunga yang akan mengorak kelopak pada ketika dinihari. Maka segala bunga-bunga itu pun kembanglah dan merebaklah baunya kepada segala pihak negeri. Maka bertiuplah angin bahagianya, dan bersinarlah matahari kemuliaannya, dan terdirilah alam daulatnya, dan terkibarlah segala panji-panji saadahnya. Maka masyhurlah gahnya yang adil dan sifatnya yang kamil kepada pihak segala negeri. Maka datanglah beberapa bahtera asing masuk ke negerinya.

Maka adalah pada maa itu bandar Darul-Salam terlalu makmur dan makanan pun sangat murah, dan segala manusia pun dalam kesentosaan, dan ialah yang adil pada sebarang hukumnya, dan tawakal pada sebarang pekerjaannya, dan sabar atas segala barang halnya, dan ialah hemat pada segala kelakuannya, dan bijaksana pada barang perkataannya, dan lagi alim perangnya dan pengasih akan segala rakyatnya, syafaat akan segala fakir dan miskin, dan ialah yang mensentosakan kanak-kanak yang belum lagi patut menanggung pekerjaan; dan ialah yang mengurniakan nakhoda dan saudagar yang datang menghadap hadiratnya beberapa daripada harta dan gajah; seorang pun tiada kembali dengan putus asa, melainkan adalah mereka itu menjunjung kurnianya; dan ialah yang melakukan hukum Allah, dan mengeraskan segala syariat Nabi Muhammad Rasulullah salallahu alaihi wassalam; dan ialah yang mendirikan masjid di bandar Aceh Darul-Salam bernama Baitul Musyahadah; dan ialah yang melarangkan bercelak minyak dan berjilbab *libas*, dan ialah terdiri makam firman Allah taala: "*Thumma ja'alnakum khalaiifa fil ardhi min ba'dihim linanzura kaif ta'lamun*". Ertinya:

"Ketahui olehmu, bahawasanya dunia ini umpama daun kayu yang hijau lagi manis, dan bahawasanya Allah taala menjadikan khalifah dalamnya. Maka ditilik betapa perbuatan kamu".

Syahadan, ialah yang sangat *tawaduknya* akan Allah subhanahu wa taala maka dianugerahi-Nya akan dia martabat yang amat besar, seperti firman Allah taala yang tersebut di dalam Quran yang maha mulia". "*Wa huallazi ja'alakum khalaifa al-ardhi, warafa'a ba'dhakum fauqa ba'dhin darajatin, Liyabluwakum fima atakum. Innallaha sari'ul 'iqab. Wa innahu laghafurur rahim*". Ertinya: "Allah taala jua yang menjadikan kamu khalifah di bumi, dan dipusakakannya akan kamu kerajaan kemudian daripada segala raja- raja yang telah lalu, supaya kamu ramaikan bumi ini kemudian daripada kamu, pada darjat supaya diuji-Nya akan kamu pada barang yang dianugerahi-Nya akan kamu. Bahawasanya Ia jua Tuhan yang amat mengampun lagi mengasihi segala yang berbuat kebaktian akan Dia".

Syahadan, maka ialah yang memenuhi hasrat segala hamba Allah, dan memeriksai segala orang yang teraniaya, dan memberi manfaat akan segala manusia, seperti sabda Nabi salallahu alaihi wassalam: "*Inna lillahi ibadun akhassahum binni'am kamanafi'il ibad yuqirruha fihim ma bazalu faiza mana'uha hawwalaha'anhum waja'alaha fi ghairihim*". Ertinya: "Bahawasanya ada bagi Allah taala beberapa yang ditentukan-Nya akan mereka itu dengan beberapa nikmat supaya memberi manfaat mereka itu akan segala manusia, dan ditetapkan Allah taala segala nikmat itu pada mereka itu selama ada mereka itu membiayakan mereka itu segala nikmat itu, maka dipindahkan Allah taala segala nikmat itu daripada mereka itu. Maka dianugerahkan Allah taala ia kepada yang lain daripada mereka itu".

Peristiwa Percubaan Meracun Raja

Maka tatkala genaplah delapan bulan Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat di dalam kerajaan dengan sentosanya, dan dengan sukacitanya, lagi dengan sempurna adilnya, maka ada beberapa orang berbuat khianat akan dia, hingga muafakat mereka itu dengan orang yang menjabat persantapan baginda.

Hatta maka diberi sekalian mereka itu racun ke dalam persantapan baginda. Pada sangka mereka itu dapat dibuat pekerjaan itu dengan kehendak sendirinya; tiada mereka ketahui akan kebesaran Allah subhanahu wa taala yang memeliharaakan hambanya daripada bahaya dan bencana. Maka sekalian pekerjaan mereka itu diilhamkan Allah

subhanahu wa taala kepada Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah. Maka tiba-tiba segala makanan yang disantap itu pun berlendirlah rasanya daripada adat yang sediakala.

Hatta, maka sekalian mereka itu pun diperiksai baginda dengan sebaik-baik periksa, dan kesudahan siasat, setelah nyatalah kesalahan dan sabitlah perbuatan mereka itu, maka baginda pun memanggil Kadi Malikul Adil dan perdana menteri dan segala wazir, serta bersabda kepada sekalian mereka itu, "Kamu lihatlah segala yang hendak berbuat khianat akan daku. Adalah mereka itu berpegang atas hawa nafsunya, tetapi aku berpegang kepada pelihara Allah yang menjadikan daku". Demi didengar Kadi Malikul Adil dan perdana menteri dan segala wazir sabda yang maha mulia itu, maka segala mereka itu pun tunduk, serta berdatang sembah, "Ya tuanku syah alam, bahawa segala yang berbuat demikian itu, seharusnya atas murka Allah taala dan murka rasulullah dan murka hadirat syah alam".

Hatta, maka segala yang khianat itu pun dimurka Allah taala, dan datanglah ke atas mereka itu *jaza* perbuatan mereka itu, demikianlah halnya segala yang berbuat khianat akan segala raja-raja tak dapat tiada datang juga ke atas mereka itu murka Allah taala. Nasihat: "Hubaya-hubaya hai segala hamba Allah, janganlah kamu berbuat khianat akan segala raja-raja; tak dapat tiada pekerjaan yang demikian itu, dinyatakan Allah taala jua kepadanya".

Syahadan, maka adalah pada masa itu datang beberapa Peringgi ke bandar Darul-Salam menghadap Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat, serta mereka itu memohonkan ampun, dan taubatlah mereka itu daripada segala pekerjaan yang telah lalu itu. Maka dikurniai oleh Paduka Seri Sultan Iskandar Thani akan mereka itu beberapa daripada harta dan persalinan. Bahawa pada sangka baginda sungguhnya seperti sembahnya itu.

Maka segala kafir mala'un itu pun khianat jua hatinya, hingga melarikan beberapa daripada Peringgi yang telah tertawan pada zaman Sultan Iskandar Muda Johan Berdaulat. Kemudian dari itu, maka datanglah pula mereka itu ke bandar Darul-Salam. Maka dipersembah mereka itu beberapa daripada intan dan permata, maka ganda bergandalah daripada adat harganya. Kemudian dari itu, maka datanglah mereka itu sekali lagi ke bandar Darul-Salam. Maka nyatalah khianatnya, dan sangatlah *maghrumnya*. Maka datanglah ke atas mereka itu murka Allah taala. Maka sekalian mereka itu pun habislah dititahkan Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat, penggalkan batang lehernya.

Kemudian dari itu, datang sebuah bahtera dari negeri Benggala ke bandar Darul-Salam, Haji Kamal nama nakhodanya. Maka ia pun turunlah dari bahteranya, datang menghadap Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat. Maka dihormati baginda akan dia seperti adat nakhoda. Setelah itu, maka ia pun berniaga di dalam bandar Darul-Salam. Maka tatkala ia belayar dirampasnya beberapa buah perahu yang datang berniaga ke bandar Darul-Salam. Maka pekerjaannya itu pun dipersembahkan oranglah kepada baginda. Maka sabda baginda, "Sabarlah kamu, kita serahkan kepada Allah subhanahu wa taala, bahawa ia berbuat khianat itu akan dirinya jua".

Hatta, maka Haji Kamal pun belayarlah hingga sampai ke Tanjung Seri. Maka ia pun turun dari bahteranya, naik ke sampan; lalu ditawannya beberapa orang negeri itu. Maka dengan daulat Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah Johan Berdaulat, maka Haji Kamal pun ditangkap orang negeri itu. Demi dilihat segala isi bahtera itu akan nakhodanya telah tertangkap, maka bahtera itu pun dilayarkan mereka itu ke bandar Darul-Salam.

Syahadan, adalah mereka itu melayarkan bahtera itu daripada sangat harap mereka itu akan ampun Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah, dan yakinlah mereka itu akan ampun yang maha mulia itu terlebih daripada dosanya. Setelah sampailah bahtera itu ke Bandar Darul-Salam, maka segala orang isi bahtera itu pun dimaafkan Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Syah dengan segala isinya. Maka segala isi bahtera itu pun sukacitalah, serta mereka itu minta doa dengan mengucap beribu-ribu syukur adanya habis.

Dengan kurnia Allah subhanahu wa taala telah berhentilah daripada menyalin segala tarikh raja-raja ini kepada tiga hari bulan Syaaban, hari Rabu, waktu jam pukul tiga petang – Umar bin Muhammad Ali yang menyalin ini adanya.

Tertulis kepada 17 hari bulan Rejab sanah 1317 tahun.

SALASILAH RAJA-RAJA TERENGGANU DAN TIMUR

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim - *wabihi nasta'in 'ala*. Ini hikayat salasilah peraturan raja-raja Terengganu dengan raja-raja sebelah Timur, adanya.

Fasal ini pada menyatakan ceteranya. Maka adalah Terengganu itu asalnya duduk di dalam perintah Megat Terengganu, iaitu nama rajanya. Maka adalah asalnya konon raja Batak di Minangkabau. Maka disuruh oleh Dato' Padang Saujana akan Paduka Seri Rama bertiga dengan Paduka Raja dan Dato' Laksamana pergi mengambil dengan kuatnya. Maka Megat Terengganu pun alahlah, serta undurlah ia ke Pahang.

Kemudian dari itu, maka baliklah Paduka Raja dan Paduka Seri Rama bertiga itu menghadap ke Johor. Maka disuruh oleh raja Johor akan Paduka Raja berdua dengan Laksamana bicarakan negeri Terengganu itu. Maka adalah Paduka Seri Rama dan Laksamana keduanya duduk di Teluk Menara. Kemudian, maka Paduka Seri Rama itu dapat anak tiga orang, pertama Encik Halimah; kedua Kanda Abu; dan ketiga Kanda Ahmad.

Hatta, beberapa lamanya Paduka Seri Rama memerintah, maka jadilah *mukhasamah*²⁶ antara Laksamana dengan Paduka Seri Rama. Maka dengan takdir Allah taala, diradak oleh Laksamana akan Paduka Seri Rama. Maka berkatalah Paduka Seri Rama, "Adalah aku memerintah ini bukannya dengan kehendakku. Maka akan sekarang ini aku mintalah hantarkan anakku yang bertiga ini ke Riau". Sudah itu, maka kembalilah ia ke rahmatullahi taala. Maka dikuburkan akan dia di Bukit Makam itu.

²⁶Perbalahan

Kemudian dari itu, maka masuklah alamat²⁷ orang, "Minta bawa ke Riau". Maka dibongkar oleh oranglah kuburnya itu, tiba-tiba baik-baik hal, mayatnya itu tiada hancur. Kemudian daripada itu, maka disuruh oleh Dato' Padang Saujana akan Dato' Bendahara Encik Hassan pergi ke Terengganu, serta membawa Kanda Abu, maka tinggal akan Kanda Ahmad itu di Riau. Maka akan Encik Halimah, lepas ia ke Melaka. Maka itulah jumlah keturunan Syeikh Hussin.

Maka adalah Kanda Abu itu berbini ia akan Encik Siti Mariam anak To' Nai yang mencerang akan tanah kuala, dari Bukit Puteri lalu ke Tanjung; akan tetapinya itu dengan suruh Dato' Bendahara Hussinlah, adanya.

Kemudian dari itu, maka Kanda Abu itu dapat anak lima orang, pertama-tama beranakkan Encik Milah, menjadi isteri Engku Tenang Wangsa, maka ia beranakkan Encik Puan Balai Dua, yang jadi isteri Raja Muda Kelantan. Maka yang kedua daripada anak Kanda Abu itu, Encik Menjiwa namanya, menjadi isteri Maharaja Indera Bongsu ibni Bendahara Hussin. Maka beranak ia akan Encik Puan Besar, nama buahnya Zainab, ia menjadi isteri Marhum Masjid. Maka beranakkan akan Wan Mah; dan akan Tuan Encik Musa, iaitu ayah Encik Engku Samil; dan akan Tuan Encik Lah, dan akan Tuan Encik Mah; dan akan Tuan Encik Yah; dan Tuan Encik Mahmud; dan Tuan Encik Bongsu, iaitu ayah Encik Wan Ngah; dan Encik Wan Kassim. Maka jumlah akan Encik Din dan Encik Wan Muda, Bondanya Tengku Sofiah, maka yang kedua itu ibu lain. Maka yang ketiganya daripada anak Kanda Abu, iaitu Dato' Bentara, maka beranak ia akan Encik Ahmad Bolih dan Encik Dagang. Maka yang keempatnya daripada anak Kanda Abu itu, Encik Rusyidah, maka ia beranak akan Encik Unus, dan Encik Sulaiman Buluh dan Encik Zainab. Maka yang kelimanya daripada anak Kanda Abu itu Encik Pilus – *intaha*.²⁸

Maka inilah fasal jumlah (keturunan) Sultan Sulaiman mangkat Singapura; dan Sultan Abdul Rahman; dan Sultan Kota Tauhid, iaitu anak Sultan Sulaiman; dan Tun Abdul Majid; dan anak-anak Tun Indera, yang orang kata ialah yang membuka Terengganu yang sebelah belukanya.

Adapun anak-anak Tun Indera itu lima orang, iaitu Tun Buana, dan Tun Sulaiman, dan Tun Ismail Raja, dan Tun Rakna Dewa, dan Tun Rakna Setia.

²⁷ Lazimnya mendapat tahu dalam mimpi

²⁸ Selesai

Maka inilah jumlah anak Tun Sulaiman itu, empat belas orang semuanya. Maka Raja di Langsi dan To' Kaya Pahlawan itu di Aram; dan Tuan Lemat di Kuala Par; dan To' Kaya Bija Wangsa di Langsi; dan Lela Wangsa di Hulu Sungai; dan To' Kaya Amar di Tanjung Yaru; dan To' Kaya Padang di Kembur; dan To' Kaya Bija Rakna di Kuala Akub; dan To' Kaya Sang Aria di Pulau Manis; dan Tun Majid di Pulau Manis; dan Tun Zain Ali di Kuala Akub; dan Raja Maha Menteri di Kembur; dan Raja Kassim di Tanjung Baru, - *intaha*.

Maka inilah fasal (keturunan) Sultan Kota Tauhid itu, anaknya dua orang, iaitu Tun Abdul Majid yang menjadi Bendahara Padang Saujana; dan Sultan Ahmad yang menjadi raja di Johor, iaitu anaknya Sultan Mahmud yang mangkat dijulang, yang berdarah putih itu. Maka ialah yang dikata setengah orang "Marhum Kota Tinggi" itu.

Maka inilah anak Abdul Majid itu, iaitu tujuh orang semuanya. Abdul Jamal menjadi Bendahara Paduka Raja; dan Abdul Jalil menjadi Yang Dipertuan Muda. Maka anak dengan seorang lagi isterinya dua orang, iaitu Tengku Raja Muhammad, dan yang keduanya Encik Puan Dalam. Anaknya Tun Mutahir itu bergelar Temenggung. Maka ia beranak dua orang, yang satu Encik Abdul Rahman, dan yang seorangitu perempuan, bonda Tuan Encik Lah yang di Pasir Naring itu. Maka beranak ia akan Encik Had dan Encik Yani, yang bergelar Kesukma Bongsu; dan Zainal Abidin Yang Dipertuan, *zaujahnya*²⁹ To' Puan, anak Dato' Terengganu. Maka hilanglah³⁰ Zainal Abidin itu, maka bersuami pula To' Puan akan Encik Bani, iaitu bergelar Engku Siwa Raja.

Inilah anak-anak Abdul Jamal Bendahara: Encik Hussin, bergelar Bendahara Raja Indera Bongsu, ia beranak tiga orang, iaitu Encik Abdul Majid; dan Encik Al-Mujamal; dan Encik Kuris, yang bergelar Engku Bongsu Terengganu, dan *zaujahnya* Tengku Tengah binti Abdul Jalil, iaitu janda Daeng Perani.

Encik Abdul Majid itu empat orang anaknya: Pertama, Encik Koris, dan Talib pun namanya; dan Encik Engku Teh; dan Encik Engku Mandak; dan yang keempatnya Encik Engku Nik.

Maka ini anak Encik Al-Mujamal itu, tiga orang. Pertama, Encik Abdullah; dan Encik Muhammad; bergelar Engku Muda Bulan yang beristerikan Tengku Lebir binti Almarhum Besar; dan Encik

²⁹Isteri

³⁰Meninggal dunia

Abdul Hamid yang bergelar Engku Daeng Kecil.

Maka anak Encik Koris Talib, iaitu Encik Ali, menjadi Bendahara di Pahang. Maka adalah anak-anak Encik Ali Bendahara Pahang itu, dua tiga belas orang semuanya. Pertama, Encik Wan Long, isteri Engku Syed; dan Encik Tahir Bendahara Muda; dan Encik Yong, menjadi Engku Panglima Besar; dan Encik Wan Ahmad, menjadi Tuanku Pahang; dan Encik Wan Tah; dan Encik Wan Hassan; dan Encik Wan Sunik; dan Encik Wan Fatimah; dan Encik Wan Aisyah; dan Encik Wan Mansur; dan Encik Wan Mandak, – *intaha*.

Ini anak Encik Abdul Hamid. Pertama, Engku Temenggung Abdul Rahman, anaknya Engku Daeng, namanya Aisyah, jadi isteri Tengku Besar Selat amanda Engku Syed Ibrahim Temenggung. Maka anak-anak Tengku Besar itu, iaitu Tengku Mahmud; dan Tengku Ampuan; dan Tengku Sulaiman, – *intaha*.

Ini anak Temenggung Ibrahim, tujuh orang semuanya. Pertama, Encik Wan Abu Bakar, yang menjadi Tuanku Johor Bahru; dan Encik Wan Abdul Rahman; dan Encik Wan Abdullah; dan Encik Wan Majid. Kemudian yang perempuan-perempuan.

Ini jumlah anak-anak Bendahara Muda Tun Tahir. Pertama, Encik Kuris; dan Encik Wan Ngah; dan Encik Wan Nik; dan Encik Wan Cik; dan Encik Wan Uda; dan Encik Wan Abdullah; dan Encik Wan Muhammad; dan Encik Wan Abu Bakar, adanya.

Ini jumlah anak-anak Maharaja Indera Bongsu Terengganu, sepuluh orang anaknya. Pertama, Encik Puan Besar, nama tubuhnya Zainab; Encik Wan Mah, *zaujah*, Encik Wan Embung, benihnya Encik Wan Daud; dan Tuan Encik Musa, anaknya Encik Engku Jamilah, dan Tuan Encik Had, dan Tuan Encik Wan Mahmud; dan Tuan Encik Bongsu itu, benihnya Encik Wan Ngah, dan Encik Wan Kassim, dan Encik Wan Muda; Engku Encik Hassan, benihnya Encik Wan Long Seberang, benihnya Encik Wan Muda, dan Encik Wan Tah; dan Tuan Encik Din, anaknya Encik Wan Tok dan Encik Wan Besar, yang menjadi isteri Encik Wan Long Seberang; dan Encik Wan Lir; dan Encik Wan Tuk Kadi; dan Encik Wan Sulaiman; dan Encik Wan Salimah; dan Encik Wan Hitam; dan Encik Wan Muda, benihnya Tengku Sarniah, anak Marhum Mata Merah; dan Tengku Besar Idris; dan Tengku Andak; dan Tengku Mandak itu anak Tengku Ibrahim. Maka adalah Tuan Encik Lah itu saudara Tuan Encik Had.

Maka inilah jumlah anak-anak Abdul Jalil itu, iaitu Engku Tenang Wangsa; dan Tengku Bah; dan Tengku Mandak; dan Tengku Bongsu, – *intaha*.

Inilah jumlah anak Sulaiman Sultan. Maka tatkala ia bergundik akan Wan Mik, anak Dato' Laksamana itu, maka ia beranakkan Tengku Lebar, dan akan Tengku Itam, dan akan Tengku Salamah, dan akan Tengku Abdu yang dikata orang Engku Dungun.

Ini anak Sultan Sulaiman, lima belas orang anaknya: Tengku Ibrahim; Tengku Bulan, iaitu isteri Marhum Mansur Syah; Tengku Teh; Tengku Abdul Jalil Sultan; Tengku Besar Tua; Tengku Lebar *zaujah* Tuan Ali; Tengku Osman; Tengku Aruf Pulai; Tengku Ismail Kijal; Tengku Syed; Tengku Jemaah; Tengku Ya'akub, benihnya Tengku Maimunah, dan Tengku Ismail Kampung Payung, dan Tengku Katijah, dan Tengku Hitam, dan Tengku Salamah, dan Tengku Umi Syarifah, dan Tengku Zainal, dan Tengku Hitam; Tengku Kecil Singkat; Tengku Teh (laki-laki); Tengku Bongsu Asaad Ahmad; Tengku Syamsuddin; Tengku Besar Seberang; Tengku Wok, bunda Tengku Musa Dungun. Maka ia ini *zaujah* Tuan Besar, mentua Dato' Darat binti Syed Jaafar, sepupu Dato' Darat di Makam, - *intaha*.

Ini jumlah Abdul Jalil, cetera dari Sultan Abdullah, ia jadi raja tiada sampai sebulan maka ia pun mangkat. Maka Sultan Mahmudlah jadi Sultan.

Ini anak Tengku Besar Tua itu, enam orang semuanya, iaitu Tengku Mandak; dan Tengku Besar Padang; dan Tengku Andak; dan Tengku Sarniah; dan Tengku Tah; dan Tengku Cu. Anak Sultan Mahmud dengan Tengku Teh binti Marhum Sulaiman, raja Bugis itu, dua orang; Sultan Hussin itu kupiknya Encik Bogok; dan Sultan Abdul Rahman, adanya.

Ini anak Tengku Besar Padang itu, sembilan orang semuanya: Tengku Maha Tengku Bongsu; dan Tengku Yah; dan Tengku Nik; dan Tengku Itam, emaknya Tengku Salamah; dan Tengku Cit; dan Tengku Mok; dan Tengku Nit; dan Tengku Teh, - *intaha*.

Ini jumlah Sultan Hussain, maka anaknya empat orang; Tengku Besar Selat, dan Tengku Abdul Jalil, dan Tengku Muhammad Ali, dan Tengku Jaafar, - *intaha*.

Ini jumlah Sultan Muhammad, maka anaknya tujuh orang: Pertama Sultan Sulaiman; dan Tengku Wok; dan Tengku Ngah, isteri anak Raja Jaafar; dan Tengku Cit, isteri Bendahara Tahir di Pahang; dan Tengku Andak isteri Temenggung; dan Tengku Hitam. Maka anak Tengku Nik, iaitu Tengku Mok; dan Tengku Muda. Maka *zaujah* Tengku Muda seorang anaknya, iaitu Tengku Itam. Tengku Itam itu tiga orang anaknya, iaitu Tengku Syarifah; dan Tengku Mandak; dan Tengku Muda. Maka adalah Tengku Besar Selat itu tiga orang anaknya,

tu Tengku Sulaiman; dan Tengku Mahmud; dan Tengku Ampuan.

Ini jumlah anak Sultan Muhammad itu, sembilan orang: pertama Sultan Mahmud Muzaffar Syah; dan Tengku Kalthum, jadi isteri Sultan Mahmud Terengganu; dan Tengku Embung; dan Tengku Ibrahim; dan Tengku Andak; dan Tengku Hamidah; dan Tengku Salma; dan Tengku Mukiah; dan Tengku Syed, menantu Tengku Jaafar, – *intaha*.

Ini jumlah anak Raja Zainal Abidin itu, sembilan orang: pertama Sultan Raja Siti; maka daripada inilah turun sebelah Raja Emas, isteri Tengku Sulaiman anak Tengku Gelugur; dan Engku Tenang Wangsa; ia ialah pada tatkala mengiring Marhum Besar pergi ke Johor, maka ia isteri akan Raja Andak orang Sukardana, maka dapat anak akan Tuan Lamah, yang jadi isteri Tuan Usop. Maka ia beranak akan Encik Engku Long; dan Encik Engku Ngah; dan Encik Engku Muda, adanya. Maka tatkala mati Engku Tenang Wangsa itu, maka bersuami pula Raja Andak itu akan Engku Tuan Ali, maka tiada beranak.

Maka inilah jumlah Engku Encik Wan, ia inilah dikata orang Bendahara Kampung dan Encik Wan Kampung. Itulah anaknya Tuan Abu Syed.

Inilah jumlah Sultan Mansur – Engku Tuan Ali; dan Tuan Aiminah, yang kata setengah namanya Tuan Halimah; dan Tuan Encik Siti, *zaujah* sebelah Syed Yassin yang ada kuburnya di Bukit Isteri; dan Dato' Bendahara Tiha Syed Jaafar; dan Syed Akil. Maka anak Engku Puan, anak Engku Tenang Wangsa itu, sepuluh orang – pertama, Tuk Temenggung; dan Engku Muda; dan Tuan Sulaiman; dan Encik Andak, isteri Tuan Usuf; dan Jamal Maris; dan Encik Rabu; dan Encik Bigal; dan Encik Puan Balai Dua, isteri Raja Muda Kelantan; dan Tuan Encik Kampung; dan Tuan Muhammad.

Ini anak kepada Tuan Abu Syed empat orang – Tuan Sahak; Tuan Embang, iaitu isteri kepada Tuan Sulung; dan Encik Puan Padang. Anak Sultan Mansur itu iaitu selikor – pertama Tengku Sulung; dan Engku Yong, iaitu Tengku Siti; dan Tengku Lah; dan Tengku Hitam; dan Tengku Sulaiman; dan Tengku Sa'diah; dan Marhum Masjid; dan Marhum Kelantan; dan Tengku Ibrahim; dan Tengku Ahmad; dan Engku Mahmud; dan Tengku Sahak, anaknya Tengku Embong; dan Engku Muda. Maka Tengku Kadir itu, anaknya – Pertama Tengku Sulung; dan Tengku Andak; dan Tengku Cit; dan Tengku Hitam; dan Engku Muda; – *intaha*.

Inilah* Tengku Putih; dan Tengku Salamah; dan Tengku Rahman; dan Tengku Lebar Tua; dan Tengku Osman; dan Tengku Bas; dan Tengku Bongsu, *zaujah* Tengku Besar Padang; Tengku

Bikah. Anak Tengku Lah itu tujuh belas orang – Pertama, Tengku Salkah; dan Tengku Hawa; dan Tengku Sulaiman; dan Tengku Hussin; dan Tengku Muhammad; dan Tengku Fatimah, dan Tengku Ibrahim; dan Tengku Putih; dan Tengku Hitam; dan Tengku Asiah; dan Tengku Salamah; dan Tengku Saliah; dan Tengku Ismail. Maka adalah anak Tengku Hitam itu, empat orang – Tengku Embong; dan Tengku Su; dan Tengku Teh; dan Tengku Musa.

Maka adalah anak Marhum Masjid itu, dua belas orang – Pertama, Sultan Ahmad; dan Sultan Abdul Rahman; dan Tengku Besar; dan Tengku Ismail; dan Tengku Saniah; dan Tengku Teh; dan Tengku Cit Bongsu; dan Tengku Yusuf; dan Tengku Lijah; dan Tengku Cit; dan Tengku Durahim, – *intaha*.

Ini jumlah anak Marhum Kelantan, enam orang semuanya. Pertama, Tengku Sulung; dan Tengku Limah; dan Tengku Salim; dan Tengku Ahmad; dan Tengku Zainal; dan Tengku Mansor. Ini jumlah anak Tengku Ibrahim, empat orang – Pertama, Tengku Idris; dan Tengku Andak; dan Tengku Mandak; dan Tengku Su, – *intaha*.

Ini jumlah anak Tengku Ahmad, sembilan orang – Pertama, Tengku Sahak; dan Tengku Safiah; dan Tengku Hamid; dan Tengku Ismail; dan Tengku Long; dan Tengku Wok; dan Tengku Andak; dan Tengku Panglima Besar; dan Tengku Ngah, *intaha*. Ini jumlah anak Tengku Durahman, tiga orang – Tengku Long; dan Tengku Ngah; dan Tengku Muda.

Ini jumlah anak Tengku Abas, tiga orang – Tengku Dalam; dan Tengku Cit; dan Tengku Wok. Ini jumlah anak Tuan Ali, tujuh orang – Encik Engku Long; dan Tuan Usup; dan Engku Tuan Muhammad; dan Tuan Jalika; dan Encik Engku Ahmad; dan Encik Engku Umar; dan Encik Engku Bi'ah, isteri Tengku Ibrahim; dan Encik Puan Muda jadi bonda Raja Yasak. Maka adalah anak Engku Tuan Usup itu sebelas orang – Encik Engku Ngah; dan Encik Engku Muda; dan Encik Engku Salleh; dan Tuan Karang; dan Tuan Talib; dan Tuan Rejab; dan Tuan Zainal; dan Tuan Muda; dan Tuan Hassan; dan Encik Engku Cit. Adapun anak-anak Tuan Muhammad itu tiga orang – Tuan Wok; dan Tuan Hamidah; dan Tuan Jabar. Adalah jumlah anak Encik Engku Ahmad itu, enam orang – Encik Engku Cit; dan Encik Engku Long; dan Encik Engku Mok; dan Encik Engku Ali. Inilah anak Encik Engku Umar, tiga orang – Encik Engku Ali, dan Encik Engku Merak, dan Encik Engku Ngah.

Maka adalah anak-anak Encik Engku Long itu, enam orang – Encik Engku Cah; dan Encik Engku Mah; dan Encik Engku Safiah; dan

Encik Engku Teh; dan Encik Engku Cit. Maka adalah anak-anak Encik Engku Ngah itu – Encik Engku Bedulah; dan Encik Engku Mandak; dan Encik Engku Lebir; dan Encik Engku Buruk; dan Encik Engku Som. Maka adalah anak Encik Engku Muda itu, empat orang – Encik Engku Jah; dan Encik Engku Kassim; dan Encik Engku Mah; dan Encik Engku Muda. Maka adalah anak Encik Engku Muda itu, empat orang – Encik Engku Jah; dan Encik Engku Kassim; dan Encik Engku Mah; dan Encik Engku Muda. Maka adalah anak Tengku Musa Dungun itu, enam orang – Pertama, Tengku Wok; dan Tengku Ngah; dan Tengku Mandak; dan Tengku Teh; dan Tengku Umar; dan Tengku Kalsum, – *intaha*.

Ini jumlah anak Sultan Ahmad, yakni 'Marhum Parit', kata orang Melayu. Maka pertama, Sultan Daud; dan Tengku Lebar; dan Sultan Umar; dan Sultan Muda, Mahmud nama tubuhnya; dan Tengku Cit, – *intaha*.

Ini jumlah anak Sultan Abdul Rahman, iaitu tiga orang – Pertama, Tengku Salamah; dan Tengku Halimah; dan Yang Dipertuan Muda, Abdullah nama tubuhnya, – *intaha*.

Ini jumlah anak Tengku Ismail Masjid – Pertama, Tengku Andak; dan Tengku Talib; dan Tengku Nik; dan Tengku Muda; dan Tengku Amat; dan Tengku Ali, – *intaha*.

Ini jumlah anak Tengku Yusuf – Pertama, Tengku Long; dan Tengku Mok; dan Tengku Muda; dan Tengku Su, – *intaha*.

Ini jumlah anak Sultan Mansur – Pertama, Sultan Muhammad; dan Tengku Ngah; dan Tengku Nik; dan Tengku Musa; dan Tengku Mok Maimunah; dan Tengku Mariam; dan Tengku Nik, – *intaha*.

Ini jumlah yang di negeri Patani itu, iaitu pertamanya To' Raja Mentera dua laki isteri. Maka inilah anak-anaknya – Pertama, To' Raja Kilat; dan To' Bandar Kadim. Di atas kata setengah-setengah yang keterangan ini daif, dengan sebab terlalu lama masanya.

Adapun Tengku Mariam itu, ibu kepada Wan Muhammad, dan gelarnya itu di dalam lingkungan kadam Dato' dan isterinya itu juga. Maka kata setengah orang saudara Zainal Abidin menjadi isteri Dato' itu juga. Maka adalah anak-anak To' Kilat itu bernama Wan Emas Gemala; dan Wan Siwok. Itulah yang jadi To' Kaya Padang, gelarannya Orang Kaya Indera Wangsa. Anak Wan Siwok itu, iaitu Wan Ismail, dan To' Wan Matan. Maka neneknya yang perempuan bagi Raja Musim, dan Sultan Sulaiman dan Wan Mariam di Pulau Sekati.

Maka adalah anak Wan Ismail itu – Wan Senik; ia itulah Wan Ngah; dan Wan Muhammad; dan Wan Musa; dan Wan Ali. Maka adalah anak-anak Wan Senik itu – Wan Bedulah; dan Wan Derahman;

dan Wan Su; dan Wan Fatimah. Maka adalah anak-anak Wan Muhammad itu, Wan Mahmud; dan Wan Karim; dan Wan Ayudaya Wan Mik; dan Wan Odah; dan Wan Su; dan Wan Senik; dan Wan Muda; dan Wan Cit; dan Wan Halimah; dan Wan Daud.

Maka adalah anak-anak Wan Musa itu – Wan Putih; dan Wan Lebar; dan Wan Mik; dan Wan Buruk; dan Wan Aisyah; dan Wan Hitam; dan Wan Awang; dan Orang Kaya Lela Indera. Maka adalah anak-anak Wan Ali itu, iaitu Wan Hitam; dan Wan Abas; dan Wan Saru; dan Wan Arif; dan Wan Fatimah; dan Wan Odah; dan Wan Senik. Maka adalah anak-anak To' Bandar Kadim itu – To' Siam; dan Encik Yaakub; dan Wan Mariam ibu Wan Muhammad itu, empat beradik. Maka Encik Fatimah itu *zaujah* pada Encik Unus.

Maka adalah anak Encik Yaakub itu, iaitu Kahasma, maka adalah anaknya To' Puan Raja Emas, adinda To' Kaya Padang. Maka adalah anak-anak To' Puan Raja Emas itu Wan Sulaiman, ialah dikata orang To' Bukit, dan Wan Nasiah. Maka adalah anak-anak Wan Sulaiman itu, Wan Musa; dan anak Wan Musa itu Wan Sulung; dan Wan Jenang; dan Wan Koris. Maka anak Wan Sulung itu, Wan Kinduk. Maka anak Wan Kinduk itu – Wan Abdullah Kadi; dan To' Kaya Wan Din; dan Wan Salamah; dan Wan Sulaiman.

Maka adalah anak-anak Wan Jenang itu – Wan Bedulah; dan Wan Ngah; dan Wan Itam; dan Wan Nasiah, ialah jadi isteri Dato' Darat, iaitu anak Syed Mustafa Tuan Besar. Maka adalah anak Syed Mustafa itu, Syed Syeikh; dan Tuan Ngah; dan Tuan Muda. Maka adalah anak-anak Syed Syeikh itu, Tuan Nik; dan Tuan Wok; dan Tuan Kecil; dan Tuan Muda; dan Tuan Andak; dan Tuan Pandak; dan Tuan Hitam; dan Tuan Teh. Maka adalah anak Tuan Wok itu, Tuan Ngah; dan Tuan Andak *zaujah* Tuan Long, – *intaha*.

Ke Johor Memohon Tanah

Ini fasal meriwayatkan satu cetera: Maka adalah Tun Sulaiman bertiga beradik lelakinya, disuruh oleh bapanya pergi ke Johor menghadap Dato' Padang Saujana, memohonkan tanah Pantai Layang, iaitu tanah Balik bukit dan Pulau Puya, iaitu Pulau Duyung; serta membawa persembahan emas dua tangan baju. Maka dikurniakanlah seperti yang dipermohonkan itu, serta dikurniakan nama (jawatan) pada tiap-tiap seorang antara ketiga beradik itu. Tun Buana jadi Bendahara di Hulu Sungai; Tun Sulaiman dijadikan Sultan di Pantai Layang, dan Tun Ismail jadi Menteri di Tersat. Maka Sultan Sulaiman itulah dapat

ak akan segala yang tersebut dahulu.

Pada suatu riwayat pula mengatakan, Dato' yang menyuruhkan To' Dawi, dan To' Cadang, dan To' Ilir pergi mengadap ke Johor, serta membawa emas dua tangan baju dan intan dua cembul perak. Maka kurniakanlah yang dimohonkan itu. Mana yang sah atas dua cetera, wallahu a'lam.

Pada suatu riwayat, Sultan Sulaiman inilah dikata orang "Raja Patani", sebab sangatlah pantas dan segeranya pergi datang ke Johor itu, maka dibangsakan seperti kilat. Tatkala berangkat ke Patani, maka ia beristerikan saudara Dato' di sana, namanya Wan Emas Gemala, iaitu anak cucu To' Raja Maha Menteri di Patani itu. Kemudian, maka kawanya isterinya itu ke Terengganu. Maka tatkala dapat anak akan Sultan Siwok itu, gelarannya Orang Kaya Indera Wangsa, dikata orang "Orang Kaya Padang". Maka datang Dato' itu ke Terengganu, katanya, "hendak melihat anak saudaranya"; tiba-tiba maka ia beristerikan saudara Zainal Abidin. Maka beranakkan Raja Emas Indera Padang. Maka jadilah keturunan seperti yang tersebut itu. Maka kata suatu riwayat pula, Zainal Abidin itu beristerikan anak Dato', bergelar To' Sultan, jadi bonda "Marhum Besar"; maka itulah keturunannya seperti yang tersebut dahulu.

Sultan Kota Tauhid

Ini suatu fasal meriwayatkan cetera mengenai Sultan Kota Tauhid. Maka inilah riwayatnya seperti yang disebutkan dalam salasilah Engku Sultan Usuf, daripada keturunan raja-raja Timur dengan Terengganu. Maka tiadalah pula disebutkan namanya sultan itu, hanya disandarkan pada Kota Tauhid juga, iaitu nama tempat di Johor itu.

Adapun cetera daripada Tuan Sulaiman, Engku Tenang Wangsa beberapa kali pergi ke sana pada masa lagi dia baik akalnya. Maka jadilah Sultan Sulaiman yang mangkat di Singgora itu, pada tatkala ia ditaklukkan oleh orang Acheh, maka tertawanlah seorang anaknya, namanya Muhammad atau Ahmad. Maka sultan itu pun undurlah ia ke Patani, serta mencari ikhtiar hendak mengambil anaknya itu. Maka pada masa itu yang berkuasa ialah raja Ligor. Maka tiadalah suatu yang dapat jadi "buah tangannya". Maka menggadailah ia akan perkakas rajaannya pada raja Patani. Maka belayarliah ia ke Ligor, maka tinggal ia di Singgora, dengan tiba-tiba datang gering, lalu mangkat. Maka dimakamkan oranglah di Singgora. Maka jadilah pada masa itu Johor tiada beraja, yakni hadap-hadapan.

Selang antara beberapa lamanya, maka berkehendaklah raja Aceh akan berbuat kebajikan dan meninggalkan namanya yang baik; maka dirajakannyalah anak sultan yang tertawan di Johor itu. Maka beberapa lamanya menjadi raja itu, maka beranaklah ia akan Bendahara Abdul Majid dan Abdul Rahman. Hingga sejauh itulah sahaja peredaran mata-mata Muhammad bin mata-mata Musa daripada cerita Tuan Sulaiman juga; tetapi tiadalah pula ia menyebutkan nama tempatnya. Begitu pun, tempatnya Kota Tauhid itulah jua jadi muafakat seperti salasilah itu, boleh jadi bahawa mafhum Sultan Kota Tauhid itu anak Sultan Sulaiman itu.

Dato' Padang Saujana

Adapun dari perkataan Encik Lebar - anak Sulaiman, yang didengarnya daripada "Salasilah keturunan raja-raja", adalah pecahannya daripada Dato' Padang Saujana Johor; tetapi tiada pula menyatakan namanya, hanya nama tempatnya jua. Maka Dato' Padang Saujana itu, ia beranak tujuh orang. Pertama-tama Sultan Kota Tauhid, dan kedua Tun Abdul Majid, dan ketiga Tun Zain Indera. Keterangan atas empat orang lagi anaknya itu adalah daif; maka di atas ini, Sultan Sulaiman itulah Dato' Padang Saujana pada masa itu. Kata setengah orang pula, adalah Sultan Sulaiman yang mangkat di Singgora itulah ayah Sultan Mahmud yang mangkat di atas julang, dan Dato' Padang saujana itu saudara laki-lakinya, jadi Bendahara hingga sampai kepada masa Sultan Mahmud itu.

Maka pada tatkala hilang Sultan itu, maka muafakatlah segala menteri pada menyukakan jadi raja akan Bendahara itu. Maka diangkatlah ia menjadi raja, maka olehnya dirajakanlah akan anaknya, iaitu namanya Sultan Abdul Jalil. Maka ialah salah seorang daripada anaknya yang bertujuh itu. Maka seperti terisan (ترينسن) yang sama-sama Abdul Jalil, maka inilah perkataan Kadi Abdullah ibni Kinduk. Maka atas katanya itu, Bendahara Abdul Majid itulah yang dikatakan orang Dato' Padang Saujana. Maka dapat juga tanggungan Dato' Padang Saujana itu pada masa kemudian ini, tetapi yang terhampir kepada perkataan al Kadi Abdullah ialah seperti yang dimaksudkan pada terisan itu jua. Dan lagi, patutlah menjadi tujuh keturunan pada pihak raja-raja Terengganu itu, hingga sampai kepada Sultan Umar ibni al Marhum Ahmad itu jadi sembilan keturunan. Bagi pihak raja-raja di Timur itu pula, hingga sampai kepada Sultan Mahmud Muzaffar Syah ibni Muhammad itu, sembilan keturunan, iaitu dari

mak Sultan Sulaiman di Bukit Makam Terengganu itu, sampai kepada
it Syed Mustafa pada pihak ibunya, intaha al kalam.

Alkisah, maka tersebutlah pula perkataan, ada seorang raja pada
man dahulu kala, terlalulah besar kerajaannya bernama Sultan Kota
uhid, dan negerinya bernama Johor. Maka adalah Sultan itu terlalu
gat adilnya, serta dengan bijaksananya. Maka telah masyurlah
rtanya pada segala negeri di atas angin dan di bawah angin. Maka
gala dagang senteri pun banyaklah datang berniaga dan berjual-beli
ngan sukacitanya. Maka adalah baginda itu ada berputera dua orang;
orang bernama Tengku Abdul Rahman, seorang lagi bernama Tengku
dul Jamal. Maka terlalulah sangat kasih sayang baginda akan
akandanya itu, seperti menatang minyak yang penuh lakunya. Maka
adalah bercerai dengan kedua anakandanya itu siang dan malam.

Maka dengan takdir Allah subhanahu wa taala, Sultan Kota
uhid itu pun mangkatlah. Maka segala isi negeri pun sangatlah susah
i, seperti akan kiamatlah lakunya. Maka segala menteri hulubalang
n huru haralah. Kemudian, segala menteri pun muafakatlah, hendak
rajakan Tengku Abdul Rahman, dan Tengku Abdul Jamal dijadikan
ndahara di Padang Saujana. Telah beberapa lamanya Tengku Abdul
hman menjadi raja, maka dapatlah putera seorang laki-laki. Maka
namai Tengku Mahmud atau Umar. Maka terlalulah hebat lakunya
ak raja ini, yakni memberi takut dan ngeri sekalian orang akan
ang.

Sultan Mahmud Mangkat Dijulang

Setelah beberapa lamanya, Sultan pun mangkatlah. Maka
ngku Mahmudlah dijadikan raja menggantikan ayahandanya. Maka
a seorang hulubalang bernama Megat Seri Rama. Maka disuruh ia
gi melanggar ke negeri Aceh, lalu ia pun pergilah. Pada tatkala itu,
eri Megat Seri Rama itu bunting, dan mengidam hendak makan buah
ngka. Maka disuruhnyalah orang mencari. Beberapa lamanya dicari
ng tiada juga didapati.

Dengan takdir Allah taala, maka ada seorang darat lalu, dengan
mbawa sebutir buah nangka, hendak dipersembhkannya kepada
ltan Mahmud. Maka berjalanlah ia di susur kampung Megat Seri
ma itu, lalu dipanggil oleh bini Megat Seri Rama hendak minta beli
ah nangka itu. Maka tiadalah diberi oleh orang darat itu, kerana ia
ndak bawa persembahkan kepada Sultan Mahmud. Maka oleh bini

Megat Seri Rama, sangat-sangatlah diminatnya dengan kata-kata yang lemah lembut.

Maka berkata bini Megat Seri Rama, "Jikalau tiada dijual semuanya, hendak minta seulas sahaja pun jadilah!" Maka orang darat itu pun setuju, lalu dikorek bini Megat Seri Rama itu seulas angka itu serta dimakannya. Maka angka itu pun dipersembahkan oleh orang darat itu kepada raja. Maka dilihat oleh Sultan Mahmud buah angka itu berlubang, lalu ditanyanya, "Apa sebab buah angka itu berlubang?" Maka sembah orang darat itu, "Bini Megat Seri Rama minta kepada patik, dari kerana ia mengidam; maka petik pun berilah".

Demi didengar oleh raja sembah orang darat itu, maka raja pun datanglah murkanya yang amat sangat. Maka disuruh panggil akan bini Megat Seri Rama itu. Maka ia pun pergilah menghadap, lalu disuruh raja belah perut bini To' Megat itu. Maka ia pun matilah.

Maka khabar bini To' Megat mati itu pun masyhurlah berkhabarannya, dan sampailah kepada Megat Seri Rama. Maka tatkala terdengarlah kepada Dato' Megat, maka ia pun baliklah, pulang ke negeri Johor. Tatkala sampai ia ke negeri, maka terlalulah dukacitanya. Hendak pun mengadu tiada terhemat, kerana raja yang melakukannya.

Maka adalah pada suatu hari, raja hendak pergi ke telaga, lalulah berjulang. Tatkala itu dilihat oleh Megat Seri Rama. Maka berlarilah ia, lalu ditikamnya raja dengan tombak. Maka dibalas oleh raja, dilempar dengan kerisnya, kena pada kaki Megat Seri Rama, luka sedikit. Maka raja pun berkata, "Jikalau Dato' Megat itu mati, minta ditanamkan di bawah kaki aku". Maka raja pun matilah di atas ulangan. Ampun-ampun, lalu dimakamkanlah dengan sempurnanya.

Kemudian daripada itu, maka segala menteri pun datanglah menghadap Dato' Bendahara, serta berdatang sembah, "Baiklah ke bawah kau Tengku sendiri pula menjadi raja". Maka berkatalah Dato' Bendahara, "Aku tiada suka hendak menjadi raja". Maka sembah segala menteri, "Apalah halnya negeri tiada beraja ini!" Maka bersabda Dato' Bendahara, "Jikalau engkau sekalian hendak jadikan raja, pilihlah anak-anakku yang bertujuh orang itu - pertama Abdul Jamal; kedua, Abdul Jalil; ketiga, Mahmud; keempat Mukamil; kelima Zainal Abidin; dan anak dengan gundikku, Engku Encik Bani, dan Engku Siwa Raja". Maka adalah yang diperkenankan oleh segala menteri itu, pertama Tengku Abdul Jalil dengan Tengku Zainal Abidin. Maka dirajakanlah keduanya itu di Johor, Tengku Abdul Jalil jadi Yang Dipertuan Besar, dan Tengku Zainal Abidin jadi Yang Dipertuan Muda, adanya.

Raja Kecil

Syahadan, maka tersebutlah perkataan ada seorang perempuan; yang di dalam Johor, pergi ke Minangkabau; dibawanya bersertanya seorang anak yang baharu umurnya lima tahun. Maka dilihat oleh segala menteri Minangkabau akan budak laki-laki itu, terlalulah berkenan mereka, kerana seperti kelakuan anak-anak raja. Maka ditanya mereka pada perempuan itu, "Anak siapa ini?" Maka jawab perempuan itu, "Budak ini anak Marhum Mangkat di Julanglah, kerana saya pakainya". Maka segala menteri Minangkabau itu pun sangatlah kacita. Disuruh mereka pelihara budak itu dengan sepertinya.

Beberapa lamanya kemudian, maka budak itu pun besarlah. Maka oleh menteri-menteri Minangkabau hendak dirajakan dia, lalu dibawa serta disandarkan pada tiang balai. Maka adapun tiang balai itu kayu matang, barang siapa dapat bersandar padanya, tiada gatal, maka lehlah ia menjadi raja. Maka budak itu tiada gatal, lalu dijadikanlah raja, serta digelar akan dia Raja Kecil. Maka Raja Kecil pun disuruh oleh raja Minangkabau mencari kuasa, turun pergi ke Bukit Batu, maka patlah kuasa. Maka dilanggarnyalah Sultan Abdul Jalil dengan Sultan Muda Zainal Abidin. Maka alahlah Sultan Abdul Jalil dengan Sultan Muda Zainal Abidin, lalu lari ke dalam hutan. Maka diikuti oleh orang Minangkabau, tiada juga dapat. Maka orang Minangkabau pun diklah. Maka Abdul Jalil dengan Zainal Abidin lalu larilah ke dalam Terengganu; duduklah keduanya di dalam Terengganu itu.

Ada setahun lamanya kemudian, maka Sultan Abdul Jalil pun hendak balik pula ke Johor. Maka ditinggalkannyalah Sultan Muda Zainal Abidin itu di Terengganu. Maka Sultan Abdul Jalil pun layarlah ke Pahang. Maka didengar oleh Raja Kecil, lalu disuruhnya njar pula Pahang, maka Pahang pun alah. Sultan Abdul Jalil pun bunuh oleh Minangkabau, lalu dimakamkan di kuala; itulah makamnya yang ada pada masa sekarang ini. Maka segala anak isteri Sultan Abdul Jalil itu pun habislah diambil oleh Raja Kecil. Maka ada budak perempuan Sultan Abdul Jalil itu bernama Tengku' Bongsu, diambil oleh Raja Kecil dibuat isteri, maka beranak akan Yang bertuan Siak.

Beberapa lama kemudian, maka Raja Kecil pun kembali ke Matullah taala. Maka segala anak isteri Sultan Abdul Jalil pun balik ke Johor, dibawa oleh segala menterinya. Maka ada seorang puteranya laki-laki bernama Tengku Sulaiman. Maka dirajakanlah pula ia di Johor, digelar Sultan Sulaiman. (Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah

gelar oleh Bugis - di dalam "Sejarah Riau").

Sultan Zainal Abidin

Kemudian dari itu, maka tersebutlah suatu perkataan fasal Sultan Zainal Abidin. Pada tatkala ia menjadi raja di dalam negeri Terengganu itu, maka terlalulah baik budi pekertinya, dan segala orang Kelantan dan orang Patani pun banyakkah datang menghadap, serta memperhambakan diri kepada baginda itu. Maka kemudian baginda beristerikan akan To' man, anak Dato' di Bukit Tumbuh itu. Maka tiada berapa lamanya, lalu berputeralah akan Sultan Mansur. Maka baharu umur "Tuan Dalam" itu tujuh tahun, maka Sultan Zainal Abidin pun mangkatlah, kembali ke Mahatullah taala, innalillah wa inna ilaihi raji'un. Maka Sultan Mansur pun dirajakanlah oleh sekalian saudara-saudaranya pertama Engku Tenang Wangsa, kedua Abu Said, dan Tuan Ali, dan Dato' Bendahara Bukit Puteri. Adalah kira-kira dua tahun jadi raja, maka duduklah ia kepada segala saudara-saudaranya, di pangku tujuh-tujuh hari akan orang saudaranya itu.

Maka adalah beberapa lamanya, maka Sultan Mansur pun berangkat pula ke Johor, mendapatkan Sultan Sulaiman. Maka raja Johor pun sangatlah kasih akan raja Terengganu itu, lalu disuruhnya melanggar Pulau Siantan, dan melanggar Raja Haji; itu pun alah juga. Kemudian lalu diberi isteri akan puterinya, Tengku Tengah. Tiada berapa lama kemudian, lalu disuruh balik ke Terengganu, -*intaha* adanya.

Inilah suatu fasal pula pada menyatakan Raja Zainal Abidin beranakkan Tuan Raja Sanat, dan Engku Tenang Wangsa, dan Engku Encik Wan, dan Tuan Abu Said Sungai Buaya; maka sekarang ini akan Sultan Mansur, dan Tuan Ali balik bukit, dan Tuan Encik Maimunah, dan Tuan Encik Isnani.

Maka adalah anak-anak Engku Tenang Wangsa itu Tuan Sulaiman, dan Tuan Mahmud, dan Temenggung. Maka adalah anak-anak Sultan Mansur itu Sultan Zainal Abidin, Tengku Ibrahim, dan Tengku Ahmad. Maka adalah anak-anak Sultan Zainal Abidin itu, Sultan Ahmad dan Sultan Abdul Rahman, adanya.

Ini suatu fasal daripada jumlah raja Timur itu, iaitu Sultan Abdul Jalil beristerikan Raja Embun, beranak seorang bernama Engku Encik Hussin, ayahanda moyang kepada Engku Encik Wan Long Seberang. Maka Encik Wan Long itu beranak dua orang, yang perempuan bernama Encik Wan Teh, dan yang laki-laki Encik Wan Muda.

Kemudian, maka adalah Sultan Abdul Jalil bergundikkan anak

Amajit orang Aceh, bernama To' Tengah. Maka beranak enam orang. Maka dari sebab itulah Sultan Abdul Jalil menjadi berhubung dengan segala raja yang di dalam Terengganu itu dan dengan jumlah raja-raja Timur itu pula. Maka adalah anak-anak Abdul Jalil itu, Engku Tenang Wangsa, dan yang perempuannya Engku Tengah namanya, dan Tengku Landak, dan Tengku Cit Bongsu, dan Sultan Sulaiman, dan Tengku Raja Abdu. Maka Tengku Tengah berlaki akan Daeng Perani namanya. Maka beranak seorang bernama Raja Maimunah. Kemudian mati Daeng Perani itu, maka Raja Maimunah itu berlaki pula akan Bendahara Hussin, beranak Encik Abdul Jamal. Saudara tua Encik Abdul Majid, dan Encik Abdul Jamal, dan Encik Koris itu perempuan, jadi bini Maharaja Indera Bongsu Terengganu. Maka adalah anak Temenggung Abdul Jamal itu tiga orang laki-laki - pertama, Encik Abdullah; kedua, Encik Muhammad, ketiga Encik Abdul Hamid. Maka Encik Muhammad adalah Engku Muda Bulan di Riau sekarang ini, - *intaha* adanya.

tarikh-tarikh Kemangkatan

Ini fasal Marhum Besar iaitu Sultan Mansur, kembali ke rahmatullah taala pada Hijrah 1208 tahun (T.M. 1793), kepada tahun "Jim", pada 14 haribulan Jamadilakhir, pada malam Jumaat waktu jam dua belas, sah.

Ini fasal Sultan Zainal Abidin kembali ke rahmatullah taala pada Hijrah 1223 tahun (T.M. 1808) pada tahun "Ha", pada tiga likur bulan Ramadhan, pada malam Ahad waktu jam pukul tiga, sah.

Ini fasal Sultan Ahmad kembali ke rahmatullah taala, kepada Hijrah 1246 tahun (T.M. 1830), kepada tahun "Alif", pada 17 haribulan Rejab, pada malam Ahad, waktu jam pukul tiga, sah.

Ini fasal Sultan Abdul Rahman kembali ke rahmatullah taala, pada Hijrah 1246 tahun (T.M. 1830) kepada tahun "Alif", pada 16 haribulan Syaaban, pada hari Isnin, waktu jam pukul satu, sah.

Ini fasal Sultan Muhammad, iaitu Marhum Kelantan, kembali ke rahmatullah taala kepada Hijrah 1227 tahun (T.M. 1812), kepada tahun "a", pada 16 haribulan Jamadilawal, pada malam Ahad, waktu pukul empat, sah.

Ini fasal Tengku Besar Pahang, kembali ke rahmatullah taala pada Hijrah 1230 tahun (1814) pada tahun "Alif", pada 30 haribulan Rejab, pada hari Sabtu, waktu pukul dua belas, sah.

Tengku Samad kembali ke rahmatullah taala kepada Hijrah 1230 tahun (T.M. 1814) kepada tahun "Alif", pada 5 haribulan Jamadilakhir,

pada hari Selasa, waktu jam pukul dua.

Engku Balik Bukit, iaitu Tuan Yusuf, kembali ke rahmatullah taala kepada Hijrah 1245 tahun (T.M. 1828), pada tahun "Dal Akhir", pada enam likur haribulan Jamadilakhir, pada hari Khamis, waktu jam pukul sebelas.

Ini fasal Sultan Mansur yang baharu itu, kembali ke rahmatullah taala kepada Hijrah 1252 tahun (T.M. 1836) pada tahun "Wau", pada 30 haribulan Zulkaedah, pada hari Arba'a, waktu jam pukul sepuluh, sah.

Ini fasal Marhum Bukit Cengkih, sampai ke Terengganu kepada Hijrah 1230 tahun (T.M. 1814), pada tahun "Dal Akhir", pada 13 haribulan Muharram, pada malam Khamis, waktu jam pukul tiga, - *intaha* adanya.

Pada Hijrah 1237 tahun (T.M. 1821), pada tahun "Alif" pada dua haribulan Rejab, hari Sabtu, waktu jam pukul sepuluh, pada waktu itulah Tengku Tik, isteri Marhum Bukit Cengkih, kembali ke rahmatullah taala.

Sanah 1251 tahun (T.M. 1835), kepada tahun "Ya", sebelas haribulan Safar, pada hari Jumaat waktu pagi, pada waktu itulah Marhum Bukit Cengkih berangkat pulang ke Lingga, *intaha alkalam*.

Ini suatu fasal pula, cerita daripada Tuan Sulaiman, anak Engku Tenang Wangsa juga. Maka adalah Dato' yang di Bukit Makam Seberang itu, pada tatkala Dato' itu mari dari Patani hendak mencari tempat duduk, maka lalulah ia sampai ke Terengganu. Maka masuklah ia ke dalam Sungai Ibai. Maka berkenanlah Dato' itu akan tempat itu. Maka ia pun berikhtiarlah dengan segala orang besar-besarnya; pertama, To' Ilir, dan To' Diwi, dan Dato' Candang. Maka Dato' itu pun menyuruh orang yang tiga itu pergi menghadap ke Johor, kepada Dato' Bendahara Padang Saujana, serta membawa persembahan emas dua lengan baju, dan intan suatu cembul perak, dan kain besar dua helai, sehelai bernama "Marak Terengganu", dan juga satu lagi bernama "Kekat Terang Sampa", dan kain caulnya³¹ itu dua helai, tetapi tiada bernama. Maka adalah di dalam peti tersimpan di negeri Lingga itu. Sampai ke masa ini kain itu tiada dimakan oleh binatang-binatang, daripada berkat orang tua-tua.

Maka dikurniakan oleh Dato' Padang Saujana itu. Maka Dato' pun menyuruh segala orang-orangnya menebang dari Ibai itu lalu ke Batu Seman; maka dari Batu Seman itu lalu ke darat dekat Kembur. Maka dari Kembur lalu turun pada Kuala Balar. Maka dari Kuala Balar lalu

³¹Sejenis kain halus dari sebuah bandar di pantai barat India

masuk ke dalam anak Sungai Lingar. Maka dari Lingar itu lalu ke
Pencah Rotan. Maka dari Pencah Rotan lalu ke Maras, di Kampung
Padang namanya, Maka sebelah ke hulunya itu, To' Raja Maha Menteri
Bemburlah yang empunya perintah. Kemudian sampai kepada masa To'
dan Raja Marhum Besar, maka persembahkan kepada Marhum Besar
itu, hanyalah tinggal di Teluk Pasu sampai kepada pantai laut,
kemikianlah peringatan yang sebelah anak cucu Dato' yang di Bukit
Tumbuh itu.

anak Raja Diculik

Kemudian, ini suatu fasal pula riwayat Dato' Paduka Raja yang di
Teluk Dato' Kuburnya. Maka adalah Paduka Raja itu nama tubuhnya
Wan Dul Jamal, dan anaknya bernama Wan Muhammad atau Wan
Ahmad, wallahu 'alam salah satu daripada dua nama itu. Maka adalah
Paduka Raja itu banyak sangat berbuat kebaktian kepada Sultan Abdul
Jalil dan kepada anak raja Zainal Abidin yang lagi kecil itu. Pada masa
itu, maka bertitahlah Sultan Abdul Jalil, "Maka adalah Wan Dul Jamal
itu, aku hendak jadikan Paduka Raja. Maka berdatang sembah Dato'
Bendahara, "Ampun tuanku, yang boleh bergelar nama Paduka Raja itu,
terhadap bangsa anak buah patik jua".

Maka bertitah pula Sultan, "Kita beri nama sahaja, apalah
namanya!" Maka Dato' Bendahara pun diamlah, lalu dikurniakan
namanya "Paduka Raja". Maka kerana banyak sangat berbuat kebaktian
kepada raja, seperti Ketujuh itu pun Paduka Raja yang mengambilnya
tidak dengan perang. Maka banyak lagi kebaktiannya, tiada disebutkan
di sini.

Kalakian, maka tiada berapa lama ia menjadi Paduka Raja, maka
terjadi fitnah ke atas anaknya, Wan Ahmad. Dikata orang, Wan Ahmad
itu mengambil perempuan di atas istana raja. Adalah perempuan itu
nama "Mah-jamahan" raja. Maka murkalah raja akan anak Paduka Raja itu.
Maka disuruh perintah kepada Dato' Laksamana. Adapun Dato' Laksana
pada masa itu tiada berbetulan dengan Dato' Paduka Raja itu.

Maka adalah pada masa itu anak raja, Zainal Abidin itu lagi kecil,
tidak lagi sampai akalnya. Maka ada ia duduk bermain-main kepada
anak Paduka Raja itu. Maka berkatalah anak Paduka Raja, Wan
Ahmad, kepada ayahnya, "Ya ayah, anak raja bukanlah ada di rumah
saya, baiklah kita ambil, rajakan".

Maka benarlah pada hati Paduka Raja itu, lalu dibawanya turun
anak raja Zainal Abidin itu ke perahu yang bernama "Kota Berjalan";
dan Wan Ahmad, anak Paduka Raja, dengan Raja Zainal Abidin itu

naiklah ke atas perahu "Kota Berjalan". Maka Paduka Raja pada perahu lain, serta dipalingkan haluannya itu ke darat. Maka yang ada di dalam perahu itu meriam yang bernama "Seri Johor" dan "Seri Pasir". Serta dibakarkan sumbu meriam itu, tiba-tiba tiada keluar jamu pelurunya.

Setelah dilihat oleh Paduka Raja, maka berkatalah ia kepada anaknya, "Hei anakku Ahmad, akan bedil ini tiada mahu ia menderhaka rupanya; baiklah kita keluar lalu ke barat". Maka keluarlah ia, serta diturutlah oleh segala orang Johor sampai berperang. Maka lalulah ke Batu Putih. Maka dari Batu Putih lalu ke Belakang Riau. Maka Paduka Raja pun sampailah ke Laut Terengganu. Maka anaknya, Wan Ahmad, dengan anak raja, Zainal Abidin itu lalu ke Patani, maka lalu menghadap baginda Nang Cayang.

Maka tersebut pula kisah Paduka Raja sampai ke Laut Majri. Maka bini Paduka Raja pun kenalah peluru, lalu mati. Maka Paduka Raja pun naiklah ke darat. Maka akan Paduka Raja pun dapatlah kepada orang Terengganu, lalu dibawa masuk ke Terengganu. Sampai ke Tanjung Gelam, lalu dibunuhnya rakyat Gelam itu. Kemudian, sampai ia ke Telaga Batin, dibunuhnya pula batinnya. Maka berkatalah Paduka Raja, "Yang hamba ini akan mati juga, maka janganlah dibawa hamba lagi ke dalam Terengganu". Maka dibunuh oranglah akan Paduka Raja itu di Padang Til dan dimakamkan di Teluk Dato' itu, - *intaha* adanya.

Kemudian daripada itu, ada beberapa lamanya, maka baginda yang bernama Nang Cayang itu pun menyuruh orang Patani menghantarkan Raja Zainal Abidin itu ke Terengganu, dari kerana kata orang Patani, "Adapun Terengganu itu belanja baginda Nang Cayang dengan Sultan Johor". Maka sampailah ke Terengganu, lalu dibawa kepada Dato' dan kepada Maha Menteri. Maka oleh Dato' dijadikan³² dengan anaknya, serta digelar Sultan Zainal Abidin, dan isterinya digelar To' Puan. Maka tiada berapa lama berlaki isteri, maka berolehlah putera akan Raja Mansur. Maka dikata orang banyak "Tuan Dalam". Demikianlah peringatannya yang sebelah anak cucu itu, - *intaha* adanya.

Asalnya Pohon Kayu Emas Sebagai Hadiah

Maka ini suatu fasal pula, cerita daripada orang tua-tua. Adalah asalnya Johor itu dahulu kala, ada berbuat pohon kayu emas dan pohon kayu perak akan diberi permainan kepada candar di negeri Siam. Maka dari kerana ada suatu ketika anak raja Johor di Singapura itu ada bermain perahu berlayar-layar. Maka dengan takdir Allah yang empunya

³²Dikahwinkan

buana, perahu anak raja itu pun tiadalah dapat berbalik lagi, dari kerana angin sangat kuat ; perahu itu hanyalah menurut angin sahaja. Maka tiba-tiba jatuhlah ke negeri Siam yang bernama "Cahaya". Maka berkatalah anak raja Singapura itu, "Hei mika-mika, janganlah mika-mika katakan aku ini anak raja". Maka duduklah Sang Buana, anak raja Singapura itu di dalam negeri Cahaya itu. Maka dilihat oleh orang Siam akan segala kelakuan orang muda itu, dan segala awan-kawannya, sangatlah hormat dan khidmat akan orang muda itu.

Maka khabar anak raja Johor ada hilang sedang bermain perahu itu pun terdengarlah kepada raja Siam. Maka raja Siam pun bertanyalah kepada segala orang-orang anak raja Singapura itu. Maka orang Singapura pun berkhabar benarlah kepada raja Siam. Maka lalulah diambil, serta dinikahkanlah dengan anaknya. Tiada berapa lamanya, lalu beroleh anak perempuan. Maka khabar itu pun terdengarlah kepada raja Johor, lalu berikhtiarlah dengan segala orang besar-besarnya. Maka lalu bertitah raja Johor, "Ada aku dengar khabar cucuku yang di Siam ada perempuan, maka baiklah kita berbuat suatu permainannya, iaitu pohon kayu emas dan pohon kayu perak". Maka berdatang sembah segala orang besar-besarnya, "Benarlah titah duli tuanku itu". Maka diperbuatlah seperti yang tersebut itu, adanya. Demikianlah perkataan orang tua-tua itu.

Kemudian dari itu, lalu disuruh orang Terengganu perbuat "ganti" seperti perbuatan orang Johor, dari kerana banyak perbalasan orang Siam itu. Maka inilah ceritanya – mana-mana yang sah itu, wallahua'lam. Maka jikalau ada segala raja-raja yang berhubung-hubungan antara Terengganu dan Pahang dan Lingga dan Singapura itu, boleh dilihat di dalam isi aturannya itu, *intaha al kalam*.

Ini suatu fasal pula - maka adalah Marhum mangkat di atas julangan itu, maka barang siapa raja daripada anak cucunya hendak menyebut nama marhum itu, maka hendaklah disebutkan; "Ampun-ampun!" Serta dengan namanya - "Ampun-ampun, marhum mangkat di atas julangan!" Demikianlah kata segala orang tua-tua, maka marhum itu berdarah putih, adanya.

Dengan kurnia Allah subhanahu wa taala telah selesailah daripada pertuturan itu, kepada tujuh belas hari bulan Muharam, malam Arba'a, waktu jam pukul delapan sesuku. Umar bin Muhammad Ali yang menyalin, adanya.

Tertulis kepada 8 hari bulan Muharam 1318 tahun.

HUKUM KANUN

Mukadimah Hukum Kanun Melaka

BISMILLAH-IR-RAHMAN-IR-RAHIM.AL-HAMDU LIL-LAHI RABB-IL-'ALAMIN. WAL-'AQIBATU LIL-MUTTAQIN-WAS- SOL-ATU WAS-SALAMU 'ALA RASULIKA SAYYIDINA MUHAMMADIN WA ALIHI WA SOHBIHI AJMAIN. AMMA BA'DU. HAZA FI BAYAN-IR-RISALATI BI HUKUMI AL QANUNI BI BALAD AL-MALIK AL-KABIR-AL-WAZIR.

Kemudian daripada itu, maka ini suatu risalah pada menyatakan kanun, iaitu pada segala negeri yang besar-besar memakai hukum kanun, yang tertera adat di dalam negeri raja-raja dan segala takluk rantuanya, dan segala orang besar-besarnya, dan rajanya menaruhkan gantinya, supaya tiada musykil kepadanya.

Adapun pada segala raja-raja itu: Pertama tamanya menjadi bendahara; kedua, menjadikan temenggung; ketiga, menjadikan penghulu bendahari; keempat, menjadikan bendahari. Maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya.

Adapun dibahagi hukum itu atas tiga bahagi: pertama, bendahara; kedua pada temenggung; ketiga pada syahbandar. Adapun hukum yang diserahkan pada bendahara itu, seperti orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan, dan segala sida-sida, dan segala anak orang besar-besar. Adapun yang diserahkan kepada temenggung itu, barang yang ada hukum negeri seperti tafahus-menafahus, dan seperti tangkap-menangkap orang jahat dalam negeri. Adapun kepada syahbandar, ia itu menghukumkan akan segala dagang dan anak yatim, dan segala dagang yang teraniaya, dan adat segala jong dan balok, dan barang sebagainya.

Ketahui oleh mu segala yang kena adat ini, turun menurun daripada Sultan Iskandar Zulkarnain memerintahkan manusia, datang

kepada zaman Sultan Iskandar Syah; ialah raja yang pertama masuk agama Islam dan menitahkan adat dan perintah raja-raja yang besar-besar, dan meletakkan adat dan perintah negeri, turun temurun kepada putera baginda Sultan Muzaffar Syah, dan turun kepada putera baginda Sultan Mansur Syah, dan turun kepada putera baginda Sultan Muhammad Syah, dan turun kepada putera baginda Sultan Mahmud Syah Khalifatul Mukminin Zilullah Fil `Alam; ialah yang empunya adat, hukum dan perintah, datang sekarang ini. Maka adalah iaitu telah ganti raja pada hal memerintahkan segala adat yang tersebut ini, yang terhimpun pada segala menteri. Maka dihukumkan hukum ini atas barang yang patutnya dihukumkan.

* * * *

Hukum Kanun Adat Negeri dan Tafahus Kelantan

Bismillah-ir rahman-ir rahim, wabihi nista'in ala. Ini Kanun Adat Negeri dan Tafahus.

Adapun kepada syahbandar itu, iaitu menghukumkan segala saudagar dan anak yatim, dan segala dagang yang teraniaya, dan adat segala jong dan balok dan barang sebagainya. Maka negeri itu terpeliharalah oleh raja-raja itu dengan rakyatnya yang diam di dalam negeri itu, supaya jangan tertanggung hak segala mereka itu di atas tengkuk segala raja dan segala menteri yang memegang hukum segala orang besar-besar di dalam negeri itu; kerana dijadikan Allah taala segala raja-raja dan orang besar-besar di dalam sesuatu negeri itu, bukan kerana melakukan hawa dan nafsu dan menunjukkan kebesarannya atas segala makhluk Allah yang miskin, yang tiada berupaya yang diam di dalam negeri itu, melainkan kerana mengata ia segala antara yang kuat dan yang daif, supaya mereka itu tiada dapat melakukan kaharnya atas segala yang daif.

Jikalau tiada seperti syarat ini, bahawa sesungguhnya segala kesudahan yang di dalam negeri itu, tengkuk raja-raja dan segala orang besar-besar di dalam negeri itu tiada akan lepas; kerana segala raja-raja dan orang besar-besar itu umpama gembala jua adanya, dijadikan Allah taala. Maka lagi akan ditanya Allah taala daripada gembalanya itu, seperti sabda Nabi salallahu alaihi wassalam "*Kullukum ra'i wa kullukum mas'guluma `an ra'lyatihi*"; yakni segala mereka yang menggembala, dan segala mereka raja-raja, lagi akan ditanyai dari yang digembalai itu pada hari kiamat.

Maka segala raja-raja itu, hendaklah menjadikan orang besar-besaran gantinya, supaya jangan datang masyghul kepadanya lagi. Adapun dat turun temurun daripada zaman raja yang tua-tua yang amat adil pada ukumnya, akan ganti raja-raja itulah lagi memerintah sendirinya. Maka kepada orang itulah dihimpunkan hukum itu atas sembilan belas ukum.

Fasal yang pertama, pada menyatakan adat pada majlis raja-raja, dan adat segala pakaian segala raja-raja, dan kurnia pada orang esar-besar, dan larangan raja-raja jika dipakai oleh rakyat:

Adapun yang tiada harus dipakai oleh orang keluaran seperti ekuningan, dan kepada segala orang besar-besar sekalipun, jikalau tiada dengan anugerah raja-raja. Jikalau dipakai oleh orang lain, tiada dengan anugerah itu, maka ia itu dibunuh hukumnya.

Demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang, seperti kain kasa, kepada balai raja atau masuk pagar raja-raja, jikalau dicarikkan atau ditolakkan keluar hukumnya. Demikian lagi memakai hulu keris emas, seperti marubi atau bunga bawang rebungkal, itu pun tiada boleh orang keluaran memakai dia, melainkan dengan nama anugerah juga. Jikalau ada orang keluaran memakai dengan tiada kurnia raja, maka dirampas hukumnya. Melainkan anak raja-raja atau bendahara boleh memakai dia; dan yang boleh memakai, melainkan memohonkan ke bawah duli raja-raja juga. Kemudian haruslah iaitu memberi memakai kepada anak cucunya. Demikian lagi hukumnya orang di bawah raja itu, harus mengetahui adat di bawah raja-raja itu.

Adapun syarat hamba raja-raja itu atas tiga perkara. Suatu - Benda benar kepada afaalnya. Kedua, menurut titahnya itu, mahu zalim mahu adil, ia menurut titahnya. Ketiga, mengharapkan ampun tuannya.

Adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara. Pertama, ampun akan segala hambanya. Kedua, murah. Ketiga, fikiran sabar. Keempat, melakukan segala hukumnya dengan kahar. Itulah sifat segala raja-raja pada zaman dahulu kala turun temurun datang sekarang, inilah kanun namanya.

Fasal yang kedua, pada menyatakan hukum bahasa segala raja-raja itu lima perkara juga. Tiada harus dikatakan orang lain, melainkan sebutan pada raja-raja itu juga. Pertama, "titah"; kedua, "patik"; ketiga, "murka"; keempat, "kurnia"; kelima, "anugerah". Maka kata itu tiada harus dikatakan oleh kita sekalian. Jikalau hamba raja sekalipun mengatakan, digocoh hukumnya; melainkan bahasa itu tertentulah pada raja-raja juga. Adapun jikalau di rumah atau di kampung, atau di balai

sendiri, dapatlah berkata-kata itu. Adapun bahasa "anugerah" itu, jikalau seperti orang besar-besar di dalam kampungnya, dapat kata anugerah itu, tetapi di hadapan raja-raja, dibunuh dimurkai raja-raja hukumnya. Adapun akan "patik" dan "titah" itu, tiadalah dapat dikata pada seseorang pun; demikian lagi "murka" itu pun, melainkan pada raja-raja juga. Jikalau seseorang dianugerah sebuah sungai, atau negeri sekalipun, tiada dapat orang di sungai itu ber"patik", dan kata "titah" kepadanya: atau "murka" itu pun, atau "menjunjung duli" itu, tiada dapat segala perkara ini dikata jikalau tiada dengan titah raja-raja dan surat titah, nescaya pekerjaan itu dibunuh juga hukumnya, demikianlah segala kita rakyat ini.

Fasal yang ketiga, pada menyatakan segala hukum orang keluaran. Jikalau mati orang besar-besar, dan orang yang mulia-mulia, tiada boleh berpayung pudi³³, dan memberi derma, melainkan dengan nama kurnia juga maka boleh. Jikalau tiada dengan nama kurniai, dirampas. Demikian lagi bertilam beralas kuning, dan bantal bertepi kuning, itu pun kena murka juga. Demikian lagi bersapu tangan kuning, maka iaitu dicarutkan orang yang melihat dia itu, maka suatu pun tiada perkataannya lagi. Itulah adat akan perintah martabat kemuliaan segala raja, supaya jangan kena murka itu. Maka demikianlah hukum majlis dan pakaian raja-raja itu.

Fasal yang keempat, pada menyatakan hukum negeri dan anak sungai, atau dusun yang takluk pada negeri itu. Adapun hukum orang berbunuh-bunuhan, atau menikam orang, atau menetak orang, atau memukul orang, atau merampas orang, atau mencuri harta orang, atau menuduh orang, atau berdusta akan orang besar-besar, atau berjual titah, atau menyangkal perintah raja-raja, itu pun salah.

Fasal yang kelima, pada menyatakan membunuh orang dengan tiada setahu raja-raja atau orang besar-besar jikalau yang dibunuh itu dengan berdosanya sekalipun, hukumnya itu taksir juga; iaitu pembunuhnya didenda sekati lima, kerana tiada setahu raja-raja dan orang besar-besar, itulah hukumnya; melainkan kurnia raja-raja dan orang besar-besar, itulah hukumnya; melainkan kurnia raja-raja dan safaat orang besar-besar juga lagi akan salahnya itu. Adapun yang membunuh tiada diharuskan memberitahu raja dan orang besar-besar, iaitu seperti orang berkehendak dengan isteri orang, lagi pun jauh tempatnya, maka tiadalah memberi tahu orang besar-besar lagi. Adapun jikalau ada dekat itu, dibunuhnya orang itu oleh madunya juga, itu pun

³³Intan yang butir-butir kecil

taksir juga hukumnya, kerana dekat orang itu dengan orang besar-besar. Adapun jika membunuh madu itu, maka jadi berkelahi orang itu dengan empunya kampung itu, lalu terbunuh ia oleh yang empunya kampung itu, tiada lagi kena hukum pada adat negeri; tetapi kepada hukum Allah, orang membunuh itu dibunuh juga hukumnya. Adapun pada adat negeri, jikalau orang membawa titah, ia mengambil isteri orang, tiada boleh dibunuh. Jikalau dibunuh derhaka namanya, kerana melalui titah, sebab ia lagi membawa titah; melainkan dipersembahkan dahulu kepada raja, dan raja juga membunuhnya, itulah hukumnya.

Fasal yang keenam, pada menyatakan hukum segala orang yang mengamuk. Adapun jika orang mengamuk itu orang utang-hutangan, jikalau ia mengamuk tiada dapat ditangkap, maka dibunuh ia, tiada perkataan lagi. Jikalau sudah tertangkap, jikalau dibunuh dia dengan tiada setahu orang besar-besar, salahlah hukumnya. Maka adalah denda orang yang membunuh itu sepuluh tahil sepaha. Jikalau sudah diberitahu orang besar-besar, tiadalah hukumnya lagi. Jikalau bukan orang besar-besar membunuhnya, nescaya adalah dendanya sepuluh tahil sepaha. Dalam itu pun tilik raja juga, jikalau ada pada dirinya didenda sepenuhnya; jikalau tiada, sekadar harga orang yang dibunuh itulah juga, kerana taksir tiada memberitahu orang besar-besar. Demikian lagi jikalau sudah luka lalu ditangkap, maka dibunuh dengan tiada setahu orang besar-besar. Itu pun kena denda sepuluh tahil sepaha juga. Jikalau lukanya sangat, akan mati, maka dibunuh dengan tiada setahu hakim, itu pun kena denda sepuluh emas, dan kain kafannya daripada orang yang membunuh itu, sekadar turun mayatnya itu.

Adapun hukum orang membunuh tiada setahu raja dan hakim, maka tiada ditilik oleh hakim; dendanya itu sekati lima juga, melainkan dengan ampun kurnia raja juga. Lagi tiada dapat, melainkan dengan iyafaat hakim dan orang besar-besar, kerana maharajalela namanya yang membunuh itu.

Adapun jikalau hamba hendak membunuh tuannya, maka ditahu oleh orang lain, lalu ditangkapnya. Jikalau tiada dapat ditangkap, haruslah dibunuhnya. Tiada lagi salahnya yang membunuh itu pada tuannya, jikalau jauh tempat, lagi tiada dapat memberitahu hakim. Adapun jikalau dekat tempatnya, maka ditangkap lalu dibunuhnya, itu pun kena denda sepuluh tahil sepaha kepada raja, lima tahil kepada hakimnya. Adapun jikalau hamba itu luka parah atau luka sedikit, lalu dibunuh oleh tuannya akan hambanya itu mati, maka tiada lagi salahnya, kerana hambanya itu akan hendak membunuh tuannya. Itulah hukumnya negeri dan sungai atau dusun yang ada padanya, telah kami

nyatakan pada segala hukumnya itu.

Fasal yang ketujuh, pada menyatakan hukum merdeheka membunuh abdi orang. Jikalau hamba raja dibunuh orang, maka kena ganti tujuh kali tujuh. Adapun hukum itu sekadar amar raja juga, tetapi akan ganti itu tujuh kali jua yang sebenarnya. Jikalau ia tiada dapat tertangkap, akan lepas rupanya, dibunuh hukumnya. Adapun jikalau yang membunuh itu seperti bendahari, atau bendahara, atau orang besar-besar, didenda sekati lima. Adapun jikalau hamba bendahara dibunuh orang, jikalau seseorang pulang tujuh, itu pun sekadar amar jua. Jikalau ada dengan salahnya, seperti mengambil isteri orang atau gundik orang, maka suatu pun tiada dengan perkataan lagi.

Adapun pencuri, sudah ia ditangkap maka dibunuh; maka kena denda yang membunuh itu sepuluh tahlil. Adapun pada waktu ia mencuri maka sudah ditangkap, lalu dibunuh suatu pun tiada perkataan lagi; itulah hukum hamba raja itu. Adapun pada waktu ia mencuri maka sudah ditangkap, lalu dibunuh suatu pun tiada perkataan lagi; itulah hukum hamba raja itu. Adapun jikalau iaitu mengambil isteri orang atau gundik orang pada barang ketika, haruslah dibunuh, tiada lagi salahnya itu. Adapun merdeheka membunuh abdi itu, mengganti setengah harganya. Jikalau benar hamba orang itu tiada dengan dosanya, dibunuhnya; maka mengganti esa pulang dua, itu pun sekadar amar jua, harga seorang jua diberi; dihukumkan mereka itu dengan Hukum Kanun itu juga.

Fasal yang kedelapan, pada menyatakan hukum tetak-menetak orang. Jikalau abdi menetak merdeheka, maka itu masuk ulur.³⁴ Adapun jikalau merdeheka menetak abdi, kena denda setengah harganya. Jikalau ia itu miskin, maka kena sepuluh emas akan dendanya. Adapun jikalau merdeheka menetak abdi tiada dengan salahnya, kena lima emas dendanya. Adapun jikalau abdi biadab mulutnya, seperti memaki; maka ditampar oleh merdeheka, maka tiada ada lagi salahnya. Adapun jika abdi itu ditampar oleh merdeheka, maka ditikam oleh abdi; maka mati merdeheka itu, suatu pun tiada salahnya; tetapi pada hukum Allah; yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya, maka adil namanya. Adapun jikalau merdeheka sama merdeheka menampar, orang yang kena tampar itu mati, maka tiadalah perkataan lagi. Adapun jika mati yang menampar, maka kena setengah harga. Jikalau abdi sama abdi jika menampar, maka mati yang ditampar, maka

³⁴Orang yang menjadi hamba orang, kerana bersalah membunuh mencuri dll. untuk mengganti kerugian orang itu

engah harganya denda itu; demikianlah hukumnya, mahu laki-laki, atau perempuan dengan tiada bersalahan lagi. Adapun pada hukum yang menampar itu dibalas tampar juga, maka adil hukumnya. Adapun hukum orang memaki orang - jikalau abdi memaki merdeka, maka digocoh mulutnya, atau ditanggali giginya, itulah hukumnya. Jikalau merdeka memaki isteri abdi, maka dibunuhnya merdeka itu oleh abdi itu, tiada apa lagi salahnya, kerana hukum anak isteri orang itu tiada dapat dimudahkan; tetapi pada hukum Allah ta'ala, yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya, supaya lepaslah haknya daripada ia tertanggung pada hakim sekalian. Adapun hukum yang menampar dan yang kena tampar itu, jikalau ditikam oleh yang kena tampar mati yang menampar itu, tiada ada salahnya kepada adat. Adapun yang dibunuh yang menampar itu hingga tiga hari lamanya. Jikalau lepas daripada tiga hari, tiadalah dapat lagi dibunuh orang yang menampar itu. Jikalau dibunuh juga, maka orang yang kena tampar itu dibunuh pula, atau didenda sekati lima, kerana lepas daripada adat laki-laki namanya. Adapun pada hukum Allah, yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya, kerana pada Allah taala, hak segala manusia amat besar atas negeri; seperti firman Allah taala di dalam Quran *fala turtul al-nafs allatiy harrama Allah illa bi alhaq*, ertinya: Jangan kamu membunuh segala yang bernyawa itu, diharamkan Allah ta'ala, melainkan dengan sebenarnya juga, itulah Kanun namanya.

Fasal yang kesembilan, pada menyatakan yang membunuh atas empat martabat juga: Pertama - bendahara, pada waktu tiada di darat, atau dalam sungai sendirinya, maka haruslah membunuh tiada dengan titah raja; kedua - temenggung, pada waktu ia aman menangkap orang, itu pun tiadalah menanti titah lagi; ketiga - syahbandar, tatkala di darat. Maka barang siapa tiada menurut katanya pada waktu membawa barang atau kapal, itu pun tiada lagi dengan titah raja; keempat - nakhoda, tatkala di laut, membunuh juga tiada dengan titah, kerana iaitu raja pada kapal itu. Apabila sudah datang ke negeri, maka dihukumkan ia. Jikalau ia membunuh tiada dengan sampai dosanya, patut dibunuh pula nakhoda itu, atau didenda sekati lima. Adapun hukum di laut itu atas nakhodalah. Maka tiadalah dapat ia membunuh, melainkan kerana mengambil isteri orang atau gundik orang, maka haruslah ia itu dibunuh oleh nakhoda itu, tetapi hendaklah segera dimuafakatkan dosanya itu akan gantinya.

Fasal yang kesepuluh, pada menyatakan hukum biduanda orang, dan anak muda-muda orang, dan hamba orang, dan sakai orang, dan hamba raja pun. Jikalau kita pergi belayar atau mudik sungai,

maka kita membawa biduanda orang, atau anak muda-muda orang, dengan tiada setahu penghulunya itu; maka mati ia. Maka orang yang membawa itu, kena denda seharga orang mati itulah oleh penghulunya atau tuannya itu. Adapun jikalau ada jauhnya itu sehari semalam perjalanan, maka diberi gantinya. Jikalau empat keruh atau setengah hari perjalanan, maka tiada mengganti; yang kena ganti itu sejauh sehari semalam, atau sebulan jauhnya dan barang sebagainya, maka kenalah ganti; kerana taksir tiada setahu penghulunya, itulah hukumnya negeri. Demikian lagi hukum hamba orang dengan tiada setahu tuannya, dibawa pergi barang mana, sekaliannya memberi ganti kepada tuannya, itulah hukum hamba orang; tetapi pada hukum Allah taala, tiada kena memberi ganti atas segala orang yang merdeheka itu, kerana sudah dengan mautnya, itulah hukumnya.

Fasal yang kesebelas, pada menyatakan hukum orang mencuri. Adapun jika seseorang mencuri, lagi dibunuhnya; atau diturutnya jauh antara dua kampung maka dibunuhnya, tiada lagi salahnya yang membunuh itu. Adapun jikalau kemudian daripada hari itu, maka bertemu dengan orang mencuri itu, tiadalah dapat ia dibunuh lagi, melainkan hukum juga atasnya. Jikalau banyak yang mencuri itu, seorang juga naik ke rumah, maka yang naik itu juga dipotong. Maka yang banyak itu ditakzirkan, yakni dinaikkan atas kerbau balar, disunting bunga raya, dipayungi dengan tudung saji buruk, dicoreng mukanya dengan kapur dan arang dan kunyit, maka dibawa beriring-iring dicanangkan berkeliling negeri. Maka dipinta hak orang yang dicuri itu. Jikalau sudah habis dimakannya, maka tuannyalah mengganti dia.

Adapun orang yang mencuri tanaman orang, seperti pisang, tebu atau buah-buahan, tiada dipotong tangan hukumnya; tetapi jikalau ia kedapatan malam mencuri itu, jikalau ditikam oleh empunya tanaman itu, mati sahaja; tiadalah lagi salahnya atas empunya tanaman itu. Adapun jikalau tahu ia pada siang hari, maka didenda oleh hakim sepuluh emas, dan segala yang dicuri itu digantungkan pada lehernya dibawa berkeliling negeri. Jikalau habis termakan barang yang dicuri itu, diganti harganya, dan didenda pula sepuluh emas.

Adapun jikalau orang mencuri perahu, maka dijualkannya atau disorokkannya di dalam hutan; dalam antara itu ada tanda yang nyata atau saksi yang sah kenyataan ia mencuri itu, maka diganti oleh yang mencuri kepada yang empunya perahu itu seharga perahu itu. Jikalau perahu yang dicuri itu disewakan, maka disuruh ganti kepada orang yang mencuri itu dikira-kira dengan sewanya, dan dihukum oleh hakim

sepuluh emas akan salahnya mencuri itu, inilah hukumnya orang mencuri perahu itu.

Adapun jikalau orang itu mencuri kerbau lembu, jikalau di dalam kandang dicurinya, maka dendanya setahil sepaha, dan dipintanya juga harga kerbau itu dengan berapa patutnya. Jikalau ia itu mencuri di tengah padang, atau di dalam hutan - kena denda sepuluh emas dan harganya dibayar juga setengah. Adapun jikalau kambing di dalam rumahnya dicuri orang, maka diketahui oleh empunya, dipinta oleh hakim harganya kambing itu, dan didendanya sepuluh emas.

Adapun jikalau orang mencuri ayam itik, maka dipinta harganya ahulu, dan didenda pula lima emas. Jikalau yang mencuri itu abdi orang, maka tuannya memberi ganti dendanya itu. Adapun pada hukum Allah, orang yang mencuri kerbau lembu atau kambing itu, jikalau di dalam kandang dipotong tangannya, jikalau tiada dipotong dibunuh. Jikalau di luar kandang, sekadar memberi harganya kerbau itu kembali. Jikalau tiada kerbau, harganya tiadalah didenda lagi. Adapun jikalau orang mencuri itu abdi orang, tuannya memberi ganti; itulah hukumnya hukuman di segala negeri, dusun dan anak sungai itu.

Fasal yang kedua belas, pada menyatakan hukum segala orang yang menawar³⁵ anak isteri orang. Jikalau ditawarnya perempuan, maka tahu lakinya. Disuruhkan oleh hakim menyembah lakinya di hadapan majlis. Jikalau tiada mahu menyembah, maka didenda sepuluh tahil sepaha juga hukumnya, melainkan ditilik oleh orang besar-besar dan hakim. Jikalau dibunuh oleh lakinya itu, maka denda tiada yang membunuh lima tahil sepaha, kerana ia itu menawar sahaja, maka harus dibunuh; melainkan yang dapat membunuh itu orang besar-besar jua.

Adapun orang menawar anak orang, jikalau ditahu oleh ibunya, tiada harus dibunuh, maka harus didenda oleh hakim dua tahil sepaha hukumnya. Jikalau patut didudukkan³⁶, maka dipinta belanjanya sepenuhnya, itulah hukumnya. Jikalau tiada dipinta, dendanya dua tahil sepaha. Demikianlah hukumnya orang menawar anak orang itu.

Adapun menawar hamba orang, maka didenda lima emas juga, itu pun jikalau tiada zina dengan dia, dan apabila diambilnya dara anak hamba orang itu, maka didenda akan dia sepuluh emas jua, sebab ia itu menggagahi orang; seperti orang menangkap orang, maka salahnya dengan dikuat-kuatkannya, itu pun sepuluh emas juga dendanya, kerana

³⁵Memujuk dikahwinkan atau memikat (hati perempuan)

³⁶Dikahwinkan

ia menggagahi orang. Demikianlah Hukum Kanun itu, dan haruslah dihukum oleh hakim dengan hukuman yang demikian itu, kerana tiada sekali-kali boleh menggagahi orang. Adapun jikalau orang merdeheka dapat ditangkap menggagahi perempuan hamba orang, maka oleh perempuan itu diberinya tahu kepada hakim. Maka dipanggil oleh hakim disuruh kahwin. Jikalau tiada mahu kahwin dengan dia, maka dendanya tiga tahlil sepaha, seperti isi kahwin adat hamba orang itu. Adapun pada hukum Allah, jikalau ia muhsan direjam, jikalau tiada muhsan didera, dipalu seratus kali; erti muhsan itu - jikalau perempuan yang berlaki, jikalau laki-laki yang berbini; dengan hukum Allah itulah yang tiada bersalahan lagi. Adapun jikalau menuduh orang berzina, pada Hukum Kanun maka didenda sepuluh tahlil sepaha. Jikalau sahlah ia zina, maka suatu pun tiada kena hukum atas yang menuduh itu. Demikian lagi, jikalau yang dituduh zina itu abdi, dendanya dua tahlil sepaha, atau setengah harganya jua dendanya.

Fasal yang ketiga belas, pada menyatakan hukum orang lari, dan orang menyembunyikan hamba orang, dan mengurung hamba orang yang lari itu, sekaliannya pada syahbandar yang punya perintah. Adapun jikalau orang itu lari ke laut, lalu ke negeri orang tiada timbul-timbul lagi, melainkan syafaat orang besar-besar juga akan tuannya. Adapun jikalau lari itu kepada anak sungai jauh daripada negeri, kira-kira dua hari atau sehari pelayaran, dibahagi tiga; sebahagi kepada penghulu sungai itu, dan dua bahagi akan tuannya. Adapun jikalau hingga kuala sungai daripada negeri itu, tiga emas akan tebusannya. Adapun jikalau lari ia itu dari dalam kota keluar kota seemas tebusnya. Jikalau lari dari luar kota ke dalam kota, dua kupang tebusnya, demikianlah hukumnya.

Adapun hukum orang mencuri dengan³⁷ orang atau menyembunyikan dengan orang, jikalau didapat di dalam rumahnya, atau pada tempat disembunyikannya di dalam hutan atau dalam perahu orang, maka didenda lima tahlil sepaha. Jikalau ia itu abdi orang, masuk ulur kepada yang empunya dengan itu, kalau tiada tuannya menebus dia. Jikalau mahu tuannya itu menebus, seperti sedia kala tebusnya.

Adapun hukum orang bersubahat atau sekutu dengan orang mencuri, maka hukumnya mencuri juga, iaitu didenda dua tahlil sepaha.

Adapun jikalau orang menjual titah, maka ia itu dibunuh, atau dibelah lidahnya, atau dikupas kulit kepalanya. Adapun orang berdusta kepada bendahara itu, maka dicoring mukanya, atau didenda dua tahlil sepaha juga hukumnya. Adapun jikalau orang berjual kata orang

³⁷Hamba; sehayu

besar-besar atau syahbandar, maka dendanya setahil sepaha atau disuruh bermaki di hadapan majlis orang banyak. Jikalau ia melawan dibunuh, kerana orang besar-besar itu menanggung kerajaan raja.

Adapun jikalau mengadu seseorang, hendaklah segera ditentukan, supaya hak manusia itu lepas daripada negeri. Demikianlah adat hukum Kanun pada negeri dan dusun itu atas tanggungan orang besar-besar dan atas raja, haknya itu tiada akan lepas daripada batang kerahnya pada hari akhirat jemah.

Fasal yang keempat belas, pada menyatakan hukum bertuduhan dan sangkal-menyangkal. Adapun jikalau seorang menuduh dan seorang menyangkal, maka ditanya oleh hakim, jikalau mahu berlawan, diperlawankanlah; itu pun jikalau tiada bersaksi dua orang, seperti yang ditetapkan, seorang pun padalah. Maka dihukumkan oleh hakim atas barang yang teradat kepada kanun. Adapun hukum Allah sekadar disuruh bersumpah menjawat Quran, mashaf juga padalah. Adapun pada hukum Kanun disurat ayat Quran pada tembikar atau kendaga³⁸. Inilah ayatnya yang disuratkan: "Wa Allah khalaqakum wa ma ta'malun ilahi" atau "Inniy a'lamu malata'lamun ilaihi" - "Berkat Jibrail, wa Mikail, wa Israfil, wa Izrail, kau tunjukkan kiranya benar salah si anu dengan si anu itu". Maka dibubuhkanlah pada kawah kuali. Maka disuruhlah antara keduanya mengambil tembikar itu, dengan sekali celuk tangannya itu pun padalah. Maka barang siapa ada tandanya, maka dihukumkan itu atas hukuman negeri dan dusun itu. Jikalau sangat salahnya, dibunuh hukumnya. Jikalau tiada sangat salah, didenda atas barang sepatut dengan tuduhannya itu, atau dimaafkan oleh hakim.

Adapun jikalau menuduh orang mengambil isteri orang, maka diadukan oleh yang dituduh itu, jikalau menang yang dituduh itu, maka dihukum bunuh yang menuduh itu atau didenda, kerana hukum mengambil isteri orang itu, mati hukumnya. Jikalau tiada dibunuh, didenda sepuluh tahlil sepaha. Dalam pada itu, melainkan syafaat hakim juga, kerana hukumnya itu hukum mati; kerana menolong orang yang peraniaya itu terlebih baik pada Allah, dan menolong orang salah itu kena kutuk Allah ia itu. Adapun pada hukum Allah, hanya disuruh bersumpah hukumnya, atau bertaubat akan perbuatannya itu. Demikian lagi pada hukum bila khilaf.

Fasal yang kelima belas, pada menyatakan hukum upahan menaik³⁹ kayu, perhambaan - Adapun jikalau diupah seseorang hamba

³⁸Peti atau kotak kayu yang dihiasi dengan kulit kerang

³⁹Memanjat

orang oleh merdeheka menaik kayu, hendaklah dengan setahu tuannya ia mengambil upahan itu, kerana ia memberi hasil kepada tuannya itu. Maka jikalau mengupah hamba orang tiada setahu oleh tuannya, maka jikalau hilang atau jatuh iaitu mati, maka yang mengupah itu kena ganti setengah harganya. Adapun jikalau dengan itu dipinjam pada tuannya maka ditentukan pada tuannya - kata yang meminjam itu, "Beta hendak suruh menaik kayu". Maka kata tuannya, "Baiklah, mana kehendak hati tuannya, suruhkanlah ia itu". Maka oleh yang meminjam itu disuruhnyalah. Maka jatuh dengan itu daripada pohon kayu itu, lalu mati. Itu pun diganti setengah harganya oleh yang meminjam itu. Adapun jikalau ditentukan terlebih dahulu kalau-kalau jatuh luruhnya itu, maka kata tuannya: "Jatuh-jatuhlah, dipengapaknya". Jikalau begitu sekalipun diganti sesuku harganya.

Adapun hamba orang yang diupah menyelam, maka mati ia dengan tiada setahu tuannya yang diupah itu, maka mengganti setengah harganya abdi itu, kerana ia mati dengan upahnya. Adapun dengan setahu tuannya dan disuruhnya, maka mati dengan itu; sepertiga harganya; sebahagi timbul, dua bahagi hilang; kerana ia mati dengan upahnya, lagi pun sudah dengan setahu tuannya.

Adapun orang meminjam kerbau lembu, maka diberi oleh tuannya. Maka tatkala menarik kayu, atau barang sebagainya matilah kerbau-lembu itu, atau hilang, maka ganti sepenuh harganya. Adapun jikalau dipinjam kerbau atau lembu itu ditentukan, maka mati kerbau atau lembu itu, maka tiadalah kena ganti lagi. Adapun pada hukum Allah, segala benda yang dipinjam itu mahu tentukan, melainkan ganti juga; kerana pada hukum Allah syarat pinjam-meminjam itu mahu kekal ainnya, yakni nyatanya itu. Adapun jikalau meminjam parang, maka dirodokkan, lalu patah, diganti sepenuh harganya. Adapun meminjam pisau raut, maka ditetakkan kayu, patah pisau itu; maka diganti sepenuh harganya. Adapun yang tiada diberi harganya itu, atas yang ditentukan itu juga, maka tiadalah adat diberikannya lagi atas kias Hukum Kanun.

Adapun jikalau seseorang mencuri hamba orang perempuan, lalu diwatinya, maka reda ia, maka didenda setahil sepaha. Adapun jikalau dengan digagahnya, tiada dengan redanya perempuan itu, lima emas jua dendanya, itulah Hukum Kanun pada tiap-tiap negeri.

Adapun jikalau dipinjam oleh seseorang hamba perempuan, maka diwatinya oleh yang meminjam itu, maka ditahu oleh tuannya. Maka jikalau iaitu dara, maka didenda laki-laki itu sepuluh emas dan kain sehelai, baju sehelai, dan sibai sehelai. Jikalau iaitu janda, lima emas

da dendanya, tiadalah kena kain bajunya lagi. Demikianlah hukum negeri, anak sungai, dusun dan rantau takluk. Itulah faedahnya akan segala rakyat itu, supaya jangan ia berbesar-besar dirinya atas sahaya yang daif itu, mengikut sekehendaknya yang zalim itu. Inilah perintah Allah taala raja-raja dan orang besar-besar itu, akan mengambil pada ia akan hal segala hamba yang di dalam negeri itu, bukan disuruh menganiayai dan berbuat barang kehendaknya atas segala hamba yang di dalam negeri itu; nescaya atas batang lehernya pada hari kiamat tiada pampasan. Daripada sebab inilah, maka diperbuat oleh raja-raja yang tua-tua dahulu kala Hukum Kanun, akan menghukumkan segala perbuatan mereka itu, yang salahnya atau yang benarnya; mudah-mudahan supaya syafaat mereka itu, dan syafaat akan segala yang daif dan yatim pada segala negeri yang besar-besar dan kecil, anak sungai dan dusun, pada setiap perkara itu.

Fasal yang keenam belas, pada menyatakan hukum fudhul⁴⁰ mah. Adapun jikalau ada seorang derhaka atau berbantah, maka jadilah tertikam keduanya. Maka datang seorang ditolongnya, ditikam atau ditakut, atau ditetaknya, atau barang sebagainya. Jikalau tertikam, atau ditakut, atau terparang, atau terbunuh oleh orang itu, maka tiadalah lagi ta-kata hakim atas orang yang menikam itu, kerana taksir fudhul mahanya itu. Demikian lagi orang berbantah akan zina itu. Adapun orang berbantah akan zina itu, jikalau ia lama zina itu dalam dua tahun, kemudian zina pula dengan perempuan lain. Maka zina lama tiadalah menggantikannya perbuatannya itu, hingga diadukannya kepada hakim. Maka menghukumnya oleh hakim seperti adat hukum negeri itu, adil namanya.

Adapun jikalau laki-laki itu zina, dan perempuan zina pula dengan laki-laki lain, maka diperbunuhnya; dibunuh pula oleh hakim, kerana sudah ia zina dengan perempuan lain. Adapun pada hukum Allah, mahu mahu maharu, kerana zina itu jikalau membunuh, dibunuh juga hukumnya yang berzina itu. Demikian lagi, pada hukum Allah, adapun yang dapat kita fudhul itu atas tiga bahagi: suatu, orang membunuh atau kerana lemahnya, harus fudhul; kedua, sahabat yang baik atas an benarnya; ketiga, orang teraniaya oleh seseorang, kerana iaitu tiada dapat sampai atau damping kepada raja-raja, menteri, atau kepada orang besar-besar; sebab ia bodoh, tiada dapat melawan seterusnya, atau banyak lawannya. Daripada daifnya maka dapat fudhul pada menolong sahabat itu.

Adapun jikalau tiada ia itu lemah pada segala perkara yang kami

⁴⁰Tiada berfaedah; sia-sia

kata ini, maka tiada dapat kita fudhul kepada orang menolong sahabat itu, dan tiada dapat kita fudhul kepada barang apa perbuatannya. Adapun jikalau kita fudhul, salah hukumnya lagi, taksir. Adapun hukum taksir itu, jikalau kita pergi membunuh orang, atau melukai orang, atau memalu orang maka kena setahil dendanya. Sebesar-besar denda fudhul itu lima tahlil sepaha; sedang-sedang, dendanya fudhul itu, dua tahlil sepaha; sekecil-kecil, kena denda sepertiga jua hukumnya. Adapun pohon pekerjaan, sepuluh tahlil sepaha atau sekati lima dendanya. Pada yang fudhul dibahagi tiga denda hukumnya itu., Adapun sahabat itu kena sepertiga denda juga. Adapun jikalau atas benarnya itu pun tiadalah dapat fudhul itu, melainkan atas tiga perkara - pertama, ia sampai kepada raja atau menteri; kedua, tiada kuasa melawan seterunya; ketiga, dengan benarnya maka dapat kita fudhul kepada sahabat kita.

Demikian lagi, jikalau sahabat kita membunuh, atau sahabat kita ditampar oleh orang, kias itu juga hukumnya itu, dengan tiada lagi bersalahan. Adapun akan orang fudhul itu, jikalau sahabat yang menolongnya mati, maka segala belanja mati itu daripada sahabat yang ditolongnya itulah. Jikalau luka, upah sebatnya itu pun kepada sahabat yang ditolongnya itu jua hukumnya. Demikianlah hukumnya segala orang fudhul, maka kias hukum itu juga lagi atasnya. Itulah adat hukum segala negeri, dan anak sungai pun demikianlah.

Fasal yang ketujuh belas, pada menyatakan hukum orang mengambil upah, iaitu seperti membunuh orang, atau menampar orang, atau memalu orang. Adapun jikalau orang yang diupah itu membunuh orang, mati. Maka orang upahan itu pun mati sebab kebalasan; maka salahlah yang mengupah itu, maka didenda sepuluh tahlil sepaha, dan belanja mati itu sekalian daripada yang mengupah itulah, kerana taksir tiada memberi tahu hakim. Adapun jikalau diupahnya orang itu dengan setahu hakim dan orang besar-besar, maka orang yang mengambil upahan itu mati dari sebab kebalasan, maka barang berapa belanja matinya itu daripada yang mengupah juga. Adapun jikalau sama mati, maka upahnya itu diberi kepada anak isterinya, atau kepada keluarganya; dan belanja mati itu pun sekaliannya daripada yang mengupah itu juga, itulah hukumnya.

Adapun jikalau upahan itu luka, dan yang disuruh bunuh itu mati, maka diberi oleh yang mengupah sepenuh upahnya, dan belanja ubat yang diupah itu sehingga ia baik. Adapun yang disuruh bunuh itu mati, dan yang hendak dibunuh itu luka, diberi setengah upahnya; dan belanja mati yang diupah itu sekaliannya atas yang mengupah. Itulah kias hukum hakim di dalam negeri, itulah hukumnya. Demikian lagi

upahan memalu atau menampar orang. Adapun akan hukum orang mengambil upah menampar atau memalu itu, jikalau tiada setahu hakim, kena denda dua tahlil sepaha oleh hakim dalam negeri itu. Demikian adatnya seperti hukum orang mengupah memalu orang, jikalau tiada dengan setahu hakim, maka didenda yang mengupah itu setahlil sepaha, kerana taksirnya tiada memberi tahu hakim.

Adapun akan segala hakim itu memelihara akan tetap kerajaan raja-raja itu, itulah hukum orang itu dengan tiada bersalahan lagi. Segala rakyat itu terpelihara dengan adat inilah; kerana tiap-tiap pada segala hakim, jangan menghukumkan dengan hawa dan nafsu, dan kerana upahan dan persembahan orang, salah besar pun dihukumkan. Sekalian itu atas batang leher hakim itu juga.

Adapun upahan memalu orang, maka mati orang dipalu itu, jikalau iaitu abdi, maka didenda oleh hakim mengganti sepenuh harganya. Jikalau yang mati dipalu itu merdeheka, maka dibunuh pula yang mengupah itu, dan upahan itu dihukumkan kerana taksir tiada memberi tahu hakim. Adapun jikalau dengan setahu hakim ia mengupah itu, didenda atasnya sepuluh tahlil, dan tiadalah kena lagi denda keluarganya itu, kerana yang dipalu itu hukum ziadat pada orang, yakni seperti memaki orang dengan tiada berkecuali, atau mencarut di hadapan anak isteri orang, itulah hukumnya dipalu juga, tiada lain lagi.

Fasal yang kedelapan belas, pada menyatakan hukum angkara. Adapun erti angkara itu dua bahagi: satu, maharajalela; kedua, angkara seperti menawar tunangan orang, melakukan barang kehendaknya dengan tiada berkira-kira akan kesalahannya, itulah hukumnya dengan "Hukum Angkara" namanya. Adapun jikalau seseorang menawar tunangan orang yang sudah diberinya suatu tanda alamat akan kahwin, maka ditawarnya oleh seseorang dengan setahu ibu bapanya perempuan itu tatkala ia menawar itu. Kemudian maka ditahu oleh tunangnya itu, maka diberi tahu oleh tunangannya itu kepada hakim. Maka oleh hakim disuruhnya panggil ibu bapanya yang menyukakan itu. Maka disuruh oleh hakim kembalikan cengkeram orang itu kepadanya. Maka didenda oleh hakim orang yang menawar itu sepuluh tahlil sepaha. Adapun jikalau iaitu miskin, kena lima tahlil sepaha.

Adapun jikalau ia itu tiada tahu akan tunangan orang itu, tiada ia kena denda lagi; kerana tiada tahu ia akan tunangan orang itu. Adapun jika disukai oleh ibu bapanya, dan yang menawar itu tiada tahu akan tunangan orang itu, maka denda itu pada ibu bapanya juga; kerana menyukakan itu salah ibu bapanya; kerana ia sudah menerima cengkeram yang lainnya, maka disukai tawar laki-laki yang lain pula;

maka didenda oleh hakim pada ibu bapanya juga. Dendanya itu seperti adat mana yang patutnya jua, melainkan taksir segala hakim jua lagi. Adapun jikalau tiada tahu laki-laki itu, dan tiada disukai oleh ibu bapa itu, tiadalah salah kepada laki-laki itu.

Adapun yang dapat menolak cengkeram orang itu dengan tiada ganda, dan dapat dikembalikannya cengkeram orang itu - pertama-tama adalah laki-laki itu aib tiada ditahu ibu bapanya, kemudian baharu ditahu oleh ibu bapanya, itu pun dikembalikan cengkeramnya dengan tiada ganda juga. Demikian lagi segala kias aib itu, iaitu seperti ada bermadu, atau mengambil isteri orang, atau lemah zakarnya, atau datang penyakit yang besa-besar, seperti pekung atau sopak dan penyakit yang keji-keji. Maka sekalian itu harus dikembalikan cengkeram dengan tiada ganda. Demikianlah kias segala laki-laki dan perempuan, itulah hukumnya, tiada bersalahan lagi.

Jikalau ada penyakit itu kepada segala perempuan, itu pun atas syarat-syarat seperti pada laki-laki itu juga; maka dapat dipintanya kembali cengkeram itu pada perempuan tunangan itu atas tiada lagi akan hilang cengkeramnya. Adapun syaratnya - pertama, perempuan itu abdi, maka tiada tahu laki-laki itu akan dia itu abdi, itu pun dapat dipinta cengkeramnya itu; yang kedua, kena aib perempuan itu, tiada ditahu laki-laki itu, kemudian tahu ia akan aib perempuan itu; itu pun harus dipintanya cengkeram itu kembali; ketiganya, perempuan itu ada penyakit, seperti busung darah dan beser, atau busuk farajnya; itu pun harus dipintanya kembali cengkeramnya laki-laki itu, melainkan jika laki-laki itu kabul akan perempuan abdi itu, tiadalah lagi kata dalamnya.

Demikianlah kias laki-laki dan perempuan, itulah hukumnya. Jikalau abdi sama abdi menawar tunangan orang sama-sama abdi, maka didenda sepuluh emas jua, tiada lebih. Maka kiaskanlah oleh hakim atas kias ini juga hukumnya

Adapun orang maharajalela itu atas dua perkara - pertama, membunuh dengan tiada setahu raja; kedua, mendatang kampung orang, didenda oleh hakim sepuluh tahlil sepaha pada yang mendatangi kampung orang, didenda oleh hakim sepuluh tahlil sepaha pada yang mendatangi kampung orang itu. Jikalau ia mendatangi kampung orang, lagi ia membunuh orang, maka didenda sekati lima tahlil, atas kias itulah hukumnya; tetapi pada hukum Allah, yang membunuh orang itu, dibunuh juga hukumnya.

Adapun orang mabuk yang didatangi orang rumahnya maka iaitu melawan, atau melontar, atau menikam, atau memalu orang, jikalau ia itu tiada ditangkap, maka orang yang empunya rumah hendaklah beringat-

ingat ia akan dirinya itu. Manakala orang mabuk itu melontar atau melukai orang, atau hendak membunuh orang, tatkala itu hendaklah dikuasai oleh yang empunya rumah itu menangkap dia, kerana atasnya hendaklah dipertakutnya hingga orang mabuk itu ingat akan dirinya. Maka tatkala ingat itulah dibalas padanya juga. Pada tatkala mabuk atau gila harus qisas kerana pada masa itu ia tiada ingat, dan hukum angkara padanya itu. Jikalau mati ia pada rumah itu, maka yang empunya rumah didenda dua tahlil sepaha. Jikalau tiada terbayar dendanya kerana miskin dan daifnya, kenalah ia takzir, iaitu dicanangkan berkeliling negeri, demikianlah hukumnya. Adapun jikalau ditangkap, diteguh⁴¹ ia dengan tiada salahnya, melainkan didenda atasnya dua tahlil sepaha. Maka daif ia, tiada ia terbayar dendanya itu, kenalah ia hukum takzir seperti yang tersebut itu. Adapun pada syarat hukum, tiadalah lebih atas angkara itu lagi, demikianlah hukumnya.

Fasal yang kesembilan belas, pada menyatakan hukum segala buah-buah di dalam kampung orang di dalam negeri. Adapun buah-buahan itu, jikalau tiada dibahagi-bahagi, dimakan bersama-sama. Jikalau dijualnya buah-buahan itu maka dapat harganya, dipinta sepertiga bahagi, yakni dua bahagi akan yang empunya kampung lama, sebahagi akan tuannya. Jikalau ia tiada mahu memberi serta digusari pula, lalu ditebangnya pohon itu, maka diberitahu oleh tuannya kepada hakim. Maka disuruh oleh hakim bayar sesuku harganya pohon kayu itu. Demikianlah adatnya segala pohon kayu-kayuan yang di dalam kampung orang dan di dalam kota negeri; dan segala buah-buahan itu pun seperti mana adatnya juga. Jikalau dijualkan oleh yang empunya kampung yang baharu itu, dapat didakwa oleh yang empunya kampung lama itu. Melainkan yang tiada ada perkataan lagi, seperti kampung dan dusun kurnia raja akan seseorang itu, tiadalah dapat didakwa, maka putuslah perkataannya. Adapun jikalau seperti bendahara dan orang besar-besar memberikan kampung kepada seseorang dengan atau hamba raja, dapat didakwa orang juga, kerana ia tiada dapat sampai memperkatakan halnya kepada raja.

Adapun jikalau diambil kampung orang, atau dusun orang oleh orang besar-besar, maka diberikannya akan seseorang lain, maka oleh yang empunya kampung dan dusun itu, dipersembahkannya kepada raja, maka raja tiada bertitah apa-apa. Itu pun tiada dapat didakwa lagi oleh yang empunya kampung atau dusun itu, kerana sudah dengan setahu raja.

⁴¹Diikat

Adapun hukum dusun yang tiada bertuannya, maka oleh seseorang duduk ia pada dusun itu, maka dimakannya buah-buahannya dan dijualnya. Maka datang tuannya, itu pun dapat juga didakwa oleh tuannya. Demikian lagi, segala orang yang kena murka raja, maka lari ia daripada negeri itu ke negeri lain, sebab takut mati; maka dusun dan kampungnya itu tinggallah. Maka diambil oleh orang dusunnya, atau kampungnya itu. Itu pun dapat didakwa oleh tuannya itu, kerana haknya. Itu pun jikalau tiada diberi tahu orang. Jikalau diberi orang tahu kepada hakim, maka disuruh hakim kembalikan kepada tuannya jua, demikianlah hukumnya.

Fasal pada menyatakan hukum tanah perhumaan atau bendang atau sawah ladang. Adapun tanah itu atas dua bagai. Satu, "tanah hidup"; kedua, "tanah mati". Adapun "tanah mati" itu, tiada siapa yang empunya; tiada ada alamat empunya dia, nescaya tiadalah lagi perkataan atas tanah itu. Jikalau diperbuat huma, atau dusun, atau kebun, tiada siapa lagi dapat berkata akan dia. Itulah "tanah mati" namanya. Maka akan "tanah hidup" itu, ada alamatnya daripada berbagai pohon kayu kebun yang dimakan buahnya, atau ada alamat tempat perahu di situ. Maka jikalau digagahi orang perbuat kampung, atau rumah, atau huma di atas tanah hidup itu, didenda oleh hakim sepuluh emas akan orang itu. Adapun jikalau diperbuatnya dusun, lalu didakwa oleh yang empunya tanah, maka diberi oleh hakim akan harganya tanah itu tiga bahagi; akan yang empunya tanah sebahagi, dan dua bahagi akan orang yang menanam dia. Adapun jikalau diperbuat huma atau sawah pada "tanah hidup" itu, dengan tiada setahu yang empunya tanah, maka didakwa oleh yang empunya itu, jika digagahinya, kena denda sepuluh emas. Adapun jikalau tanah huma yang ditinggalkan oleh tuannya itu, jika diperbuat kebun atau sebagainya, setahil sepaha didenda oleh hakim kerana menggagahi yang empunya tanah itu, melainkan dengan suka yang empunya tanah itu juga maka tiadalah lagi perkataan. Itulah hukum "tanah hidup". Maka tetap kah hukum itu pada negeri dan dusun dan anak sungai sekalian pun dihukumkan oleh hakim.

Fasal pada menyatakan hukum bergadai dusun, atas dua perkara - suatu, harus ganda; kedua, tiada harus ganda. Adapun yang harus ganda itu, iaitu seperti seseorang bergadai dusun kepada orang atau kampung. Maka tanamannya yang ada itu tiada berbuah kepada yang memegang gadaian itu selamanya. Maka berapa tahun dinantikan tiada juga berbuah, maka iaitu dapat digandakan oleh yang empunya emas itu. Adapun yang tiada dapat digandakan itu, seperti nyiur dan pinang, atau durian, atau sadapan, tiada dapat lagi digandakan hukumnya. Jikalau

digandakan diberi tahu kepada hakim, maka dihukumkanlah oleh hakim akan lawannya itu. Adapun jikalau ia mendapat barang suatu benda yang ghaib⁴² pada kampung yang dipegang gadai itu, dibahagi tiga hukumnya; kepada yang empunya kampung sebahagi, pada yang memegang gadai itu dua bahagi, kerana lagi ia menunggu pada tempat itu. Demikian lagi barang sesuatu dianugerahi orang besar-besar, jikalau ia mendapat dibahagi tiga; dua bahagi akan yang mendapat, sebahagi akan yang empunya, demikianlah hukumnya.

Fasal yang menyatakan hukum kerbau atau lembu. Adapun jikalau kerbau atau lembu ditambat pada jalan orang lalu-lalang, maka kerbau atau lembu itu ditanduknya orang, maka luka orang itu; dendanya setahil sepaha pada yang menambat itu. Jikalau mati orang yang ditanduknya itu, kenalah denda seharganya dengan orang itu. Jikalau merdeheka yang mati ditanduk kerbau itu, kenalah seperti adatnya, kerana taksir ia menambat kerbau itu pada bukan tempatnya itu, demikianlah hukumnya.

Demikian lagi, kerbau lembu yang nakal ditambat pada hutan yang bukan tempat orang lalu-lalang, maka ditanduknya orang, maka orang itu luka atau mati. Maka dibunuh kerbau atau lembu itu, tiadalah perkataan lagi. Demikianlah hukumnya itu. Jikalau jahat kerbau itu menanduk sesama kerbau, tiada lagi dapat ditangkap, jikalau dibunuh orang, kenalah setengah harganya. Adapun jikalau kerbau menikam kerbau bendahara, atau temenggung, atau penghulu bendahari, atau syahbandar, masuk ulur jua, demikianlah hukumnya; tetapi jikalau kerbau itu menanduk kerbau orang lain daripada itu, tiadalah masuk ulur, melainkan mengganti kerbau atau lembu orang itu barang berapa patut harganya, akan dendanya sepuluh emas.

Adapun jikalau kerbau itu sangat menakal masuk pagar orang atau barang sebagainya, pada malam atau siang tiada lagi dikandangan oleh tuannya, maka jikalau dibunuh orang kerbau itu pada malam, tiada lagi mengganti. Adapun jikalau dibunuh kerbau itu pada siang, pada ketika ia masuk pagar, kena setengah harganya jua. Adapun jikalau dibunuh orang kerbau itu di padang atau pada jalan daripada sakit hatinya, kena seharganya kerbau itu jua, dengan tiada bersalahan lagi harganya itu. Adapun jikalau seseorang membunuh kerbau orang lain pada kandangnya itu, kena seharganya kerbau orang itu, lagi denda setahil sepaha pada yang membunuh kerbau itu. Adapun jikalau seseorang membunuh kerbau yang makan padinya, maka bertemu ia di padang atau di hutan,

⁴²Ganjil; luar biasa; jarang didapat

maka dibunuhnya kerbau itu. Itu pun kena separuh harganya jua, lagi didenda sepuluh emas oleh hakim, kerana angkara kepada hidup-hidupan orang. Demikianlah hukum kerbau lembu orang itu.

Adapun jikalau seseorang itu mencuri kambing orang besar-besar, kena denda sepaha dan harga kambing itu pun dibayar seharganya juga. Jika kambing orang lain, sekadar sepenuh harganya dibayar pada yang empunya kambing itu; maka tiadalah kena denda lagi padanya. Adapun jikalau seseorang mendapat kerbau yang liar yang tiada masuk kandangnya, maka dibayar sepertiga harga kerbau itu. Adapun jikalau kerbau itu liar sangat, dikira-kira atas harganya kerbau itu. Jikalau harganya tengah tahlil, dibayar seemas sepaha pada orang yang mendapat itu akan upahnya. Jikalau harganya kerbau itu sepaha, diberi dua kupang akan upahnya. Adapun jikalau kerbau itu jalang tiada lagi dapat melihat orang, sama bahagi harganya; sebahagi itu akan upahnya. Demikianlah hukum kerbau lembu, tiada lagi bersalahan.

Fasal pada menyatakan hukum huma ladang yang terbakar oleh orang lain. Jikalau hangus, tiada lagi salahnya. Adapun jikalau tiada hangus, disuruh orang itu memerunnya hingga sudah jika tanah huma itu orang kaya-kaya yang empunya. Adapun jikalau huma itu orang kebanyakan yang empunya dia, sekadar setengah perunnya juga disuruh oleh hakim, yang membakar itu memerunnya.

Demikian lagi hukum memagar huma tiada bersama dengan teman yang banyak sama berhuma itu. Adapun hukum pagar huma itu, jikalau orang lain sudah memagar, maka ada seorang yang sama berhuma itu tiada memagar lagi, maka dimakan babi atau dimakan kerbau padi orang lain yang sama berhuma itu, maka ia kena mengganti padi orang yang dimakan binatang itu, kerana taksir sebab ia tiada memagar itu. Maka jikalau habis padi orang itu dimakan oleh binatang, maka kena ia mengganti semuanya, demikianlah hukumnya.

Adapun hukum orang mencuri pagar huma atau pagar tanaman orang; jikalau bertemu dengan tuannya, maka dirampas barang yang dibawanya itu seperti keris, atau golok, atau parang, atau kapak, sekaliannya diambil oleh yang empunya pagar itu daripada orang yang mencuri itu, diikat sikunya, dibawa kepada tuannya, itulah hukumnya.

Fasal yang menyatakan hukum orang mendapat orang binasa dan orang lapar, sebab negeri bermusuh maka mahallah harga padi, beras. Adapun jikalau negeri itu bermusuh atau datang bala Allah taala ke atas raja-raja dan orang besar-besar di dalam negeri itu, lalu laparlah segala manusia di dalam negeri itu, kerana tiada ada makanan. Maka kata segala orang yang lapar daripada yang miskin, yang daif dan fakir,

"Ambillah kami akan hamba tuan. Tuan hambalah tuan kami; berilah kami makan. Jikalau kami diberi makan, juallah tuan hamba akan kami". Maka diberinya makan orang yang daif itu oleh segala yang ada menaruh makanan.

Hatta, maka negeri pun pulihlah daripada bala lapar itu. Maka oleh yang empunya makanan itu, hendak dijualnya orang itu. Maka yang hendak dijual itu pergi mengadu kepada hakim. Maka tiada diberi oleh hakim jual orang itu, kerana ia berjanji itu pada masa daruratnya; hanya disuruh oleh hakim bayar setengah harganya jua kepada yang empunya makanan itu. Adapun jikalau iaitu hamba orang, tiada diberi makan oleh tuannya, maka hak makanannya itu disuruh oleh hakim mengerjakan kerja-kerja yang empunya makanan itu selama empat musim. Sudah habis empat musim, maka dikembalikan kepada tuannya oleh yang empunya makanan itu. Adapun jikalau mati dalam suruhan yang empunya makanan itu, jikalau dengan setahu hakim, tiadalah lagi kena harganya hamba orang itu. Jikalau tiada setahu hakim, hamba orang itu mati, kena setengah harganya jua hamba orang itu pada yang empunya makanan; kerana jikalau ditebus pun simati itu, hilang juga emasnya.

Adapun akan orang yang karam di laut, maka dapat diambil oleh seseorang di tengah laut itu. Maka kata orang yang karam itu demikian, "Ambillah hamba oleh tuan hamba, hendak dijual baik, hendak diperhamba pun baik. Daripada hamba mati dalam laut ini, baiklah tuan perhamba". Maka diambillah oleh orang itu akan dia dan diberi makan. Maka disuruhnya bekerja atas barang kerja yang empunya jong atau balok itu.

Hatta, beberapa lamanya, maka sampailah ia ke negeri orang. Maka hendak dijual akan dia oleh orang yang mendapatnya karam di laut itu. Maka orang yang hendak dijual itu pun pergi mengadukan halnya kepada syahbandar. Maka dihukumkan oleh syahbandar kena setengah harganya jua seperti adatnya, tiadalah diikut kata orang yang karam itu, kerana tatkala itu darurat namanya, maka barang kata dikatakannyalah. Adapun jikalau orang karam itu berperahu, sekadar beras jua yang tiada kepadanya. Maka didapat orang yang belayar di laut, lalu ia minta ambil kepada nakhoda jong atau balok itu. Maka diambil oleh nakhoda itu akan orang yang karam itu. Beberapa lamanya, maka sampai ke negeri orang, maka dihukumkan oleh hakim akan sekalian merdeheka itu sepaha juga pada seorang. Jika abdi kena tiga emas pada seseorang, tiada lagi lebih daripada itu membayar kepada nakhoda itu, dan lagi membayar harga makanan kepada nakhoda itu atas barang patutnya,

demikian itulah adatnya.

Adapun jikalau menaung pada pulau dengan sebab angin, yakni takut binasa, maka kenalah orang itu - jikalau merdeheka lima emas pada seorang; jikalau abdi tujuh emas pada seorang. Adapun jikalau nakhoda itu menahan, sebab hendak membaiki jong atau balok itu, tiadalah lebih lagi hukumnya, kerana taksir nakhoda akan jong dan baloknya.

Adapun hukum pengail, jikalau ia karam, maka tiada lagi ia berperahu. Maka didapat orang perahunya pengail itu, maka kena tebus seorang sepaha jua. Jikalau ada ia dengan perahunya, tetapi layar dan pengayuhnya tiada padanya, maka kena tebus dua emas pada seorang, demikianlah hukum orang pengail itu. Maka hukum ini terserah pada syahbandar juga.

Adapun hukum orang mendapat perahu; apabila lalu ke laut atau sungai, maka tebusnya itu setengah harganya jua. Jikalau besar perahu itu, dan panjangnya perahu itu enam depa atau tujuh depa, sekupang tebusnya. Adapun jikalau perahu itu kecil, dua kenderi tebusnya, itulah adatnya. Adapun tiada harus ditebus atas dua perkara jua. Pertama, perahu itu dikerat orang talinya, lalu dihanyutkan; jikalau jauh sekalipun tiada harus ditebus oleh tuannya. Kedua, perahu dicuri orang maka dibawanya, lalu dibuangkan sekalipun tiada hanyut jauh, itu pun tiada harus juga ditebus oleh tuannya. Demikian lagi perahu raja atau orang besar-besar dalam negeri, itu pun tiada juga harus ditebus, melainkan jikalau ada derma kurnia raja atau orang besar-besar itulah jua akan orang yang mendapat dia, demikianlah adatnya.

Adapun orang mendapat sampan orang hanyut, jikalau jauh hanyutnya itu, tetapi lagi kelihatan dari darat, maka di dalam sampan itu ada harta, maka dipinta oleh tuannya. Maka harta itu dibahagi sepertiga akan yang mendapat sampan di laut itu, dan tebusnya itu pun dibayar juga. Adapun jikalau hanyutnya sampan itu ke laut, tiada kelihatan dari darat, maka harta yang ada di dalamnya itu, hukumnya sepertiga juga; sebahagi akan tuannya, dua bahagi akan yang mendapat sampan itu. Demikianlah hukumnya, kiaskanlah sebarangnya pun, kerana harta itu sudah hilang maka didapat orang. Jikalau digagah pula oleh yang empunya, maka diberi tahu kepada hakim oleh orang yang mendapat perahu itu, maka dihukumkan oleh hakim seperti yang tersebut dahulu itu juga.

Fasal pada menyatakan hukum nakhoda mencuri dengan atau hamba orang di dalam negeri orang. Jikalau hamba raja dicurinya itu, harus nakhoda itu dibunuh. Adapun jikalau dengan itu hamba bendahara

atau hamba orang besar-besar, maka kena nakhoda itu dendanya sepuluh tahlil sepaha. Adapun jikalau dengan itu hamba bentara, atau yang dibela oleh rakyat, dicuri oleh nakhoda, dikembalikan dengan itu, serta didendakan nakhoda itu seharganya dengan itu juga. Adapun jikalau nakhoda mencuri dengan syahbandar, maka hukumnya dirampas segala hartanya, atau didenda sepuluh tahlil sepaha, melainkan ampun orang besar-besar juga akan dia, demikianlah hukumnya.

Adapun hukum nakhoda melarikan buka batangan atau cukai itu, jikalau ia datang pula lagi ke negeri itu, maka dirampas hukumnya; jikalau tiada dirampas didenda sekati lima, kerana iaitu mendayakan negeri orang. Dalam pada itu pun, melainkan ampun dan kurnia raja-raja juga lagi, dan syafaat syahbandar akan dia; kerana biadab lakunya di dalam negeri orang itu.

Fasal pada menyatakan hukum orang berwakil itu tiga perkara. Adapun jikalau orang itu berwakil dan yang diwakilkan itu daripada emas, perak, kain, beras, kerbau, atau sesuatu barang sebagainya, maka kata yang berwakil itu, "Hamba minta berikan emas ini kepada saudara hamba itu". Maka oleh yang memegang wakil itu diberikannyalah kepada saudara orang itu. Maka suatu pun tiada perkataan lagi. Maka jikalau diberikannya kepada tangan anak yang berwakil itu, maka oleh anaknya itu habislah dimakan dan dibelanjakannya emas itu. Dalam antara itu, maka ditanya oleh yang berwakil itu, "Sudahkah tuan hamba sampaikan yang hamba wakulkan itu kepada saudara hamba itu?" Maka kata orang yang membawa wakil itu, "Sudah hamba berikan emas itu kepada tangan anak tuan hamba, di hadapan si anu". Maka kata yang empunya emas itu, "Hamba suruh berikan kepada saudara hamba, mengapa pula tuan hamba berikan kepada anak hamba?" Maka jadilah keduanya berbantah, lalu diadakan kepada hakim.

Maka disuruh oleh hakim pinta surat wakil itu kepada yang memegang wakil itu. Maka kata wakil itu, "tiada bersurat". Maka tiadalah lagi ia mengganti emas itu. Jikalau ada ia bersurat, tatkala dilihat oleh hakim dalam surat itu - disuruh berikan kepada saudaranya, tiada disuruh berikan kepada anaknya. Maka digagahi oleh hakim, disuruh panggil anaknya itu. Maka disuruh kembalikan oleh hakim ganti emas itu kepada yang memegang wakil bapanya itu. Adapun yang demikian itu, jikalau masyhur fiil anaknya itu jahat, maka demikianlah hukumnya. Jikalau tidak anaknya itu masyhur jahat fiilnya, akan emas itu setengah dipintanya kepada yang memegang wakil itu.

Perkara yang kedua; jikalau ada semua di dalam negeri itu, anak yang berwakil dan orang yang berwakil itu semuanya dipanggil oleh

hakim, dipersemukakannya dengan yang memegang wakil; maka tiadalah lagi ia mengganti kepada yang empunya emas itu.

Perkara yang ketiga, jikalau anaknya itu beraib perbuatannya, maka kenalah dakwanya yang berwakil itu kepada yang memegang wakil itu. Adapun jikalau anaknya itu suruh pinta emas itu kepada yang memegang wakil bapanya itu kepada orang yang lain, maka anaknya itu baik, tiada ia jahat; maka dipinta oleh orang itu emas bapanya itu kepada yang memegang wakil itu; tatkala orang itu meminta emas bapanya itu diberinya tahu kepada hakim, dan oleh yang memegang emas bapanya itu diberinya tahu kepada hakim, dan oleh yang memegang emas wakil bapanya itu pun pergi memberitahu hakim pula. Maka diserahkan harta bapanya itu kepada anaknya itu. Maka tiada dapat lagi didakwa oleh bapanya itu, jikalau habis emas itu sekalipun tiada lagi berlaku dakwa-dakwi kepada yang memegang wakil itu, kerana sudah setahu hakim, lepaslah taksir daripadanya itu. Demikianlah hukumnya wakil itu, wallahu 'alam bissawab bilkhairi wassalam.

Tamat naskhah Kanun pada masa Alung Saidul Rahman, anak Alung Pandak, anak Dato' Guna, anak Daung, menjadi raja Kelantan; tatkala dibahagikan Allah taala kepada tangannya Kelantan itu, pada tiga puluh haribulan Rejab, tahun "kura-kura", pada hijrah Nabi salallahu alaihi wassalam seribu seratus enam puluh delapan, pada tahun "Nun"; tatkala sampai daulatnya Sultan Abdul Rahman itu pada memerintahkan Kelantan tujuh tahun, pada tahun "ular seni", maka fakir yang hina menyurat kanun ini dan undang-undang dibawahnya bagi barang siapa yang memerintah di bawah raja; kerana firman Allah: *Ya Dawud inna jaalnaka khalifat fi al-ard fahkum bayna al nasi bi alhaq*. Dan lagi firman-Nya: *La tahsabann Allaha ghafilan amma yamalun Innama yu'akhhiruhum liyawmin tasykhasu fihi al-absar*". Ertinya, Jangan engkau sangka bahawa Allah taala itu lalai barang diperbuat orang zalim itu, tetapi kamu tangguhkan hari yang berbalik-balik di dalamnya segala pemandangan, yakni di Padang Mahsyar wasalallahu 'ala Muhammad wa 'ala 'alibi wasahbihi wassalam – tamat.

Dengan kurnia Allah, telah selesailah menyalin Kanun, kepada delapan hari bulan Safar, sanah 1317, hari Khamis, jam pukul dua belas sesuku – Umar bin Muhammad Ali yang menyalin, adanya.

Tertulis pada 22 hari bulan Muharam tahun 1318.

Lanjutan dari Hukum Kanun Melaka

Fasal yang kedua puluh lima, pada menyatakan hukum wali. Apabila ada perempuan itu berbapa atau nenek, atau bersaudara laki-laki, itulah akan walinya perempuan itu. Jikalau anaknya itu bikir, maka tiada jadi syarat pada bertanya relanya itu. Adapun jikalau bikirnya itu ada ia besar, yakni akil baligh, maka sunat ditanya redanya itu; tetapi jikalau tiada ditanya pun harus, hanya tiada beroleh sunat pada suatu qaul zahir. Adapun akan neneknya itu daripada pihak laki-laki, maka harus bersuamikan dengan tiada anak perempuan yang bikir itu, iaitu daripada cucunya; kerana bagi nenek itu *wali mujbir*, iaitu menggagahi.

Adapun anak perempuan baligh itu, ia dengan izinnya jua maka harus dipersuamikan akan dia; kerana ia dengan izinnya itu, serta bagi sah kahwinnya itu. Adapun bagi yang kecil itu, belum lagi baligh, jikalau ia rela, tiada sah bapanya dan neneknya beri suami akan dia. Jikalau ada ia dengan izinnya sekalipun, tiada dapat dinikahkan dengan laki-laki itu; demikianlah hukumnya, melainkan pada qaul yang sah.

Adapun syarat baligh itu tiga perkara: Satu, dengan genap umurnya lima belas tahun akhirnya itu; kedua, dengan ada ia hadir; ketiga, ada tumbuh jerawat di mukanya, itulah alamat baligh itu ada. Adapun pada hukum wali itu sama ada perempuan itu daripada pihak laki-laki itu kedua bernama *wali mujbir*. Adapun akan saudara bapa dan nenek itu *wali akrab* namanya. Adapun ertinya akrab itu, iaitu keluarganya yang hampir jua, harus mereka itu wali. Adapun jikalau tiada *wali akrab* dan *wali mahjub*, maka harus hakim akan walinya itu.

Adapun syarat hakim akan wali itu, tatkala tiada diperoleh wali yang akrab, kedua, perkara jauh negeri itu dengan wali perempuan itu ada sehari semalam, hingga saqasar lamanya jauh negeri itu dengan wali perempuan itu; tatkala itu hakim itulah akan walinya. Ketiga, tiada dapat daripada perempuan itu berkeluarga iaitu yatim; itu pun hakim jua akan walinya.

Adapun jikalau hasillah segala syarat yang tersebut itu, maka berlakulah nikahnya itu kepada kita *billahi taala*. Adapun lafaz ijab kabul itu pada kahwin – adapun erti ijab kabul itu, seperti dikata oleh walinya: "Ku persuamikanlah anakku si anu, dengan encik anu". Maka jawab mithali itu, seperti yang tersebut dalam hadis, "*Qabiltu tazwijaha*", yakni "Telah ku terima ia akan isteriku". Itulah ijab kabul namanya.

Adapun jikalau ada bapanya itu fasik, seperti zina dan minum arak dan tuak, atau barang sebagainya daripada kerja yang haram, itu pun tiada harus akan walinya perempuan itu. Adapun pada suatu qaul dan

suatu wajah, dapat perempuan itu berwakil akan yang fasik. Demikianlah jikalau ada saudaranya itu fasik, hakim jua akan walinya itu. Demikianlah hukum wali itu maka sah nikahnya itu.

Fasal yang kedua puluh enam, pada menyatakan saksi pada nikah. Adapun sekurang-kurangnya saksi pada kahwin itu empat orang. Jikalau tiada, dua pun jadilah. Maka jikalau seorang daripada dua itu tiada, tiadalah sah nikahnya, kerana tiada saksi; itu pun yang harus akan saksi itu orang yang salih dan dan adil, dan laki-laki yang mursyid dan merdheka. Jikalau abdi dan perempuan, tiada sah saksi akan dia, melainkan pada dua jalan jua – satu, saksi hadir; kedua, saksi jauh, tiada lagi lain daripada itu. Adapun akan kahwin itu, tiada harus bersaksi kepada abdi, dan fasik, dan perempuan, atas qaul zahir. Adapun erti makna jauh, tiliklah saksi itu hukumnya.

Fasal yang kedua puluh tujuh, pada menyatakan hukum *khiar* itu. Mahu perempuan ataupun laki-laki, atas lima perkara aibnya: Pertama, aib gila; kedua, *baras*, yakni sopak atau kedal; ketiga, aib *rotak*; keempat *koron*, yakni tumbuh tulang pada farajnya; kelima kebiri. Adapun kebiri itu lemah zakarnya, seperti orang *rotak* hukumnya, dan *adham* demikian jua, iaitu tiada sah kahwin dengan dia itu. Adapun jikalau dikahwin oleh laki-laki itu, tiada orang beri tahu kepadanya, maka antara itu dilihat oleh laki-laki itu akan perempuan itu *baras*, maka *zawallah* kahwinnya itu, yakni binasa kahwinnya itu. Tiada kena atas laki-laki itu isi kahwinnya itu lagi, tiadalah kahwin, *fasakh* namanya.

Demikian lagi, tatkala seorang laki-laki *baras*, maka diketahui oleh perempuan itu akan aibnya laki-laki itu, maka tiada orang memberi tahu ia akan aib laki-laki itu kepada perempuan itu, maka kahwinlah ia. Setelah pulang ke rumahnya perempuan itu, maka tiada kabul perempuan itu, lalu diberinya tahu hakim. Itu pun terurai kahwinnya itu.

Demikian lagi hukum pada *ahdam*, dan *rotak*, dan kebiri, dan lemah zakarnya, maka sekalian itu *fasakh* nikahnya. Adapun pada suatu qaul pula, akan orang yang lemah zakar itu, disuruhkan berubat akan zakar itu setahun. Jikalau tiada sembuh berubat, maka difasakhlah nikahnya itu. Adapun akan *baras* dan *adham*, dalil itu jikalau reda perempuan itu, maka tiada *fasakh* nikahnya mereka itu, kerana reda perempuan itu, maka tiada *fasakh* nikahnya, kerana reda akan salah seorangnya itu, dengan diketahui perempuan atau laki-laki itu. Maka tiada lagi *khiar* daripada demikian itu atas qaul yang sah. Adapun jikalau diperoleh aib tatkala dalam laki-laki itu *difasakhkannya*, maka

diberi oleh perempuan isi kahwinnya akan laki-laki itu. Demikian lagi jikalau ada aib laki-laki, dan perempuan itu pun *difasakh*kannya atas isi kahwin daripada laki-laki itu. Demikian lagi atas barang yang diperoleh aib sesudah kahwin, sekalian *fasakh* jua. Itulah hukum *khair* atas tiap-tiap kahwin. Demikianlah hukumnya.

Fasal yang kedua puluh delapan, pada menyatakan talak itu dua perkara: Satu, *talak bain*; kedua, *talak rajii* namanya. Adapun *talak bain* itu, iaitu seperti talak yang tiada lagi akan kembali, yang dapat kembali itu *talak rajii* namanya. Adapun talak seseorang perempuan dengan talak tiga itu, tiadalah dapat lagi kembali. Jikalau ia hendak kembali jua, maka kahwinkan dengan laki-laki yang lain daripada suaminya itu. Maka diedahkan dengan adat merdeheka, tiga bulan sepuluh hari. Sudah itu, maka dinikahkan dengan suaminya itu pula. Inilah *talak bain* namanya, itulah hukumnya. Kemudian, jika berkelahi laki isteri, dalam daruratnya bercerai. Maka tiada diberi oleh hakim. Jikalau ia tiada mahu berpandangan, maka perempuan itu disuruh hakim taruh pada walinya sementara dahulu.

Adapun jikalau ada laki-laki yang pergi berlabuh di negeri lain, tinggal isterinya di rumah, maka laki-laki itu hendak cerai dengan isterinya, lalu ia pun berkirim *talak bain* atau *talak rajii* akan isterinya, serta dengan surat kata-kata yang mutlak dalamnya. Maka oleh perempuan itu dibawanya kepada hakim, maka dilihat oleh hakim, adalah cita talaknya, serta maksud seperti yang tersebut di dalam surat itu, putuslah cerainya itu.

Adapun jikalau ada laki-laki berkirim talak akan isterinya daripada sebuah negeri, jikalau dengan suratnya, tiada sah talaknya itu kepada hakim. Adapun *talak rajii* itu, iaitu seperti seorang perempuan talak ia dengan satu talak, atau dua talak, maka adalah edahnya daripada tiga bulan sepuluh hari itulah. Jika ada laki-laki itu hendak kembali, tetapi hendaklah laki-laki itu memberi belanjanya akan perempuan itu maka dapat ia kembali; kerana sudah ia memberi edah seperti adatnya maka harus ia kembali, maka tiada seperti hukum *talak bain* itu lagi.

Demikian lagi, tiada harus kahwin dengan perempuan Majusi. Adapun harus kahwin dengan Ahlil Kitab; demikianlah hukum Allah taala. Jikalau laki-laki merdeheka, harus kahwin dengan abdi itu, melainkan dengan empat syarat jua maka harus. Adapun syaratnya merdeheka itu harus kahwin dengan abdi, sebab kerana tiada tertahan nafsu itu, harus kahwin dengan abdi. Kedua syaratnya, kerana sebab tiada kuasa ia memberi isi kahwin perempuan merdeheka, itu pun harus kahwin dengan abdi. Adapun syarat yang keempatnya, bahawa diislam

akan dia perempuan abdi itu, maka harus dia kahwin dengan abdi itu; demikianlah hukum merdeheka laki-laki kahwin dengan abdi itu. Adapun jikalau tiada seperti syarat itu, ada ia kuasa memberi isi kahwin perempuan merdeheka, maka ia hendak kahwin dengan abdi, tiada sah nikahnya itu atas qaul yang sah.

Adapun akan perempuan merdeheka itu boleh duduk dengan laki-laki abdi, itu pun jikalau ada dengan syarat diperolehnya; pertama, ada redanya perempuan merdeheka itu akan laki-laki abdi itu; kedua, disukakan oleh segala keluarganya itu, maka beroleh kahwin dengan perempuan itu. Jikalau tiada dua syarat itu, nescaya terurailah kahwinnya mereka itu atas qaul yang sah, wallahu a'lam bissawab.

Fasal yang kedua puluh sembilan, pada menyatakan hukum segala gantang cupak, kati dan tahlil, dan segala pasar. Sekalian itu pada syahbandar jua hukumnya; demikian juga atas nakhoda, jong, balok, atau barang sebagainya yang bernama perahu, mahu yang besar atau yang kecil. Apabila datang sesuatu perkataan atasnya, atau daripada berkelahi, berbantah, atau luka-melukai di antara sama-sama dagang, kerana hutang-piutang, atau sebab-sebab yang lainnya, itu pun terserah atas syahbandar jua menghukumkannya.

Fasal yang ketiga puluh, pada menyatakan hukum orang yang berniaga, dan segala yang mengambil riba. Adapun hukum berniaga, yang tiada sah berniaga itu bagi orang gila; dan tiada sah berniaga kanak-kanak yang belum baligh. Tiada sah berniaga orang yang mabuk arak dan tuak, tiada sah berniaga dengan sekaliannya itu; melainkan orang mabuk arak yang berjual itu mahu tentu yang dijualnya, anjing atau babi dan segala yang haram, sekalian itu haram. Adapun segala yang dikatakan seperti gajah atau binatang kenderaan dan barang yang ada seperti itu sah berniaga.

Bermula, berniaga yang dapat dikuasakan mahulah sah akan dia; dan tiada sah berniaga berjual hamba orang lain, oleh tiada bertentu tempatnya, tiada kuasa menaruh akan dia.

Bermula adalah benda yang hendak dijualnya itu, melainkan akan dirinya atau ia wakil, seperti benda kotak-kotak yang kecil, bapanya atau neneknya menyuruh berjual dia, atau wakil disuruh berniaga. Jikalau tiada dengan syarat ini, tiada sah kanak-kanak berniaga. Kedua, janji yang berjual dan yang membeli, maka berucap ia, ada dengan tiada pada harganya. Itulah adatnya.

Fasal yang ketiga puluh dua, pada menyatakan orang yang mufliis. Barang siapa yang berjawab piutangnya daripada hartanya, oleh segala yang empunya harta mufliis itu daripada melakukan kehendak

dalam harta, maka ditahan hakim *muflis* itu daripada melakukan kehendaknya dalam hartanya itu.

Apabila seseorang daripada yang empunya harta mendapat aib, tiada dalam harta *muflis* itu bagi ia mengambil kembali hartanya, jika ia hendak pintakan mengambil hartanya, yakni bendanya itu, apabila didapatnya setengah hartanya itu yang tinggal, diambil dan dihargakan segala yang nyata dengan yang empunya harta, kemudian daripada ditahani oleh hakim, tiadalah segala fasal kelakuannya dalam hal hartanya itu. Tiada sah ia memberi dagangan itu pada kanak-kanak dan orang gila, dan orang yang bergagah kelakuan dalam hartanya, sehingga *muflis* daripada jalannya itu.

Kemudian daripada ikrar dalam segala harta, tiada sah *suluh*⁴³ dalam mungkir, dan pada orang yang tiada bertentu. Bermula sah *suluh* itu atas enam bagai: satu, seperti hukum berniaga emas; kedua, seperti hukum yang memberi; ketiga, hukum *muflis* akan hutangnya; keempat seperti meminjam; kelima, seperti hukum yang upahan.

Adapun yang pertama, seorang menuntut rumah kepada tangan seorang, diikrarkan rumah itu, maka *disuluhkan* rumah itu atas tiga rial yang empunya rumah itu memberi, itulah adatnya *suluh* itu. Seperti hukum berniaga, dapat memberi jika diturutnya pada ketika itu, atau berjanji tiga hari; yang kedua bagai, jika menuntut seorang laki-laki seratus dinar emas maka diikrarkan, ia *disuluhkan* dengan seribu dirham, seperti hukum berniaga emas perak; ketiga, bagai, jika *disuluhkan* dengan lima dinar emas, adalah hukumnya seperti *mufliskan* setengahnya; keempat bagai, hukum seorang laki-laki menuntut rumah atau kampung akan tuntutannya, maka *disuluhkan* setahun kemudiannya, adalah hukumnya seperti yang dipinjamnya; yang kelima, jika *muddai*⁴⁴ dengan *muddaa alaih*⁴⁵, dipersembahkan hambanya daripada rumah kepada seorang bagainya setahun, adalah itu "ijazah" namanya, yakni didakwanya oleh seorang laki-laki kepada seorang laki-laki, ikrar ia; tetapi *muddaa alaih* dipersahkan hamba itu setahun lamanya, tiadalah diberi oleh *muddai* akan hambanya itu, sebab setahun di kediaman *muddaa alaih*, adalah "salah ijazah" namanya.

Jika seseorang laki-laki menuntut rumah atau kampung, maka ikrar ia; maka *disuluhkan*, atas setengahnya, adalah seratus dinar memberinya. Tiadalah *suluh*, melainkan pertamanya hendaklah berpatutan,

⁴³Tolak ansur

⁴⁴Yang didakwa

⁴⁵Yang mendakwa

harus mengaku hutang orang lain. Apabila diketahuinya harus mengaku baginya, dan kadar tunai berapakah benda yang diaku itu sah diakui oleh yang mengaku, melainkan yang berlaku kelakuannya dalam hukum syarat.

Bermula bagi yang empunya emas itu menuntut emasnya, yang berhutang mengaku. Apabila dengan pesuruh yang berhutang, diberinya- lah hutangnya. Maka dipintanya pembayarnya yang mengaku dia di- pintanya kepadanya. Hukumnya, seperti dirinya tiada harus mengaku emas atau daripada perak.

Bermula harus mengaku tunai daripada bertanggung dalam hal tunai, tiada mengaku harta kuasa, tiada harus. Fardu itu seperti suatu tuntutan, belum nyata tiada harus diaku.

Bermula tiada harus mengaku orang yang tiada tentu yang diaku, atau yang mengakuinya. Peri meminjam tiada akuannya dengan dia, hendaklah kekal benda itu. Tiada harus seperti meminjam bunga, kerana tiada kekal adanya.

Bermula tiada harus yang meminjam atau dipinjamkan itu, segala benda yang dipinjam tiada dikembalikan benda yang dipinjam itu kepada yang meminjamkan – "Inilah bendanya yang dipinjam itu". Jika hilang atau binasa, jika tiada taksirnya sekalipun benda yang dipinjam, jika diberinya semuanya itu, mestilah yang dipinjam itu, jika tiada dengan taksirnya, hendaklah dengan peramunya.

Bermula jikalau seseorang laki-laki menyuruhkan seorang laki-laki pergi kepada suatu tempat akan pekerjaan, diberinya kenderaan kenaikannya, maka mati atau binasa kenderaan itu, sudahlah! kerana dalam pekerjaan yang menyuruh itu.

Fasal yang ketiga puluh empat, pada menyatakan amanat orang yang hendak mati. Apabila ia berpetaruh amanat pada seseorang, hendaklah dengan saksinya, atau dengan surat, maka sempurna amanat itu. Jika diterimanya, hendaklah diturutnya seperti amanatnya, maka dipeliharakan seperti amanat itu pada memelihara akan hartanya seperti yang diamanatkan itu. Maka jadi binasa amanat itu dengan tiada taksirnya benda itu; menyalahi jika dipakai oleh orang yang menaruh amanat itu. Jika dipakainya iaitu binasa, hendaklah dikekalkannya. Apabila ia hendak belayar, maka yang menerima amanat itu dikembali- kannya kepada yang diamanatkan itu. Jika tiada yang diamanatkan, maka diwakilkannya kepada kadi atau imam; lepaslah ia daripada tanggungannya. Jika dibawanya belayar, jika binasa disengajakannya, salahnya itu.

Bermula, jika beramanat pada orang pelayaran, barang ke mana ia

hendak pergi dibawanya. Jika berkata orang yang menerima amanat, bahawa sudah kembali amanat itu kepada orang yang empunya harta, saksi tiada. Antara keduanya bersumpah; yang menaruh amanat tiada pada sumpah, hendaklah saksinya pun bersumpah, hilanglah harta itu. Jika tiada ada saksinya bersumpah, didakwanya.

Bermula maka berkata yang menaruh amanat, bahawa sudah hamba kembalikan pada encik anu. Dengan katanya itu, maka mungkir yang empunya itu bersumpah. Yang memegang wakil orang, tatkala ia akan mengembalikan kepada warisnya hendaklah dengan surat serta saksi. Demikianlah hukum kias segala yang tersebut.

Fasal yang ketiga puluh lima, pada menyatakan ikrar, dan perkara seteru pada hak Allah, seperti minum arak, tuak dan zina; keduanya itu hak manusia. Adapun hak Allah itu dikabulkan, jika kembali itu pun tiada dikabulkan.

Bermula tiada sah ikrarnya, melainkan dengan tiga perkara: satu, belum baligh, daripada kanak-kanak; kedua, orang gila; ketiga, orang yang digagahi. Bermula jika ikrar pada harta demikianlah, hendaklah ikrarnya - "Si anu empunya dia". Jika ikrar tiada bertentu, tiada kenyataannya. Bahawa hukum ikrar sahaja daripada kesakitannya.

Fasal yang ketiga puluh enam, pada menyatakan peri hukum orang yang murtad. Apabila seseorang Islam itu murtad, disuruh ia taubat tiga kali. Jika tiada ia mahu taubat, dibunuh pada hukum Allah; dan jangan disembahyangkan, dan jangan ditanamkan di kubur Islam, pada hukum Allah.

Bermula orang yang sembahyang atas dua perkara: Meninggalkan, dan tiada iktikadnya pada fardu sembahyang. Dalam iktikadnya bahawa sembahyang, fardu disuruh ia sembahyang. Jika tiada ia sembahyang oleh kesakitan, tiada ia mengingkar. Jika tiada demikian, disuruh taubat murtad tiga kali. Jika sembahyang, baik pada jalan itu; jika tiada mahu sembahyang dengan demikian itu haruslah ia dibunuh, pada hukum Allah. Mayatnya ditanam pada kubur sama Islam, demikian hukumnya.

Fasal yang ketiga puluh tujuh, pada menyatakan hukum saksi, yang harus atas empat martabat: pertama, tahu akan halal dan haram; kedua, tahu akan sunah dan fardu; ketiga, tahu ia akan salah dan benar; empat, tahu ia akan baik dan jahat; itulah yang harus diperbuat saksi.

Adapun pada menyatakan saksi, tiada diwakilkan, melainkan terhimpun pada saksi itu atas lima perkara: Pertama, Islam; kedua, baligh; ketiga, akil; keempat, adil; kelima, bersih daripada dosa kecil dan dosa besar, dan baik kelakuannya dan fikirannya, dan memelihara

akan lakunya dan namanya. Kiaslah dalam antara itu.

Bermula tiada pada zina itu terupakan, melainkan empat orang laki-laki; jika tiada empat, dua orang laki-laki, pada segala hadiah. Seperti orang peminum arak dan tuak, pencuri dan menyamun, dan membunuh orang, dan murtad, dan qisas pada nyawa dan anggota, dan pada orang yang bermukah, dan ikrar pada segala perkelahian nikah dan talak, dan Islam, dan amanat, dan wakil, dan wasiat, dan ikrar pada segala perkara ini; dan melihat bulan Ramadan dengan seorang pun padalah.

Bermula tiada sabit, melainkan dua laki-laki atau seorang; tiada sabit dengan perempuan sebanyak-banyaknya pada berniaga dan merdeheka akan waliah utama, jadi merdeheka ia.

Bermula sumpah dipersiar pada menuntut darah, atau nikah dan talak pada kembali pada isterinya, atau merdeheka, atau pada harta yang banyak, jika emas dua puluh *mithqal*; akan sangkal itu kurang sesuku dua emas. Jika seperti benda yang dimerdehekakan, jika ada harganya dua puluh *mithqal* emas, peria sumpah yang dipersiar, harga sekehendak yang menyuruh bersumpah; atau di dalam masjid di hadapan sidang Jumaat atas mimbar. Jika segala pekerjaan yang tiada berhal dalamnya, atau harga kurang daripada dua puluh *mithqal* emas, atau pada benda kurang harganya daripada dua puluh *mithqal* diingatkan sumpah dengan menyebut nama Allah, "Aku tiada demikian itu"; atau "Tiada hartamu pada aku". Maka lepaslah yang dituntut itu daripada tuntutan itu. Saksi pada hak Allah taala, seperti minum arak dan tuak, dan zina, pada sekalian yang tiada hak manusia, tiada demikian. Jika berkata dengan ditanyai hakim, *saksi fudhul* namanya.

Bermula jika saksi itu berdusta, ia *ditakzirkan* oleh hakim, didirikan. Jika sangat dosanya, ditulis mukanya dibawa berkeliling pada segala pekan sekehendak hakim akan dia, kerana yang *ditakzirkan* sebab tiada tentu sekehendak hakim akan dia. Jika dipalu, jangan sampai kepada dua puluh palunya. Pada segala pekerjaan yang tiada dihadkan tuntutannya, dosanya dikenakan *takzir* betapa kehendak hakim; didirikan di hadapan Jumaat, maksudnya menjadi dipermalui.

Bermula apa pun yang hendak menuntut itu datang ke hadapan hakim, disuruh berdiri, kemudian disamakan duduknya dengan yang dituntut. Sudah itu, keduanya disuruh berdiri, lalu berkata hakim, "Siapa yang menuntut pada antara kamu kedua?" Jika penuntut ikrar, maka ditanya hakim, "Adakah saksimu?" Jika ada saksi, maka disuruh bersemuka. Yang dituntut hendaklah bersumpah pada benarnya. Maka dihukumkanlah oleh hakim akan orang yang berbicara itu.

Bermula, haram pada hakim menerima hadiah orang yang membawa hadiah kepadanya. Jika benda makanan dan belanja baitulmal sekalipun, tiada harus mengambil hadiah itu. Jika hakim dengan sebenarnya yang bernama "kikol" itu, diambilnya pemberian orang, maka dihukumnya bukan dengan sebenarnya. Hadiah itulah yang memenangkan si pemberi hadiah, itulah "kikol" namanya. Itulah yang haram atas segala hakim mengambil dia.

Fasal yang ketiga puluh sembilan, pada menyatakan apabila akil baligh seseorang membunuh Islam dengan bersahajanya, laki-laki atau perempuan, kecil atau besar, maka dibunuh ia itu.

Bermula, tiada harus Islam dibunuh sebab membunuh kafir; dan tiada harus merdeheka dibunuh sebab membunuh abdi; dan tiada harus bapa dibunuh sebab membunuh anaknya. Kepada hakim demikianlah kiasnya.

Bermula, jika Yahudi membunuh Nasrani, atau kafir Majusi sekalipun dibunuhnya itu, tiada dengan setahu orang banyak; dalam pada itu, maka tahu orang. Jika ia menjadi Islam sekalipun, dihukum akan dia seperti hukum Allah jua.

Fasal yang keempat puluh, pada menyatakan hukum zina atas dua perkara: satu, *muhsana* namanya, yakni laki-laki yang sudah beristeri, atau perempuan yang sudah bersuami, dengan nikah yang sah; dan yang kedua, tiada *muhsana*, yakni laki-laki yang belum beristeri, dan perempuan yang belum bersuami.

Bermula, yang *muhsana* direjam, dilontar dengan batu sehingga mati; yang tiada *muhsana*, hadnya dera seratus kali palu, dibuangkan keluar negeri itu setahun lamanya. Adapun yang *muhsana* itu, empat perkara: pertama, Islam dan baligh; dan berbudi; dan tiada gila.

Bermula, hamba perempuan hadnya setengah denda merdeheka, lima puluh palu. Adapun hukum yang kedua, menyertai binatang, seperti dalam zina jua. Jika tiada setubuh, sekadar peluk cium jua, dihukumkan hakim zina. Ikrar itu, dengan empat orang saksi berkata: "Salam – melihat orang zina itu seperti jolok masuk ke percelakan". Maka ditanya hakim akan zina itu. Maka dihukumkan seperti adat yang tersebut jua.

Fasal yang keempat puluh satu, pada menyatakan peri hukum orang memaki orang "Haram jadah". Seseorang memaki seorang, maka mungkir yang memaki itu; daripada saksi tiada antara itu, suatu kebenarannya tiada ia memaki. Maka didera delapan puluh palu.

Bermula, jika ada saksi yang dimaki itu, maka dihukumkan oleh

hakim orang yang memaki itu demikian jua; dan jikalau hamba orang yang memaki sesama hamba orang, dipalu empat puluh kali.

Bermula, apabila sesama abdi atau kafir, maka ada dengan salahnya, maka dihadkan oleh hakim orang yang dipermaki ditakzirkan oleh hakim. Demikianlah hukumnya.

Fasal yang keempat puluh dua, pada menyatakan hukum orang minum arak dan tuak. Maka barang siapa minum arak dan tuak, dan barang minuman yang mabuk, jikalau merdeheka – empat puluh kali palu didera akan dia. Jikalau abdi, dua puluh kali akan deranya. Adapun jikalau abdi, dihadkan dua perkara: satu, dengan ikrar atau dengan dua orang saksi laki-laki. Jika tiada dengan dihadkan, dicium dengan bau tuak mulutnya, maka hukum padanya.

Bermula, pada menyatakan orang mengambil upahan naik kayu. Adapun jikalau menebang kayu, jikalau ada diupah oleh seseorang akan hamba orang lain, maka dengan tiada setahu tuannya, jikalau mati ia, diganti orang itu dengan setengah harganya. Adapun jikalau adalah adat hamba orang itu sediakala ia pergi mengambil upah kepada seseorang, maka tiada ia diseksa oleh orang yang tinggal. Maka didapat oleh seseorang, tiada diseksanya apabila iaitu bekerja salah; dan jika diseksanya, jikalau sepuluh, dua akan dia. Demikianlah hukumnya benda yang didapat oleh orang itu.

Bermula, jika orang merdheka menggagahi anak orang, atau saudara orang, maka dihukumkan mati seorang jua. Adapun jikalau ada kasih keluarganya, maka didudukannya, kemudian belanjanya dan isi kahwinnya digandakan; itulah adatnya, kalau ia mahu nikah. Jikalau ditinggalkannya, maka dipalu dan dinista, dan dikias oleh keluarganya, selaku-laku salah kepada hakim. Jikalau kembali, ia dibunuh.

Bermula, jika orang itu merampas, jikalau harga sekeping pitis sekalipun dengan nama rampas, kalau terbunuh orang yang merampas itu, mati sahaja; kerana penyamun namanya, kerana ada pun rampas itu, sedikit sama, banyak pun sama.

Bermula, jika orang berjudi, dan bercuki, dan bertaruh, dan bermain pasang bercucuk daun; menyabung, sekaliannya itu judi jua namanya. Kemudian jika ia berbantah atau berkelahi, maka ia datang mengadu kepada hakim dirampas hukumnya. Jika melawan dibunuh, itulah hukumnya. Adapun permainan yang tiada dapat diadakan kepada hakim, jikalau ia bertaruh sekalipun barang siapanya, hanya dua perkara: Pertama, catur atau cuki, permainan orang besar-besar itu, yang tiada boleh kamu adukan kepada hakim.

Bermula, akan segala orang berhutang berapa lamanya, sekalian

hutangnya itu sekali ganda juga adatnya oleh orang yang berpiutang itu. Bermula, segala orang yang berhutang, apabila tiada tahu anak isterinya, tiada harus ditunggu kepada anak isterinya itu. Jikalau ada ia menunggu anak isteri orang berhutang itu pun ada saksinya, haruslah ia menunggu, itulah hukumnya.

Fasal yang keempat puluh empat, begitulah banyaknya undang-undang negeri – pada menyatakan segala yang berhutang. Maka yang berhutang itu ada anak isterinya; lakinya masuk kerja dalam, tetapi hutang itu sama bininya, yang bekerja luar. Maka mati ia dalam kerja yang empunya emas itu, maka tiada harus ditempatkan kepada anak isterinya hutang itu, melainkan dibahagi tiga, yang satu bahaginya membayar dia; yang dua bahagi itu hilang; itulah adatnya.

Bermula segala yang berhutang itu, isteri tiada harus diperniagai, hilang emasnya kerana merdheka. Adapun barang benda yang dihilangkannya itu, salahnya. Apabila tiada terbayar olehnya dinaikkan kepada hutangnya. Apabila perempuan bujang berhutang jikalau dipernikahi; jika dinikahi ia, hilang emasnya itu akan belanjanya. Jika tiada mahu laki-laki itu menikahi perempuan itu, hilang emas itu setengah; itulah adatnya.

Bermula, segala hamba orang yang lari dari benua satu, dijual orang. Kemudian bertemu dengan tuannya, lalu ditebusnya seperti harganya begitu jua; itulah adatnya. Adapun segala hamba orang yang lari dari benua satu kepada benua satu, harganya itu empat puluh. Jikalau tuannya hendak menebusnya, seperdua harganya. Jika dari benua lain kepada benua lain, itu pun demikianlah jua; itulah adatnya.

Bermula, jikalau hamba orang merdheka mengambil hamba raja, maka iaitu menjadi hamba raja hukumnya. Jikalau hamba orang mengambil hamba raja, hukumnya dipalu seratus kali. Barang siapa memalu hambanya maka mati, salah kepada hukum Allah, dibunuhnya, atau dihukumkan lima tahlil sepaha; dan barang siapa memalu hamba dan juak-juaknya tiada dengan salahnya, salah pada bumi tamsilnya. Jikalau ia salah sekalipun, tangkap bawa pada orang memegang hukum. Jikalau patut dihukum mati, matilah. Jikalau patut kena hukum dihukumnya; kerana hukum itu raja yang empunya hukum akan segala hamba yang salah. Adapun segala hamba kamu yang salah itu, hendaklah tegur ajari oleh kamu sekalian, kerana pada yaumul kiamat, atas batang leher kamu tergantung pekerjaan itu; itulah adatnya.

Bermula menitahkan hamba sekaliannya, Sultan al adil kamil Sultan Muzaffar Syah *mulkahu wa Sultan wa qadi ala al barri, ya' adlahu wa insanahu ya lahu*, mengikut perintah ayahanda baginda Sri Sultan

Mahmud, *Khalifah mukminin zilullah fil alam*, melakukan hukum Allah taala di dalam dunia dan di dalam akhirat pada segala hamba Allah, *ta'zim liamrillah wa syafa' at ala khaliqi*, demikianlah amar bil ma'ruf wa naha 'anil munkar.

Bermula hamba pun melakukan hukum Allah hendaklah akan kebajikan kepada segala rakyat. Adapun barang siapa melalui firman Allah taala dan sabda Nabi Muhammad salallahu alaihi wassalam, barang siapa menolak dan melebihi berbuat sekehendaknya itu, hukumnya didera atau didenda seperti emas perak. Jika demikian lagi dibuatnya, jikalau bandar itu berniagaan timah, seberat timah seratus, tengah tiga belas rial horak⁴⁶nya. Jikalau seratus ribu, selaksa sekalipun, tiada lebih daripada bilangan itu lagi. Barang siapa tiada menurut dia, derhakalah ia kepada Allah dan kepada duli raja kita. Hukumnya mati, dan rumahtangganya masuk bendahari.

Bermula, jika hamba raja dicuri orang, didapat orang hamba raja itu, esa pulang dua kali tujuh. Jikalau hamba raja yang belum kerajaan, sekali tujuh jua; dan akan hamba menteri, esa pulang lima; dan hamba sida-sida, esa pulang tiga. Adapun jikalau hamba sekalian bala tentera sahaja, dan malas dibunuh hukumnya.

Adapun jikalau hamba orang lari, jika di dalam kota, maka orang yang mendapatnya itu, hendaklah membawanya ke jambatan besar. Jikalau bertemu dengan tuannya, hendaklah diberinya pendapatannya itu barang berapa patutnya kepada syahbandar, tiada harus diseksakan dia. Jika tiada bertemu dengan tuannya lepas tiga hari itu, maka dibawanya kepada hakim, dan jikalau tiada dibawanya kepada hakim, salah ia; kena salahnya orang itu setahil sepaha; itulah adatnya.

Bermula, jika hamba orang terpalu kerana mulutnya, cedera lalu mati. Dengan itu separuh harganya tetapi pada hukum Allah, yang membunuh itu dibunuh pula. Demikianlah jika dimakinya merdeheka oleh hamba orang itu, demikian juga adatnya seperti yang tersebut dahulu itu jua. Demikianlah hukum kiasnya.

Bermula daripada zaman purbakala adatnya, segala anak orang yang keluaran, anak orang besar-besar sekalipun, tiada boleh memakai gelang kaki emas, melainkan anak raja-raja jua memakai dia. Bermula, segala orang beremas itu tiada dapat dipakainya, seperti yang telah dilarangkan dahulu itu. "Inilah bahana kami raja, daripada bala tenteranya sekalian itu. Kami pinta kepadanya sekalian; kerana kami sekalian pun raja yang turun temurun jua". Demikianlah titah duli yang dipertuan.

⁴⁶ Penjelasan denda

Wassalamu bilkhairri ajma'in. Insya Allahu taala ati'ullaha wa ati'urrasula wa ululamri minkum.

Bermula pada segala menteri, dan sida-sida, bentara dan bala tentera sekalian, hendaklah diturutnya seperti firman Allah dan sabda nabi kita Muhammad salallahu alaihi wassalam, dan berbuat *amar bil ma'ruf wa naha 'anil munkar* itu dilakukannya. Inilah pekerjaan raja-raja dan segala menteri, dan orang yang memegang pekerjaan raja-raja itu, hendaklah dari pagi hari kamu sekalian duduk di balai, masing-masing kepada jabatannya; kerana hamba Allah itu banyak disuruhkannya kepada raja-raja, disuruh ke balai. Jika dapat, hendaklah segala kamu ke balai itu, saksi akan pekerjaannya daripada barang suatu halnya dalam dunia, supaya ringan dalam akhirat. *Wasalallahu 'ala saiyidina Muhammad wa alihi wa sahbihi ajma'in birahmatika ya arhamarrahimin.*

Tamat al-Kitab Undang-undang Negeri, wallahu a'lam. Bermula yang menjunjungkan titah ini Hang Sidi Ahmad namanya, anak Inang, pada zaman Duli Yang Dipertuan Sultan Mahmud Syah ghaza Bintan, tatkala memerangi kafir laknatullah, mengadap baginda itu; titah menghukumkan segala orang tertawan. Adapun akan segala biduanda huru-hara, dan rakyat raja pulang ke bawah duli yang dipertuan tiada bertebus, dan segala orang keluaran tengah tahil emas tebusnya; yang kecil sedikit dua emas; yang lagi menyusu seemas, itulah adatnya.

Bab ini peri denda: Anak raja-raja sekati lima tahil; lantunnya empat tahil emas; pemakan tengah tiga puluh rial. Adapun akan faedah sekati itu, ke bawah duli yang dipertuan; yang lima tahil itu akan mendalika, dan lantunnya empat tahil itu akan menteri; yang pemakan tengah tiga puluh emas akan temenggung. Adapun akan denda sepuluh tahil itu, tengah tiga tahil emas itu, lantunnya dua tahil, dan pemakan sembilan emas, tiga "busuk". Adapun faedah yang sepuluh tahil itu, ke bawah duli yang dipertuan, yang tengah tiga tahil itu akan mandalika, lantunnya dua tahil itu akan menteri; yang pemakan sembilan emas tiga "busuk" itu akan temenggung.

Bermula denda tujuh tahil sepaha itu akan lantunnya setahil emas, pemakan empat emas tiga "busuk". Adapun yang tujuh tahil itu, ke bawah duli yang dipertuan, dua tahil akan mendalika, lantunnya setahil sepaha akan menteri; yang pemakan tengah empat puluh perak itu pada temenggung. Demikianlah adatnya akan undang-undang Melayu yang dititahkan duli yang dipertuan, yang tersurat atas kertas ini, kelimpahan pada segala negeri kepada suatu negeri; daripada suatu dusun kepada suatu dusun, pada segala takluk rantau, dan segala anak sungai sekaliannya. Barang siapa melalui seperti yang tersebut dalam undang-

undang ini, ataupun jikalau tiada diturut, telah derhakalah ia ke bawah duli yang dipertuan, kerana undang-undang itu pun turun temurun daripada Sultan Mahmud Syah, hingga sampai dua puluh tiga raja datang sekarang ini, tiada boleh diubahkan adat undang-undang ini kepada segala raja-raja yang besar-besar itu, kasarlah ia dengan bala tenteranya dan sekaliannya. Maka kita minta kepada Allah, supaya jangan berbuat aniaya kepada hamba Allah, nescaya kararlah kepada pekerjaan kamu masing-masing. *Wasalallahu 'alaihi wa sahbihi ajma'in. Birahmatika ya arhamarrahimin. Tamat al-kalam.*

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR

Sain Abu Bakar

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim

*Alhamdulillah rabbil 'alamin assalatu wassalamu 'ala saiyidina
Muhammadin wa'ala alihi wa sahabihi ajma'in.*

Alwatik billah Abu Bakar bagi kerajaan dan jajahan Johor dan segala daerah takluknya, Sultan dan Yang Dipertuan, Raja dan Kepala bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati, dan Raja dan Kepala bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

Seru Bukaan Bahawa adalah kita dengan hak dan kuatkuasa kerajaan kita, dan kelebihan-kelebihan kita menjadi raja yang memerintah dan memiliki kerajaan Johor ini dan segala daerah takluknya, serta pula dengan syor persekutuan dan persetujuan sekalian ahli-ahli Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan kita, dan lain-lain orang-orang besar dan ketua-ketua negeri telah menimbang, memikir dan mengatakan patut, harus, serta munasabah dengan masa dan zaman ini akan kita; dengan nama, dan bagi, dan kerana pihak diri kita; dan bagi, dan kerana pihak waris-waris ganti-ganti kita, raja-raja yang memerintah, atau Sultan-sultan Johor yang membuat, menjadi, mengada dan mendirikan, dan mengurnia, memberi, menganugerah dan menghadiahkan kepada, dan bagi, dan kerana penggunaan kerajaan rakyat dan isi negeri kita, suatu undang-undang dan peraturan bagi memerintah dan mentadbirkan kerajaan, yang dinamakan dia "Undang-undang Tubuh Kerajaan"; iaitu yang akan berkekalan dan berpanjangan turun-temurun menjadi dan bersifat undang-undang bagi kerajaan negeri dan rakyat kita; menjadi suatu pesaka yang tiada boleh diubah, dipinda, ditukar, diorak, dipecah atau dengan sebarang jalan atau rupa perbuatan dibuka semula, atau dibinasakan adanya.

Kenyataan Dan, bahawa adalah kita dengan nama dan bagi, dan kerana pihak diri kita sendiri; dan bagi, dan kerana waris-waris dan ganti-ganti kita, raja-raja yang memerintah dan memiliki kerajaan ini, iaitu Sultan-sultan Johor, berkenan, suka dan reda berbuat seperti yang tersebut di atas tadi.

Kenyataan Dan, bahawa adalah pula orang-orang besar dan ketua-ketua kerajaan kita, dengan nama dan bagi, dan kerana pihak dirinya sendiri; dan bagi, dan kerana ganti-gantinya masing-masing, serta sekalian isi negeri dan rakyat kerajaan kita, demikian juga suka, reda, sedia dan taat pada berserta dengan, dan mengikut akan kita, dalam maksud dan kehendak kita yang demikian iaitu, ialah seperti permohonan, dan maksud dan kehendak mereka itu sekalian juga.

Kenyataan Dan, bahawa oleh kerana kita sendiri dan mereka yang tersebut sangat-sangat berkehendak dan memulai mengadakan "Undang-undang Tubuh Kerajaan" itu, pada masa yang baik ini, maka kita permulakanlah dengan panca-panca peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti yang ada tersebut di bawah ini, iaitu ialah barang yang kita fikirkan, timbangkan, sifatkan yang terutama dan yang teraula dikehendakkan supaya menjadi asas, pandu dan teladan bagi ketetapan dan ketentuan perintahan dan tadbir kerajaan kita.

Titah Sekarang pun ketahui olehmu sekalian rakyat kerajaan kita, daripada sekalian pangkat dan bangsa dan agama, dan ketahui jua sekalian yang berkenaan dengan negeri, jajahan dan tanahair kita, bahawa sesungguhnya kita buat dan jadikan barang-barang yang tersebut di bawah ini orang-orang yang benar, betul, teguh, tentu dan tetap bagi negeri dan kerajaan kita, iaitu haram, dayus, derhaka dan berdosa bagi siapa orang yang enggan daripadanya dan yang mengingkarkan dia.

Makna-makna bagi Perkataan-perkataan

- (a) "Raja", maknanya yang memerintah kerajaan Johor dan segala jajahan dan daerah takluknya, yakni Sultan dan Yang Dipertuan Johor.
- (b) "Waris", maknanya anak raja yang bakal ganti raja.
- (c) "Waris yang kedua", maknanya anak raja yang setingkat di bawah "waris".
- (d) "Waris yang lain", maknanya seorang anak raja yang dikatakan boleh mengambil tempat "waris yang kedua" dan "waris", yakni yang boleh menjadi "bakal", jika tempat-tempat dan pangkat yang demikian itu tiada berisi.

- (e) "Menteri-menteri", iaitu ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri, dan yang ada dalam bilangan "Jemaah Menteri".
- (f) "Ketua-ketua", iaitu ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang tiada di dalam bilangan "Jemaah Menteri" dan pegawai-pegawai yang lain, yang terjumlah besar pangkatnya, serta orang-orang kaya dan penghulu besar yang berpangkat seperti mereka itu.
- (g) "Jemaah Pangkuan Negeri", iaitu ahli-ahli daripada dua pangkat yang tersebut di dalam (e) dan (f), ialah yang dikatakan di dalam hukum syarak *Ahli al Hal wal aqad*", yakni orang yang layak, yang boleh bersuara di dalam pekerjaan memilih raja, dan melantik dan menjadikan raja, dan dalam perkara besar-besar yang menghendaki apa yang dikatakan fikiran dan timbangan orang ramai atau isi negeri.

Anak-anak raja yang laki-laki, sampai tiga keturunan daripada pemerintah kerajaan Johor, dimulai dari al-Marhum Abdul Rahman, membawa kepada al-Marhum Ibrahim, dan Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar, yakni zuriat-zuriat masing-masing itu hingga tiga tingkat ke bawah (anakanda-anakanda; cunda-cunda, dan cucunda-cucunda) ada sekaliannya termaklum dan terkandung dalam jemaah ahli-ahli "Jemaah Pangkuan Negeri"; akan tetapi di dalam hal memilih, melantik dan menjadikan raja, hanya yang ada berkuasa, iaitu mana-mana daripadanya yang ada pada masa itu menjadi menteri-menteri, atau ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, atau pegawai-pegawai yang terjumlah besar pangkatnya, seperti di dalam (e) dan (f).

Undang-undang

- Syarat-syarat Itu Undang-undang Juga**
1. Segala syarat-syarat yang ada di atas ini disifatkan dia seperti suatu bahagian daripada "Undang-undang Tubuh Kerajaan" itu, iaitu di mana-mana yang ada berkenaan di dalamnya.

Raja dan Kerajaan

- Pemerintah Melayu dan Raja Agama Islam**
2. Raja itu hendaklah daripada bangsa Melayu dan darah raja berketurunan daripada pemerintah-pemerintah Johor, dan laki-laki, dan beragama Islam; dan demikian juga

pihak-pihak yang dikatakan "waris", dan "waris yang kedua", dan "waris yang lain".

**Zuriat
Sultan Abu Bakar**

3. Raja itu (di belakang daripada masa raja yang ada ini) hendaklah daripada zuriat, yakni keturunan daripada tubuh badan, darah daging, Yang Maha Mulia Sultan Yang Dipertuan Abu Bakar ibni al-Marhum Ibrahim, dan hendaklah yang demikian yang diakui sebenarnya sah dan halal; dan adalah zuriat yang boleh menjadi raja itu, daripada anak, cucu, cicit dan sebagainya yang keturunan daripada sebelah laki-laki dahulu, lepas satu keturunan lain pula hingga akhirnya; yakni tiada sekali-kali boleh, dan tiada sah di perajakan yang lain daripada zuriat Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar itu, selagi ada keturunannya seperti yang tersebut. Melainkan dikecualikan pada tentang seseorang keturunannya yang ditimbang dan ditentukan, kemudian daripada sehabis-habis dan secukup-cukup siasat oleh Jemaah Pangkuan Kerajaan. Tiada layak dijadikan raja, iaitu yang ada kecacatan yang besar-besar dan berat-berat, yang menyalahi sifat-sifat raja, seperti gila; dan buta; dan bisu; atau mempunyai sifat-sifat yang kejian, yang tiada dibenarkan oleh hukum syariat menjadi raja.

**Zuriat Almarhum
Ibrahim dan
Almarhum Abdul
Rahman**

4. Jikalau pada suatu masa telah habis, dan tiada lagi tinggal keturunan zuriat Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar; atau jikalau adapun, tiada layak diperajakan, oleh kerana sebab-sebab yang tersebut dalam fasal yang ketiga di atas itu, hendaklah dipilih dan dilantik, dijadikan raja seorang anak raja laki-laki daripada

keturunan zuriat al-Marhum Temenggung Ibrahim. Maka jikalau tiada pula, atau tiada yang ditimbangkan lain daripada keturunan zuriat al-Marhum Ibrahim itu, hendaklah dipilih dan dilantik, dijadikan raja seorang laki-laki daripada keturunan zuriat al-Marhum Temenggung Abdul Rahman; dan salah satu daripada hal ini, hendaklah dijadikan raja itu yang sebenarnya daripada darah yang diakui sah dan halal.

**Memilih Raja
Jikalau Tiada
Keturunan
daripada Zuriat
Abu Bakar atau
Abdul Rahman**

5. Sekiranya sampai pada suatu masa, tiada seorang pun tinggal lagi daripada ketigatiga zuriat pemerintah-pemerintah yang tersebut dalam fasal-fasal yang telah lalu itu, atau jika ada pun, tiada yang mempunyai sifat-sifat seperti yang diwajibkan oleh undang-undang ini dan hukum syarak, maka terpulanglah hal memilih, melantik, dan menjadikan raja itu kepada maklum dan fikiran dan timbangan Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah Pangkuan Negeri, atau *Ahli al Hal wal akad*; akan tetapi adalah disyaratkan hendaklah diambil, dipilih, dilantik, dan dijadikan raja itu, seorang laki-laki yang cukup umur dan sempurna akal daripada bangsa Melayu Johor betul, dan rakyat kerajaan Johor, serta beragama Islam, dan ahli daripada darah yang merdeheka dan baik, yang diakui sah dan halal; dengan ada pula pengetahuannya boleh membaca dan menulis bahasanya; dan ada mempunyai nama, budi pekerti, tabiat, perangai dan tingkah laku yang baik dan kepujian. Maka jikalau diambil, dipilih, dilantik, dan dijadikan raja itu seorang daripada darah raja, akan termaklumlah yang demikian menjadi suatu kecualian atas

undang-undang yang tersebut dalam fasal yang kedua, dan sahlah, adanya.

Khianat daripada Waris yang di Bawah

6. Jikalau "Waris", atau "Waris yang Kedua", atau "Waris yang lain", atau seorang ahli daripada zuriat yang tersebut dalam beberapa fasal yang di atas tadi, membuat atau cuba hendak membuat sesuatu benda atau jalan atau ikhtiar yang bersifat khianat atas seseorang yang lebih hampir kedudukannya pada tempat kerajaan Johor daripada kedudukan dirinya sendiri, dengan niat hendak membinasakan ahli atau kerabat kerajaan yang lebih hampir itu, supaya dirinya sendiri, atau seseorang lain daripada keturunannya, atau seseorang daripada darah yang lain sekali, boleh dengan aturan, atau jalan, atau sebab khianat itu dapat menjadi raja; iaitu seperti "Waris" berbuat atas raja yang memerintah; atau "Waris yang kedua" berbuat atas "Waris"; atau atas salah satu daripadanya; atau "Waris yang lain" berbuat atas ketiganya itu, atau atas sesuatu daripadanya, atau keturunan yang jauh daripada tempat kerajaan, berbuat atas keturunan yang dekat, bagaimana yang ada ditentukan seperti cadangan-cadangan bagi giliran-giliran menjadi raja di antara zuriat-zuriat itu, maka adalah perbuatan yang demikian itu, ditimbangkan sebesar-besar jahat dan salahnya; dan adalah hukumnya di atas seseorang, atau sesuatu pasukan, berdosa. Jikalau bukan hukum mati, dikeluarkan dia daripada negeri, dan disifatkan dia dan sekalian keturunannya tiada sekali-kali mempunyai hak lagi boleh mewarisi takhta Kerajaan Johor; sekiranya sekali pun, peredaran hal-hal dengan kudrat Tuhan, membawa pesakanya

itu hingga seolah-olah sampai pada dirinya, atau keturunannya. Dan demikian jua, jikalau ada hak-hak yang diperolehnya daripada kerajaan, seperti pangkatnya, dan belanja hidupnya, akan diberhentikan dan dipulangkan kembali kepada negeri.

Gelaran Bakal Raja

7. "Waris" itu (seperti yang ada tersebut di dalam kenyataan B), digelar akan dia "Tengku Mahkota Johor", dan bermaknalah gelaran itu, yakni "Bakal Raja"; dan demikian tiadalah boleh dipakai oleh, atau diletakkan atas seseorang anak raja, yang bukan tertentu bakal yang akan menjadi ganti raja.

Bakal Raja Tiada Boleh Campur dalam Perkara Negeri

8. "Waris" itu tiada sekali-kali berkuasa, atau boleh campur dalam sesuatu perkara negeri atau kerajaan; melainkan jikalau ada titah perintah raja kepadanya, yang telah diberitahu kepada Jemaah Menteri; dan demikian jua "Waris yang kedua", dan "Waris yang lain", dan kerabat-kerabat raja yang lain.

Raja Dilantik Dahulu daripada Cukup Umur

9. Adalah raja itu, jikalau dilantik akan dia menjadi raja, dahulu daripada berumur genap dua puluh satu tahun, hitungan Islam, tiadalah disifatkan dia cukup umur. Maka dalam masa belum cukup umur itu, hendaklah ada seorang menjadi pemangkunya; dan pemangku yang demikian itu, hendaklah dijadi dan ditentukan dengan pilihan menteri-menteri kerajaan, sama ada daripada darah raja atau tidak.

Perbuatan Raja yang Belum Cukup Umur

10. Segala perbuatan-perbuatan raja yang kurang umur itu dalam perkara negeri, bertanggunglah di atas dan kepada pemangkunya. Maka jikalau tiada berbetulan pada

perbuatan-perbuatan itu dengan adat dan undang-undang itu, adalah hak dan kuasa bagi menteri-menteri menukar akan pe-mangku itu, dan menggantikan lain.

Raja Berangkat Belayar, Hendak Menentukan Pangkuan Raja

11. Jikalau raja berangkat dalam sesuatu pelayaran atau perjalanan meninggalkan jajahan Johor, yang jauhnya lima hari punya perjalanan atau pelayaran bagi hendak menyampaikan tempat yang dipergikan itu, iaitu dengan angkatan yang terlebih ringkas, dan anggaran lama pemergiannya pergi balik tiada kurang daripada tiga puluh hari; hendaklah ditentukan lebih dahulu daripada berangkat itu suatu Pangkuan Raja, dengan aturan-aturan bagaimana yang difikir patut pada masa itu. Maka ahli atau ahli-ahli Pangkuan inilah yang jadi ganti raja dalam sepeninggalannya, pada tentang pekerjaan-pekerjaan yang teradat bagi raja sendiri mengambil peduli di dalamnya.

Raja Meninggalkan Negeri Terlalu Lama

12. Jikalau raja meninggalkan negeri dan jajahan Johor lebih dari lima tahun daripada masa ia mula pertama bertolak dari negerinya, dan bersemayam di tempat atas di tempat-tempat orang lain, dengan tiada suatu kesakitan yang sebenarnya boleh menahan akan dia daripada balik, atau dengan tiada sesuatu keuzuran atau pekerjaan, hal yang menjadikan patut ia berlama-lamaan berhenti lagi di negeri atau di negeri-negeri orang; adalah hak dan kuatkuasa bagi Mesyuarat Kerajaan boleh mesyuarat pada menimbangkan hal itu, hingga dapat sesuatu ketetapan – adakah patut dinanti lagi akan raja berangkat balik – dan jikalau ditentukan patut dinanti lagi, bagi beberapa lamakah lagi patut dinanti itu; atau patut dan wajib

disifatkan halnya, yang sebenarnya tiada hendak balik lagi; dan demikian boleh dilantik dan diangkat akan gantinya.

Diangkat Raja Baharu

13. Jikalau kiranya dengan sebab ketiadaan raja bersemayam di dalam negeri dan jajahan Johor genap lima tahun lamanya, bagaimana yang tersebut di dalam Fasal yang Kedua belas di atas tadi, maka telah dilantik dan diangkat akan gantinya, akan disifatkanlah raja yang lama itu seperti sudah menarik diri daripada kerajaan, dan hak-hak dan tuntutan-tuntutannya atas kerajaan dan hal-halnya pada tentang kerajaan akan terjumlahlah pada keadaan seorang bekas raja juga, dan demikian akan termaklumlah ia pada undang-undang yang menentukan dan menghukumkan perkara-perkara yang berkenaan bekas raja.

Tiada Wajib Raja Baharu Mengembalikan Kerajaan

14. Jikalau kemudian telah dilantik dan diangkat akan raja baharu, maka balik bekas raja itu; tiadalah hal baliknya itu boleh mewajibkan turun raja gantinya itu daripada takhta kerajaan, dan menyerahkan kembali hak-hak kerajaan kepadanya, meskipun baliknya sehari sahaja pun di belakang daripada telah dilantik dan diangkat akan gantinya itu.

Raja Tiada Boleh Menyerahkan Negeri kepada Kerajaan Lain

15. Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan, atau berbuat sebarang perjanjian, atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri, atau sesuatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu, kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah, atau sebarang lain kerajaan atau bangsa, sama ada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi raja, atau oleh kerana tiada suka dia memerintah, atau oleh kerana hendak mendapat, mengambil, dan menerima

sebarang bayaran atau pencen daripada bangsa atau kerajaan lain; dan demikian juga adalah larangan dan tegahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat raja.

Maka jikalau dilalui atau cuba dilalui larangan dan tegahan ini, jika raja sendiri, disifatkan ia berdosa, memecahkan amanah yang diletakkan Tuhan atasnya, dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri menunjukkan setia lagi kepadanya; dan jika kerabat raja derhaka ia kepada raja dan kerajaan, dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut.

Menteri-menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri, Tiada Boleh Menyerahkan Negeri kepada Kerajaan Lain

16. Menteri-menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan, tiada juga boleh sekali-kali berikhtiar, atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang kuasa, atau kerajaan Eropah atau lainnya, dengan maksud hendak menyerahkan negeri dan Kerajaan Johor. Maka jikalau dilanggar atau dicubanya hendak melanggar akan larangan dan tegahan ini, terjatuhlah ia pada hukuman orang yang derhaka kepada raja dan kerajaan; dan bolehlah dihukumkan sekalian yang berdosa itu dengan hukuman yang berpadan dengan dosanya.

Raja Hendak Berhenti daripada Kerajaan

17. Jikalau raja itu pada sebarang masa ia di atas kerajaannya, tiada suka lagi menjadi raja, dan demikian hendak berhenti dan melepaskan hak-hak dan kuasa kerajaannya, sama ada keuzuran itu reda ia melahirkan atau tidak; bolehlah lepas atau berhenti daripada menjadi raja; serta adalah hak baginya boleh duduk di mana-mana tempat yang diperkenannya, sama ada di dalam jajahan Johor, atau di mana-mana negeri yang bermuhibah dan tiada berkelahi dengan kerajaan Johor.

**Raja Hendak
Berhenti daripada
Kerajaannya**

18. Jikalau pada masa raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaannya, ada ia di dalam negerinya sendiri, hendaklah dengan titah dan pertandaan dan persaksian bagi perbuatan itu, dengan surat yang bercap dengan cap besar kerajaan; serta dengan tapak tangan raja itu sendiri, dengan sekurang-kurangnya tiga orang menteri kerajaan hadir menyaksikan, dengan tandatangan masing-masing; dan hendaklah hal itu diberitahu dan dizahirkan oleh Jemaah Menteri kepada isi negeri, dengan seberapa segera; serta dinyatakan sekali, siapa yang menggantikan dia, iaitu jikalau sudah tentu gantinya dengan mengikut aturan undang-undang ini di atas hal yang demikian.

**Raja Hendak
Berhenti Tetapi
Tiada dalam
Negerinya Sendiri**

19. Jikalau pada masa raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaannya itu, tiada ia di dalam negerinya, yakni ada di sebuah negeri orang, tiadalah dipersyaratkan perbuatannya itu dengan aturan-aturan bagaimana yang ada disebutkan dalam fasal yang lalu tadi, melainkan manamana aturan yang patut, yang disifatkan sah sahajalah wajib dibuat dalam hal menentukan dan menyaksikan kelepasannya menjadi raja itu.

**Bekas Raja Tiada
Boleh Mencampuri
Dalam Perkara-
perkara Negeri**

20. Raja yang sudah menarik diri, dan berhenti daripada kerajaannya, seperti yang tersebut di dalam fasal yang ketiga belas, dan ketujuh belas itu, tiada sekali-kali boleh campur, atau ganggu, atau masuk mulut dalam sebarang perkara negeri dan kerajaan, sama ada ia duduk di dalam jajahan Johor atau jajahan asing; melainkan dengan permintaan raja yang memerintah yang telah menggantikan dia;

yang disertai oleh Mesyuarat Kerajaan, atau dengan permohonan Mesyuarat Kerajaan yang diterima dan diperkenankan oleh raja yang memerintah.

Bekas Raja Ada Hak Boleh Dapat Belanja Hidup

21. Bekas raja itu, sama ada ia duduk di dalam jajahan Johor atau tidak, adalah hak baginya boleh mendapat bagi belanja hidupnya, suatu bayaran daripada hasil negeri yang tiada lebih dari suku atau seperempat daripada jumlah yang ditentukan bagi angkatan hidupnya pada masa ia menjadi raja yang memerintah; serta pula ada hak boleh mendapat suatu rumah tempat kediaman yang layak baginya; jikalau ia duduk di dalam jajahan Johor, iaitu pada tempat yang berpatutan juga; dan belanja hidup yang demikian itu berpanjanganlah sampai mangkatnya, dan rumah tempat kediamannya itu, kemudian dari mangkatnya, akan terpulanglah menjadi pesaka kepada waris-warisnya, mengikut bagaimana hukum syariat.

Salah Besar Bekas Raja Mengancam Orang Suruh Menderhaka

22. Jikalau bekas raja itu mencampuri, atau mengganggu, atau masuk mulut dalam sebarang perkara negeri, tiada dengan syarat-syarat seperti yang tersebut dalam fasal yang kedua puluh di atas itu, adalah bagi kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya; dan lama masa tahannya itu terpulang maklumnya kepada raja yang memerintah dengan Mesyuarat Kerajaan. Dan jikalau bekas raja itu mengacum-acum orang pada berbuat derhaka, atau muafakat dengan sebarang orang atau kerajaan asing, dengan niat hendak berbuat atau mendatangkan kecederaan atas negeri atau faedah negeri, maka adalah hak bagi kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya,

serta memandang atasnya, dan menyifatkan dia seperti seorang yang berdosa kepada kerajaan.

**Tuntutan Hendak
Menjadi Raja Muda,
Bendahara dan
Temenggung, Ada
Hak bagi Raja
Boleh Menjadikan**

23. Tiada sekali-kali boleh menuntut, atau wajib, atau harus diterima tuntutan seorang kerabat raja berkehendakkan dirinya dilantik, atau dijadikan, atau digelar Raja Muda, Bendahara, atau Temenggung, atau sesuatu gelaran yang lain, yang pada zaman dahulu telah ada, atau telah biasa dipakai di dalam kerajaan Johor; akan tetapi adalah hak bagi raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan boleh melantik, menjadikan dan menggelar daripada kerabatnya yang jauh atau yang dekat, seorang Raja Muda, atau Bendahara, atau Temenggung, atau kedua-duanya, atau ketiga-tiganya. Maka dalam hal-hal yang demikian, adalah pangkat, martabat, jawatan pekerjaan, kuasa-kuasa hak-hak, dan lain-lain aturan, seperti berketurunan atau tidak gelaran atau pangkat yang demikian itu, semuanya dalam kuasa raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan, pada menentukan dan menetapkan pada masa melantik dan menjadikan itu. Dan lagi, adalah hak dan kuasa pada raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan, boleh memecat akan mereka itu, jikalau ada cukup kesalahan atau dosanya yang mengharuskan demikian.

**Pangkat dan
Jawatan-jawatan
Raja Muda,
Bendahara, dan
Temenggung**

24. Jikalau ada Raja Muda, Bendahara, dan Temenggung; adalah tertentu bagi ketiga-tiganya itu terjumlah pada ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri, dan adalah pangkatnya di antara masing-masing itu, bagaimana yang disebutkan aturan gelaran-gelaran di sini juga.

Belanja Raja

25. Adalah pada tentang raja yang dikurniakan Allah, Tuhan yang Maha Tinggi, dan dengan berkat Nabi Muhammad salallahu alayhi wassalam, dan lagi memerintah ini (iaitu kita, Abu Bakar, Sultan bagi kerajaan dan jajahan Johor, yang telah dengan sebab dan perkenan Tuhan Rabbul 'Alamin, telah menolong menjadikan kerajaan Johor apa yang ada rupanya ini, ialah bagi yang demikian mengucap kita syukur beribu-ribu syukur) dengan keredaan dan timbangan Mesyuarat Kerajaan kita, tiada ditentukan sesuatu jumlah wang yang tentu bagi belanja kita kerana istana-istana dan angkatan-angkatan tubuh badan kita sendiri; akan tetapi adalah kita dengan surat ini, menjadikan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang, bahawa bagi raja-raja Johor yang di belakang daripada kita, tiada sekali-kali boleh seorang pun mengambil dan memakai bagi penggunaan dirinya, satu duit pun lebih dari jumlah yang telah ditentukan daripada suatu masa kepada suatu masa oleh Mesyuarat Kerajaan.

Maka pada tentang itu, inilah pula kita jadikan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang, bahawa hendaklah jumlah wang yang ditentukan belanja raja itu sebenar-benarnya berpatutan, cukup dan padan dengan pangkat dan martabat kebesaran raja kerajaan, dan dalam aturan mematutkan berapa banyak belanja raja itu, tiadalah sekali-kali boleh diambil peduli atas apa-apa pendapatan raja itu, yang terbit daripada harta-harta dan hak-haknya sendiri, dan yang bukan hak kerajaan.

Belanja Kerabat Siapa yang Boleh Dapat

26. Belanja-belanja hidup bagi kerabat raja, semuanya terserah pada maklum raja, dengan syor dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan pada menentukan banyaknya; dan adalah kerabat-kerabat yang ditentukan ada hak boleh mendapat belanja-belanja

hidup itu, seperti di bawah ini:

- (1) Isteri raja yang bergelar sultanah atau permaisuri.
- (2) Putera-putera raja laki-laki dan perempuan.
- (3) Saudara-saudara raja laki-laki dan perempuan.
- (4) Ayahanda-ayahanda dan bonda-bonda saudara raja.
- (5) Anak-anak saudara raja yang sudah mangkat ayahanda atau bondanya. (Yang raja punya saudara-saudara benar seperti dalam fasal tiga itu) jika ada dua beradik atau lebih; boleh dapat sekurang-kurangnya setengah daripada pendapatan ayahanda dan bondanya yang sudah mangkat itu, iaitu dibahagikan diantaranya masing-masing dengan aturan yang berpatutan, jadi pemberian kerajaan bagi belanja hidupnya; istimewa dan terutama ditimbangkan hal-hal anak-anak saudara raja yang demikian itu kecil-kecil, atau yang perempuan yang tiada bersuami. Maka yang lain daripada yang tersebut ini, tiadalah sekali-kali hak atas belanja hidup daripada kerajaan; melainkan jika ada dikurniakan, ialah semata-mata oleh pandangan dan timbangan raja, dengan syor dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan. Adalah erti "Raja" itu, iaitu raja yang ada, tengah memerintah, atau yang sudah memerintah dan sudah mangkat.

**Anak-anak Raja
yang Pegawai**

27. Anak-anak raja (laki-laki) yang ada memegang jawatan-jawatan kerajaan.

boleh mendapat kurnia yang ditentukan bagi jawatan-jawatan itu, meskipun telah ada menerima belanja hidupnya daripada kerajaan, ialah keadaannya sama dengan pegawai-pegawai yang lain juga dalam yang demikian.

Jemaah Menteri

Menteri-menteri

28. Adalah menteri-menteri itu, iaitu dijadikan daripada pegawai-pegawai besar kerajaan, dan adalah termaklum hak baginya terjumlah menjadi ahli-ahli mesyuarat kerajaan. Maka tiap-tiap pegawai yang termaklum, ada kedudukannya menjadi menteri itu, hendaklah ada titah perintah raja, menyebut dan menerangkan yang demikian itu, supaya mengesahkan hak-haknya dan pangkatnya.

Berapa Orang Menteri

29. Hendaklah bilangan banyak menteri itu, tiada kurang daripada lapan orang, dan tiada lebih dari dua belas orang; dan adalah gelaran ketua daripada menteri-menteri itu, iaitu Menteri Besar (lain daripada gelarannya yang lain jika ada), dan dialah yang menjadi Yang Dipertua Mesyuarat Kerajaan.

Bangsa dan Agama Menteri-menteri

30. Hendaklah menteri-menteri itu daripada bangsa Melayu, rakyat Johor, dan beragama Islam. Dan adalah kuatkuasa undang-undang ini, membawa dan menarik ke belakang juga; yakni jika ada menteri yang bukan daripada bangsa, rakyat, dan beragama tersebut, tiadalah sah keadaannya itu, daripada masa diluluskan undang-undang ini; dan hendaklah disahkan semula dengan aturan-aturan yang membetuli akan dia.

**Menteri-menteri
Bersumpah**

31. Hendaklah tiap-tiap pegawai yang dijadikan menteri itu, mengangkat sumpah; dan sumpah itu, disahkan dengan tandatangannya dalam sebuah kitab yang ditentukan bagi itu, di hadapan dua orang saksi daripada pegawai-pegawai kerajaan, menyatakan dirinya sebenarnya daripada bangsa Melayu, dan rakyat Johor, dan agama Islam; serta mengaku bersetia dengan raja dan kerajaan.

**Keturunan Ahli
dalam
Jemaah Menteri**

32. Jikalau ada kekurangan bilangan dalam Jemaah Menteri itu, bolehlah dipenuhkan semula, dengan aturan sama ada dengan pilihan raja yang diperseiai oleh Jemaah Menteri, dan dengan pilihan Jemaah Menteri itu, yang diperkenankan, atau diakui oleh raja; dan hendaklah titah perintah menjadikan akan seseorang pegawai, dan memasukkan dia dalam Jemaah Menteri itu, dengan surat yang bercap dengan cap besar kerajaan, dan yang ada menyebut sekali nama jawatannya.

**Raja dan Jemaah
Menteri Menambah
Kekurangan
Jemaah Menteri**

33. Jikalau keduanya, raja dan Jemaah Menteri itu, berlain-lain memilih seseorang bagi mencukupkan bilangan Jemaah Menteri itu maka berselisih, yakni tiada sama pilihannya; akan terpulanglah maklum hal itu kepada raja dengan syor menteri besar, dan menteri besar pada menimbangkan dan menentukan siapa daripada dua itu munasabah dan baik diterima.

**Menteri Besar
dan Naib
Menteri Besar**

34. Adapun hal menjadikan dan memilih Menteri Besar, semata-mata hak bagi raja, dan hal memilih Naib Menteri Besar itu hak bagi Jemaah Menteri, tetapi

hendaklah juga dengan perkenan raja dahulu daripada sah dan ditetapkan.

Syarat Menjadi Menteri Besar dan Naibnya

35. Tiada boleh dijadikan Menteri Besar, atau Naib Menteri Besar akan seseorang yang bukan sudah sedia ada dalam bilangan pegawai-pegawai besar kerajaan, dan sudah menjadi ahli mesyuarat kerajaan.

Menteri-menteri Boleh Memohon Lepas dari Jawatannya

36. Menteri Besar dan Naib Menteri Besar dan lain-lain menteri, ada masing-masing itu kuasa baginya boleh memohon lepas daripada Jemaah Menteri, dan jika diterima permohonannya akan lepaslah; akan tetapi tiadalah hal ia undur daripada Jemaah Menteri itu, menghapuskan dia menarik diri daripada Mesyuarat Kerajaan, melainkan dengan kesukaannya sendiri, itu pun jika diterima permohonannya.

Menteri-menteri yang Sudah Undur Boleh Dipilih Semula

37. Seseorang pegawai besar yang telah masuk dalam Jemaah Menteri, dan telah undur daripada Jemaah itu dengan aturan yang tersebut dalam fasal di atas ini, adalah ia sentiasa dalam keadaan boleh dipilih dan dimasukkan menjadi ahli lagi dalam Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan.

Tidak Terpaksa Pegawai Jadi Menteri

38. Tiadalah terpaksa seorang pegawai menjunjung titah perintah memasukkan ia di dalam Jemaah atau Mesyuarat Kerajaan, dan tiada diwajibkan dia menyatakan sebab-sebab yang ia tiada sanggup itu.

Menteri-menteri Tak Usah dengan Ada Gelaran

39. Tiada diwajibkan bagi seseorang pegawai yang menjadi menteri, walaupun Menteri Besar, atau Naib Menteri Besar itu, ada ia mempunyai gelaran "Dato", sama ada gelaran "Dato" bagi kerajaan, atau gelaran "Dato" bagi sesuatu darjah yang dikurnia-

kan raja kepadanya, atau sesuatu gelaran yang lain; akan tetapi adalah termaklum pangkatnya di antara taulan-taulannya, dan dalam istiadat-istiadat kerajaan dan di hadapan isi negeri, oleh kerana hak jawatannya menjadi menteri itu.

**Raja Ada Hak
Mengeluarkan
Menteri,
dan Jemaah Menteri
Boleh Memohon
Lepaskan Seseorang
daripada Taulannya**

40. Adalah hak dan kuatkuasa bagi raja, boleh melepaskan dan mengeluarkan seseorang menteri daripada jawatannya; dan adalah hak dan kuatkuasa Jemaah Menteri itu boleh memohon kepada raja minta lepas dan keluarkan seseorang taulannya daripada jawatannya dalam Jemaah Menteri itu, jikalau menteri yang demikian itu berbuat sesuatu kesalahan yang berat dosanya pada hukum syariat, atau pada undang-undang negeri; atau pada timbangan istiadat kehormatan dan yang telah didapati dengan cukup siasat, telah terang dan sabit ia berdosa, iaitu seperti menderhaka, atau cuba hendak menderhaka kepada raja atau kerajaan; atau menyuruh, atau beserta pada mencuba atau bersubahat membunuh orang; atau merompak, menyamun, atau mencuba berbuat sesuatu daripada itu; atau makan suap, dan mencuba hendak makan suap; atau suatu yang lain perbuatan yang jahat dan berdosa pada hukum Allah dan negeri; dan bolehlah kelepasan dan keluarannya daripada jawatannya itu, sama ada dengan ditambah atasnya sesuatu hukuman lain atau tidak, atau sama ada dengan dipecat atau diturun akan dia daripada pangkatnya (jikalau ia berpangkat atau gelaran yang lain) atau tidak, iaitu mengikutlah bagaimana timbangan raja pada masa menimbangkan dosa pegawai yang demikian itu.

**Menteri-menteri
dan Pegawai yang
Bergelar, Keluar
dari Jawatannya**

41. Jikalau seseorang menteri atau pegawai ada gelaran Dato', atau lain-lain gelaran kerajaan, keluar dari jawatannya, dengan memohon lepas atau dilepaskan daripada jawatannya, dengan tiada sesuatu kesalahan atau dosa, seperti yang tersebut di atas tadi; hanyalah tercabut daripada namanya gelaran yang tertentu atau khas bagi jabatannya sahaja, iaitu misalnya "Dato' Penggawa", atau "Dato' Bentara". Jikalau ia memohon keluar daripada Jemaah Menteri, akan tercabutlah daripadanya gelaran yang menjadikan jawatannya, iaitu "Penggawa", atau Bentara", dan tertinggallah gelaran atau pangkat "Dato" itu sahaja kepadanya; dan demikian juga aturan gelaran-gelaran yang terbit daripada darjah yang dikurniakan kepada seseorang pegawai kerajaan.

**Pekerjaan-
pekerjaan
Jemaah Menteri**

42. Adalah Jemaah Menteri itu kaedahnya menjadi penolong dan timbalan yang khas kepada raja. Maka dari sebab itu harus, wajib dan berbahagia bagi raja yang mengambil syor, fikiran dan ikhtiar daripada Jemaah itu dalam segala pekerjaan dan perkara yang berkenaan dengan faedah-faedah negeri dan rakyat; dan demikian, patut dan harus bagi tiap-tiap menteri itu, dalam perkara yang besar-besar dan berat-berat dalam jawatannya, sendiri meminta dan mengambil syor, fikiran dan ikhtiar taulan-taulannya, yakni aturan tolong-menolong; akan tetapi adalah disifatkan tiap-tiap menteri itu keadaannya memikul tanggungan-tanggungan baik jahat jawatannya, ia sendiri jua.

**Persidangan
Jemaah Menteri**

43. Hendaklah Jemaah Menteri itu bersidang sekurang-kurang sebulan sekali, melainkan dalam bulan Ramadan dan pada hari-hari

besar tidak diwajibkan; dan pada lain-lain masa bila dikehendakkan.

Pertama, dengan titah perintah raja.

Kedua, dengan permintaan menteri atau naib.

Ketiga, dengan permintaan tiga orang ahli Jemaah Menteri.

44. Dalam suatu persidangan Jemaah Menteri, lima orang ahli jadi suatu "cukup bilang"; akan tetapi diwajibkan jika ada masa, diberitahu kepada semua ahli yang ada, dalam hal hendak diadakan persidangan itu.

**Cukup Bilangan
Jemaah Menteri**

Mesyuarat Kerajaan

45. Adapun timbalan yang am kepada kerajaan, iaitu "Mesyuarat Kerajaan" namanya; dan yang menjadi ahli-ahli baginya, iaitu menteri-menteri dan lain-lain pegawai besar dan ketua-ketua kerajaan, yang dijadikan oleh raja dengan syor Jemaah Menteri daripada suatu masa kepada suatu masa.

**Ahli Mesyuarat
Kerajaan**

46. Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang lain daripada menteri-menteri itu, hendaklah dijadikan dengan pilihan raja, dan dengan syor atau persekutuan Jemaah Menteri; dan bilangan ahli-ahlinya tidak kurang dari 16 orang, iaitu masuk seorang Yang Dipertua, dan Naib Yang Dipertua.

**Wajib daripada
Rakyat Johor**

47. Tidak diwajibkan ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan itu semuanya daripada bangsa Melayu agama Islam; akan tetapi diwajibkan semuanya daripada rakyat Johor.

**Mengangkat
Sumpah
Bersetia**

48. Hendaklah tiap-tiap ahli Mesyuarat Kerajaan itu masuk dengan mengangkat sumpah bersetia kepada raja dan kerajaan,

dan mengaku akan memberi syor, fikiran dan ikhtiar dengan hati yang betul dan niat yang baik, bagi kesempurnaan dan keuntungan negeri dan rakyat.

**Pekerjaan
Mesyuarat Kerajaan**

49. Adapun pekerjaan-pekerjaan Mesyuarat Kerajaan itu, iaitu terutamanya membantu akan raja dan Jemaah Menteri dalam hal-hal mentadbirkan negeri dan rakyat, iaitu seperti membuat dan menjadikan, membetul dan menambah, atau meminda akan undang-undang dan aturan daripada segala jenis dan rupa; melainkan undang-undang agama dan hukum syarak. Dan memikirkan hal membuka negeri, dan mengerjakan amar negeri, dan memberi ikhtiar yang baik bagi menerbitkan hasil, dan menambah akan perniagaan, dan membaikkkan hal-hal kedudukan rakyat, serta mengadakan syor bagi mengekalkan aman dalam negeri dan daerah takluk jajahan Johor, dan memanjangkan muhibah dan perdamaian dengan kerajaan-kerajaan asing.

**Cukup Bilang
Mesyuarat
Kerajaan**

50. Adalah cukup bilang bagi suatu persidangan Mesyuarat Kerajaan itu tujuh orang, jikalau jumlah semua ahlinya tiada kurang dari enam belas orang. Dan lima belas orang, jikalau semuanya tiada kurang dari tiga puluh dua orang. Dan tiga puluh satu orang, jikalau semuanya tiada kurang dari enam puluh empat orang atau lebih.

**Persidangan-
persidangan
Mesyuarat Kerajaan**

51. Hendaklah Mesyuarat Kerajaan bersidang sekurang-kurangnya dua bulan sekali; atau bila-bila ada titah perintah menyuruh; atau bila-bila diminta oleh Jemaah Menteri; atau bila-bila dikehendakkan oleh tiada kurang dari separuh daripada jumlah

bilangan ahli-ahli dalam Jemaah Mesyuarat itu, iaitu kehendak ahli-ahli itu, dan pekerjaan atau perkara yang hendak dimesyuaratkan itu dinyatakan kepada Jemaah Menteri jelas tiga hari lebih dahulu, dan tiada diwajibkan sesuatu persidangan itu diadakan dalam bulan puasa; atau hari-hari yang tertentu hari besar kerajaan; atau hari raya; atau kelepasan orang ramai. Dan adalah makna dua bulan sekali itu, iaitu renggang di antara penghabisan suatu masa yang dikatakan ada lagi duduk mesyuarat (sama ada banyak hari-harinya atau sedikit) dengan masa persidangan yang baharu hendak diadakan.

Ahli-ahli Sama dan Setara Hak-haknya dalam Persidangan

52. Di dalam segala persidangan, pada segala masa persidangan Mesyuarat Kerajaan, adalah sekalian ahli itu, sama ada setara hak-hak dan kuatkuasa seorang dengan yang lain, iaitu tiap-tiap seorang ada suatu "syor" boleh digunakannya pada menyertai atau berlawan atau barang yang dimesyuaratkan itu; akan tetapi hendaklah diwajibkan atas tiap-tiap ahli Mesyuarat Kerajaan itu menggunakan "syor"nya, melainkan dengan kesukaannya sendiri. Maka apa-apa keputusan pihak yang banyak bilangan suara itulah yang diterima dan boleh dipersembahkan kepada raja.

Ingatan-ingatan Persidangan Disimpan

53. Hendaklah hal-hal yang jadi dalam persidangan Mesyuarat Kerajaan itu ditulis dan disimpan ingatannya (minit) dalam suatu kitab dengan terang dan sempurna; dan undang-undang, atau aturan-aturan, atau benda-benda yang berkenaan dengan isi negeri, hendaklah dizahirkan setelah dapat lulus atau kebenaran raja.

**Kebenaran-
kebenaran Raja**

54. Hendaklah tiap-tiap lulus atau kebenaran raja itu, menentukan pada apa masa akan dimulai berlaku undang-undang atau aturan-aturan yang telah dijadikan itu.

**Tiada Dapat
Kebenaran Raja Atas
Keputusan-
keputusan
Mesyuarat Kerajaan**

55. Jikalau ada sesuatu undang-undang atau aturan, atau perkara, atau benda yang tidak lulus atau dibenarkan oleh raja; bolehlah dibawa semula ke dalam persidangan Mesyuarat Kerajaan pada kali yang lain persidangannya; dan jika sudah tiga kali berturut-turut lulus dan dibenarkan oleh raja, tiadalah boleh perkara itu dibawa lagi, melainkan setahun di belakang daripada masa yang akhir telah dipersidangkan.

Maka jikalau ditetapkan demikian jua timbangan perkara itu oleh Mesyuarat Kerajaan, pada kali yang keempatnya haruslah dilulus dan dibenarkan oleh raja, kerana yang demikian hapuslah taksir raja.

**Cadangan dalam
Undang-undang Ini**

56. Adalah dicadangkan dalam undang-undang ini bagi Mesyuarat Kerajaan itu, ada hak bagi raja dan kerajaan, boleh membaiki dan membetul, meminda, dan menambah-nambah akan aturan-aturan dan undang-undang bagi persidangan dan kedudukan Mesyuarat Kerajaan; akan tetapi hendaklah apa-apa aturan dan undang-undang yang ada tengah berjalan dan dipakai itu, dilakukan dengan kuat dan sebenarnya, selagi belum ada dipecah atau dimansuhkan dengan lain.

Berbagai-bagai Ingatan

**Agama Negeri
dan Agama Lain**

57. Adalah yang dikatakan "Agama negeri" bagi jajahan dan kerajaan Johor ini, iaitu agama Islam. Maka yang demikian, hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya menjadi diakui dan disebut "agama negeri", yakni tiadalah

sekali-kali boleh sebarang agama lain dijadikan atau disebut agama negeri, sunguhpun segala agama lain ada dibenarkan, dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dengan aman dan sempurna, boleh dipergunakan dalam segala dan segenap daerah takluk Kerajaan Johor oleh orang yang beragama akan dia.

**Undang-undang
dan Adat Negeri**

58. Hendaklah segala undang-undang dan adat negeri dijalankan dan diperlakukan dengan adil dan benar oleh segala mahkamah kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di antara sekalian isi negeri dan yang dagang yang berhenti dan duduk bernaung di dalamnya, sama ada sementara atau dengan lanjut-lanjutan masanya, yakni dengan tiada sedikit pun melebihi akan timbang rasa atau pandangan atau cenderung kepada pihak-pihak yang beragama akan agama negeri, iaitu Islam; atau memperbezakan rakyat negeri dengan yang bukan rakyat negeri.

**Muhibah Kerajaan
dengan Kerajaan Lain**

59. Hendaklah raja dan Kerajaan Johor sentiasa dan berkekalan ada dalam keadaan dan kedudukan muhibah dan baik dengan kerajaan-kerajaan lain, istimewanya dan terutamanya dengan bangsa dan kerajaan British (Inggeris).

**Memegang
Perjanjian (treaties)**

60. Selagi tidak ada perbuatan yang sah dan terang, aniaya yang besar dan jahat, dari pihak bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan yang ada berperjanjian (treaty) dengan Kerajaan Johor, dan tiada perbuatan-perbuatannya yang memecahkan perjanjian atau perjanjian-perjanjian itu dengan zalim, atau tiada insaf kelakuannya daripada pihak mereka itu; hendaklah raja dan kerajaan

Johor, sentiasa dan berpanjangan, dan dengan taat dan betul, dan lurus mengikut, dan menyempurnakan syarat-syarat perjanjian-perjanjian (treaties) yang telah ada sedia diperbuat, atau yang akan diperbuat dengan kerajaan-kerajaan asing itu.

Ucapan Kerajaan

61. Hendaklah Ucapan Kerajaan, iaitu "Kepada Allah Berserah" itu, dan Tanda Kerajaan, dan Mahkota, serta segala alatan kerajaan, bendera raja, dan bendera negeri atau bangsa itu, selama-lamanya dipakai dan diperkekalkan dengan rupa dan keadaannya bagaimana yang ada itu juga, dengan tiada diubah dan dipinda-pinda; dan demikian juga Ucapan Kerabat Raja itu "Muafakat Itu Berkat", hendaklah dipakai dan diperkekalkan.

Darjah dan Pingat Besi Dikekalkan

62. Hendaklah dua jenis darjah yang ada sekarang, selama-lamanya dipakai dan diperkekalkan bagaimana rupa dan keadaannya yang ada itu juga; iaitu "Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati", dan "Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia" itu. Dan daripada pingat yang ada itu, hendaklah selama-lamanya dipakai dan diperkekalkan "Pingat Besi", iaitu balasan bagi keberanian dan jasa-jasa kepada kerajaan dalam pekerjaan-pekerjaan yang merbahaya kepada nyawa.

Ingatan Jangan Deras Membuat Darjah

63. Sungguhpun dinyatakan di dalam undang-undang ini hendaklah dipakai dan diperkekalkan daripada yang tersebut itu, tiada pula dilarang atau ditegah akan raja daripada membuat, menjadi, dan mengadakan darjah-darjah dan tanda kemuliaan dan kebesaran yang lain, kerana raja itu "mata air" bagi segala kemuliaan, raja kebesaran; akan tetapi adalah diperingatkan, jangan

diperbuat, menjadi, dan diadakan sesuatu darjah lain, dengan sebab semata-mata hendak membanyakkan dan menambahkan bilangan darjah sahaja, dengan tiada diperkirakan dengan hormat dan baik, adalah berguna dan berkehendak dijadikan yang baharu; kerana banyak bilangan, dan terlalu banyak kelihatan dalam negeri tanda-tanda kemuliaan dan kebesaran itu, akan menjadikan kurang mutu dan kurang harga semuanya itu; istimewa pada tentang suatu kerajaan yang kecil.

64. Pada akhir undang-undang dan ingatan ini, adalah kita percadangkan dan persyaratkan bagi diri kita dan waris ganti kita, dengan syor dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan, sentiasa ada hak dan kuatkuasa boleh menambah dan membesar-besarkan kawasan undang-undang ini daripada suatu masa kepada suatu masa, bila-bila sahaja difikirkan patut atau wajib diperbuat demikian; iaitu dengan aturan tiada mengubah, meminda, mengorak, memecah, dan membinasakan asas atau maksud atau tujuan undang-undang yang kita telah perbuatkan, adakan, berikan, dan tetapkan ini. Dan lagi pula, ada hak dan kuatkuasa bagi kita dan waris-waris ganti kita, dengan pertolongan dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan, atau bagi Mesyuarat Kerajaan sahaja, boleh menentukan dan menetapkan syarah-syarah, tafsir-tafsir, bacaan-bacaan, dan makna-makna segala atau sesuatu daripada fasal-fasal, atau sebarang perkataan atau perkataan-perkataan dalam fasal-fasal yang terkandung di dalam undang-undang ini. Jika pada sebarang masa yang ke hadapan kelak didapati patut dan harus diperbuat demikian,

oleh kerana hendak menjadikan dia lebih terang, khusus, maka syarah-syarah, tafsir-tafsir bacaan, dan makna-makna yang demikian, kelak ditentu dan ditetapkan akan menjadi, dan diterimalah seperti suatu bahagian daripada Undang-undang Tubuh Kerajaan ini juga; dan akan terpakailah, dengan tiada boleh ditempek-tempek lagi adanya. Bahkan demikianlah Undang-undang dan Aturan-aturan Tubuh Kerajaan Johor.

Barang dirahmati Allah subhanahu wa taala Malikul Muluk, dan diberkati Nabi Muhammad Salallahu alaihi wassalam, akan segala Undang-undang dan Aturan-aturan Tubuh Kerajaan Johor ini selamalamanya. Amin, ya Rabbul Alamin.

Diperbuat dalam istana kita di Johor Baharu, pada 18 hari bulan Syawal, Hijrah al Nabi Salallahu alaihi wassalam seribu tiga ratus dua belas Sanah (1312); bersamaan dengan hitungan Masihi 14 hari bulan April, seribu delapan ratus sembilan puluh lima (1895); iaitu tahun yang ketiga puluh empat kita di atas kerajaan.

Pada menyaksikan lulus dan ketetapan Undang-undang Tubuh Kerajaan ini, serta persekutuan dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan, dengan aturan yang taat, teguh bersetia dan benar; adalah sekalian ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang hadir, membubuh tandatangan masing-masing di bawah ini:

| | | |
|--|---|--|
| Muhammad Khalid Bin Ibrahim Engku dan Dato' Kerabat | Ibrahim Tengku Mahkota dan Dato' Kerabat | Engku Sulaiman Engku dan Dato' Kerabat |
| Ja'afar Bin Haji Muhammad Dato' Menteri Johor | Haji Muhammad Salleh Dato' dan Hakim | Syed Salim Bin Ahmad al-Attas Dato' dan Mufti |
| Muhammad Ibrahim Bin Haji Abdullah Munsyi Dato' Bentara Dalam | Muhammad Salleh Bin Perang Dato' Bentara Luar | Ja'afar Bin Nong Yahya Dato' Penggawa Timur |

| | | |
|---|--|--|
| Abdul Samad Bin Ibrahim Dato' Penggawa Barat | Muhammad Yahya Bin Awaluddin Dato' | al-Haji Abdul Rahman Dato' dan Kadi |
| Abdullah bin Tahir Dato' Seri Setia Raja | Yahya Bin Sa'aban Dato' | Andak Dato' |
| Muhammad Bin Mahbob Dato' | Abdul Rahman Bin Andak Dato' Seri Amar Diraja | |

Dengan nama Allah subhanahu wa ta'ala, mengaku kita dengan sebenar-benarnya, berlaku Undang-undang Tubuh Kerajaan ini di atas kita dan kerajaan kita adanya.

Ibrahim (*di sain*)

Cap Sultan Ibrahim Johor

Syahid Ali Zalik (*di sain*) Ja'afar bin Haji Muhammad

Istana Besar

24 hari bulan Rabiulawal Sanah 1313

berbetulan 14 September, tahun al-Masihi 1895.

Tercetak di Pejabat Kerajaan Johor 1898

19 DEC 1989

